



PENYATA JAWATANKUASA KIRA – KIRA WANG NEGARA (PAC)



**LAPORAN KEMAJUAN KAPAL
PERONDA GENERASI KEDUA
BAGI TENTERA LAUT DIRAJA
MALAYSIA
DI BAWAH KEMENTERIAN
PERTAHANAN MALAYSIA
(MINDEF)**



DR. 22 TAHUN 2026





AHLI-AHLI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN KE-15

1. YB Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] - Pengerusi
2. YB Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] - Naib Pengerusi
3. YB Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
4. YB Puan Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
5. YB Dato' Haji Adnan bin Abu Hassan [Kuala Pilah]
6. YB Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
7. YB Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Sekijang]
8. YB Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan [Wangsa Maju]
9. YB Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
10. YB Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
11. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
12. YB Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
13. YB Datuk Ali anak Biju [Saratok]
14. YB Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
15. YBrs. Dr. Nizam Mydin bin Bacha Mydin - Setiausaha PAC /
Setiausaha Dewan Rakyat

WAKIL TETAP KERAJAAN DALAM PAC (EX-OFFICIO PAC PARLIMEN)

1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)
2. Kementerian Ekonomi (KE)
3. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)
4. Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
5. Jabatan Audit Negara (JAN)
6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)
7. Penasihat Undang-Undang (PUU) Parlimen Malaysia



KANDUNGAN



PERKARA	MUKA SURAT
GLOSARI	
1. PENDAHULUAN	1
2. OBJEKTIF PROSIDING	1
3. SKOP DAN METODOLOGI	2
4. LATAR BELAKANG PROJEK PEMBINAAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – <i>LITTORAL COMBATANT SHIP</i>	3
5. PROSIDING DAN LAWATAN KERJA PAC	4
5.1 Lawatan Kerja PAC Parlimen	4
5.2 Prosiding Kemajuan Pembinaan LCS	5
5.3 Taklimat Perolehan <i>Naval Strike Missile</i> (NSM) Sebagai <i>Surface-To-Surface Missile</i> (SSM) Bagi Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – <i>Littoral Combat Ship</i> (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia	5
6. PERKEMBANGAN KEMAJUAN PEMBINAAN PROJEK LCS SEHINGGA JANUARI 2026	6
6.1 Status Terkini Kemajuan Fizikal	6
6.1.1 Justifikasi Kerja Semula Reka Bentuk Terperinci (<i>Detailed Design</i>)	8
6.1.2 Baki Kerja 17.16% dan Integriti Keselamatan	9
6.1.3 Status Pengesahan Kualiti Kimpalan dan Peranan Badan Klasifikasi	10
6.1.4 Justifikasi Kelewatan Pembekalan Peralatan OEM	11
6.1.5 Status Perolehan CMS	13
6.1.6 Protokol Pengujian dan Integrasi LCS	14
6.1.7 Strategi Mitigasi Risiko dan Kesiapsiagaan Projek LCS	16
6.1.8 Tempoh Latihan Intensif Kru TLDM	19
6.2 Garis Masa Penyerahan Aset	20
6.3 Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus	21
6.3.1 Implikasi Kos Terhadap Perubahan Reka Bentuk	21
6.3.2 Mekanisme Kawalan Pembayaran	24
6.3.3 Obligasi Liabiliti dan Waranti LCS	25
6.3.4 Obligasi Pemulihan Aset	27
6.3.5 Tadbir Urus Dana dan Keupayaan Operasi LUNAS	28
6.3.6 Reformasi Tadbir Urus	29

PERKARA	MUKA SURAT
6.3.7 Implikasi Kelewatan Dana Mobilisasi Terhadap Garis Masa Projek LCS	31
6.3.8 Status dan Justifikasi Dendaan Penalti (LAD)	32
6.3.9 Keupayaan Peperangan Kapal LCS	33
6.4 Status Siasatan SPRM	33
6.5 Struktur Pengawasan dan Kestabilan Bajet	34
7. RUMUSAN PAC PARLIMEN	36
8. SYOR PAC PARLIMEN	37
GAMBAR PROSIDING	-
AGENDA MESYUARAT	-
LAPORAN PROSIDING (HANSARD)	-



GLOSARI

GLOSARI

CMS	<i>Combat Management System</i>
DLP	<i>Defect Liability Period</i>
EVM	<i>Earned Value Method</i>
HAT	<i>Harbour Acceptance Test</i>
JANM	Jabatan Akauntan Negara Malaysia
JPA	Jabatan Perkhidmatan Awam
KE	Kementerian Ekonomi
KSU	Ketua Setiausaha
LAD	<i>Liquidated Ascertained Damages</i>
LCS	<i>Littoral Combatant Ship</i>
LUNAS	Lumut Naval Shipyard Sdn. Bhd.
MINDEF	Kementerian Pertahanan Malaysia
MKD	Menteri Kewangan Diperbadankan
MOF	Kementerian Kewangan
MRO	<i>Maintenance, Repair and Overhaul</i>
NCR	<i>Non-Conformity Report</i>
NSM	<i>Naval Strike Missile</i>
OEM	<i>Original Equipment Manufacturer</i>
PAC	Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara
PPMMDR	Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat
SAT	<i>Sea Acceptance Test</i>
SIF	<i>Shore Integration Facility</i>
SPRM	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia
SSM	<i>Surface-To-Surface Missile</i>
TLDM	Tentera Laut Diraja Malaysia
VO	<i>Variation Order</i>

**PENYATA JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
PARLIMEN**





**PENYATA JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN
BERHUBUNG
LAPORAN KEMAJUAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA BAGI
TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA
DIBAWAH KEMENTERIAN PERTAHANAN MALAYSIA (MINDEF)**

1. PENDAHULUAN

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) telah memutuskan untuk meneruskan pemantauan rapi terhadap projek pembinaan kapal peronda generasi kedua, *Littoral Combatant Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF).

Bagi memastikan projek pembinaan LCS dilaksanakan mengikut perancangan serta peruntukan kewangan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan, PAC melalui syor dalam Laporan PAC (DR. 13/2023) yang dibentangkan di Dewan Rakyat pada 14 November 2023, telah menetapkan agar MINDEF membentangkan laporan kemajuan projek tersebut kepada PAC bagi setiap tempoh tiga (3) bulan.

Susulan daripada ketetapan tersebut, PAC telah mengadakan lawatan kerja ke Lumut, Perak bagi meninjau status kemajuan fizikal kapal LCS sehingga Januari 2026 pada 30 Januari 2026. Lawatan ini kemudiannya disusuli dengan sesi prosiding Kemajuan Projek Pembangunan LCS pada 4 Februari 2026 bagi menilai prestasi keseluruhan projek selaras dengan standard akauntabiliti yang ditetapkan.

2. OBJEKTIF PERBINCANGAN

2.1 PAC Parlimen memulakan prosiding berhubung Kemajuan Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combatant Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) melalui punca kuasa dan mandat yang diberikan kepada PAC Parlimen seperti berikut:

- i. Peraturan Mesyuarat (PM) 77(1)(d) Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Rakyat (PPMDR);
 - ii. PM 83(2) PPMDR;
 - iii. Arahan Perbendaharaan 12 (Pindaan 2023);
 - iv. Arahan Perbendaharaan 301 (Pindaan 2023); dan
 - v. Seksyen 5 (3) (d), Pekeliling Am No. 1 Tahun 2024 Organisasi Kementerian-Kementerian.
- 2.2 Ini bertujuan untuk mengkaji dan meneliti perkembangan kemajuan baharu dalam tempoh berkenaan bagi memastikan projek LCS dilaksanakan dengan cekap dan berkesan mengikut garis panduan serta prosedur perolehan yang ditetapkan kerajaan. Pada masa sama, LCS perlu disiapkan dan diserahkan kepada TLDM mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan seperti dalam perjanjian antara kontraktor pembina dan MINDEF.

3. SKOP DAN METODOLOGI

3.1. Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- a. Memanggil pihak yang berkepentingan dan terlibat dalam kemajuan pembangunan LCS iaitu:
 - i. Ketua Setiausaha (KSU) MINDEF;
 - ii. Ketua Pasukan Projek LCS TLDM; dan
 - iii. LUNAS (Kontraktor Pembina LCS).
- b. Menjemput ex-officio PAC daripada agensi Kerajaan Persekutuan seperti Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Jabatan Audit Negara (JAN), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Kementerian Ekonomi (KE), Jabatan Akauntan Negara (JANM) dan Pegawai Undang-undang Parlimen untuk menghadiri prosiding PAC Parlimen berhubung isu ini.

3.2 PAC turut merujuk kepada slaid pembentangan MINDEF pada 4 Februari 2026.

4. LATAR BELAKANG PROJEK PEMBINAAN KAPAL PERONDA GENERASI KEDUA – *LITTORAL COMBATANT SHIP*

- 4.1 Projek pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua, *Littoral Combatant Ship* (LCS) bagi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) di bawah Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF) merupakan inisiatif strategik untuk meningkatkan keupayaan pertahanan maritim negara dalam melaksanakan pelbagai operasi. Selain daripada kepentingan pertahanan, projek ini menjadi platform utama dalam membina keupayaan industri pertahanan tempatan selaras dengan Dasar Industri Pertahanan Negara demi menjamin kedaulatan dan kemandirian nasional.
- 4.2 Projek ini bermula pada tahun 2011 melalui syarikat Boustead Naval Shipyard (BNS) dengan tempoh kontrak asal bermula dari 3 Oktober 2013 hingga 2 Oktober 2023. Selepas fasa remobilisasi kontrak pada Mei 2023 melalui pemeteraian kontrak tambahan (*supplemental contract*), syarikat BNS telah dijenamakan semula sebagai Lumut Naval Shipyard (LUNAS) bermula pada 17 Januari 2024.
- 4.3 Dari aspek kewangan, perolehan asal bagi enam buah kapal LCS telah diluluskan secara rundingan terus dengan nilai kontrak awal berjumlah RM9 bilion. Walau bagaimanapun, projek ini telah melalui evolusi kos yang ketara daripada RM6.83 bilion meningkat kepada RM9.18 bilion, dan akhirnya dimuktamadkan pada harga tetap (*fixed price*) berjumlah RM11.22 bilion. Selaras dengan pelarasan kos tersebut, jumlah aset yang akan dibina telah dikurangkan daripada enam (6) buah kepada lima (5) buah kapal sahaja.
- 4.4 Struktur tadbir urus projek telah diperkukuh melalui pengambilalihan penuh syarikat oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), yang kini memegang 100 peratus saham LUNAS di bawah pemantauan langsung Kementerian Kewangan. Mekanisme pembayaran juga telah dirombak daripada sistem *milestone* terdahulu kepada Kaedah Nilai Terperoleh (*Earned Value Method - EVM*) bagi memastikan kerajaan hanya membayar berdasarkan nilai kerja fizikal yang telah disahkan sepenuhnya dan mengelakkan isu terlebih bayar.
- 4.5 Setakat 25 Disember 2025, kemajuan fizikal keseluruhan projek LCS telah mencapai 75.75 peratus berbanding jadual asal 81.57 peratus. Kapal pertama, iaitu KD Maharaja Lela (LCS 1), kini berada pada tahap kemajuan 82.90 peratus

dan disasarkan untuk pentauliahan pada Disember 2026, manakala kapal-kapal seterusnya dijangka akan diserahkan secara berperingkat sehingga April 2029.

5. PROSIDING DAN LAWATAN KERJA PAC

5.1 Lawatan Kerja PAC Parlimen

PAC Parlimen telah mengadakan satu sesi lawatan kerja ke limbungan kapal LUNAS pada 30 Januari 2026 (Jumaat). Lawatan ini adalah bertujuan untuk melihat kemajuan kerja-kerja pembinaan LCS yang sedang dilaksanakan. Lawatan ini telah disertai oleh:

a. Ahli PAC:

- i. Yang Berhormat (YB) Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin (Pengerusi PAC);
- ii. YB Puan Teresa Kok Suh Sim (Naib Pengerusi PAC);
- iii. YB Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail;
- iv. YB Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hassan;
- v. YB Tuan Haji Azli bin Yusof; dan
- vi. YB Dr. Hajah Halimah binti Ali.

b. Ex officio PAC Parlimen:

- i. JPA;
- ii. MOF;
- iii. JAN;
- iv. SPRM;
- v. KE; dan
- vi. JANM.

PAC Parlimen Malaysia telah menjemput Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) Kerajaan Negeri Perak untuk turut serta dalam lawatan kerja ini sebagai manifestasi kepada komitmen memperkukuh kerjasama antara PAC di peringkat Persekutuan dan Negeri. Inisiatif ini adalah selaras dengan resolusi Persidangan Jawatankuasa Kira-Kira Wang (PAC) Negara Bersama Pengerusi PAC Kerajaan Negeri Seluruh Malaysia yang telah berlangsung pada 22 hingga 24 Januari 2026 di Kuala Lumpur bagi memastikan standard akauntabiliti yang tinggi di kedua-dua peringkat kerajaan.

Ahli PAC Kerajaan Negeri Perak yang turut hadir bersama dalam lawatan kerja tersebut adalah seperti berikut:

- i. YB Dato' Zainol Fadzi bin Haji Paharudin (Pengerusi PAC Negeri Perak); dan
- ii. YB Jason Ng Thien Yeong (Timbalan PAC Negeri Perak).

Selain itu, turut serta dalam lawatan kerja ini adalah:

- i. YB Komander Nordin bin Ahmad Ismail TLDM(Bersara) [Ahli Parlimen Lumut];
- ii. YB Puan Norhaslinda Binti Zakaria (ADUN Pangkor); dan
- iii. Laksamana Pertama (B) Hj. Mohamad Imran bin Abd. Hamid.

5.2 Prosiding Kemajuan Pembinaan LCS

Prosiding Kemajuan Pembinaan LCS sehingga Januari 2026 telah diadakan pada 4 Februari 2026 di Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia bermula pada jam 12.00 tengah hari dengan memanggil saksi-saksi seperti berikut:

- i. Datuk Lokman Hakim bin Ali, KSU MINDEF;
- ii. Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph, Ketua Pasukan Projek LCS TLDM; dan
- iii. Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat, Ketua Pegawai Eksekutif (KPE) LUNAS.

5.3 Taklimat Perolehan *Naval Strike Missile (NSM)* Sebagai *Surface-To-Surface Missile (SSM)* Bagi Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship (LCS)* Tentera Laut Diraja Malaysia

Pada 23 Jun 2026, PAC telah memanggil MINDEF bagi mendengar penjelasan komprehensif berhubung tindakan Kerajaan Norway menarik balik dan membatalkan lesen eksport peluru berpandu *Naval Strike Missile (NSM)* bagi Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship (LCS)* Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM).

PAC menzahirkan kebimbangan yang amat mendalam terhadap implikasi kewangan dan operasi akibat pembatalan ini, memandangkan Kerajaan Malaysia dilaporkan telah pun melunaskan 95 peratus daripada nilai keseluruhan kontrak perolehan sistem peluru berpandu tersebut.

Sehubungan itu, PAC amat berharap pihak Kerajaan mengambil langkah mitigasi yang proaktif termasuk mengoptimumkan saluran diplomatik dan memuktamadkan proses rundingan penyelesaian bagi memastikan suatu keputusan yang paling saksama dicapai demi melindungi kepentingan fiskal serta keupayaan tempur pertahanan negara.

6. PERKEMBANGAN KEMAJUAN PEMBINAAN PROJEK LCS SEHINGGA JANUARI 2026

6.1 Status Terkini Kemajuan Fizikal

i. Penjelasan KSU MINDEF

Datuk Lokman Hakim bin Ali [KSU MINDEF] dalam prosiding bertarikh **4 Februari 2026** memaklumkan bahawa kemajuan keseluruhan projek LCS kini mencapai 75.75%, manakala bagi kapal LCS 1 secara khusus telah mencecah 82.90%. Walaupun terdapat sedikit kelewatan berbanding jadual asal, LCS 1 telah berjaya menjalani *sea trials test* pertama pada penghujung Januari 2026 dengan mencapai kelajuan tujuh (7) knot. Susulan perkembangan teknikal ini, jadual pentauliahian bagi LCS 1 telah dipinda kepada Disember 2026, manakala kapal-kapal seterusnya iaitu LCS 2 hingga LCS 5 dijangka akan diserahkan secara berperingkat sehingga April 2029.

Kelewatan yang berlaku berpunca daripada dapatan audit teknikal oleh *Naval Group* yang melibatkan kira-kira 4,000 item yang perlu disemak semula (*rework*), termasuk penambahan kerja pendawaian kabel sepanjang 50 kilometer bagi memastikan kualiti yang terbaik. Mengenai aspek kewangan, sebanyak RM8.3 bilion daripada nilai kontrak keseluruhan berjumlah RM11.2 bilion telah dibelanjakan menerusi kaedah bayaran kemajuan (*progress payment*). Langkah ini diambil bagi menggantikan sistem *milestone* terdahulu bagi memastikan kerajaan hanya membayar mengikut kemajuan fizikal yang telah disahkan sepenuhnya, sekali gus mengelakkan isu terlebih bayar.

Selain itu, MINDEF menekankan bahawa projek LCS merupakan platform penting dalam membina keupayaan industri pertahanan tempatan, selaras dengan Dasar Industri Pertahanan Negara. Pengalaman yang diperolehi daripada pembinaan LCS 1 kini dimanfaatkan sebagai asas rujukan utama bagi


memperkemas serta meningkatkan kecekapan pembinaan kapal-kapal berikutnya. Kepakaran ini juga sangat penting bagi menjayakan projek-projek besar negara pada masa hadapan, seperti perolehan Kapal Sokongan Pelbagai Peranan (MRSS) dan LMS, yang dirancang untuk dilaksanakan sepenuhnya dalam negara demi menjamin kedaulatan dan kemandirian nasional.

ii. **Penjelasan Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM**

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 memaklumkan bahawa projek LCS kini berada pada tahap kemajuan keseluruhan sebanyak 75.73%, namun secara teknikalnya masih mengalami kelewatan jadual sebanyak 5.84%. Kelewatan ini merangkumi tempoh antara 21 hingga 96 hari bagi LCS 1 hingga LCS 4. Walaupun begitu, prestasi kewangan projek dilihat terkawal di mana jumlah pembayaran oleh kerajaan adalah RM8.33 bilion atau 74.42%, kekal berada di bawah nilai kemajuan kerja sebenar, selaras dengan piawaian audit tadbir urus. Pihak TLDM juga mencatatkan pencapaian penting apabila LCS 1 berjaya menjalani *first sea trial* pada Januari 2026, manakala LCS 3 telah berjaya diturunkan ke air iaitu *technical downslip* dan terbukti stabil secara struktural.

Dari aspek teknikal, projek ini menghadapi cabaran besar apabila pihak Naval Group dari Perancis mengarahkan pengubahsuaian terhadap hampir 4,000 konfigurasi paip selepas proses semakan reka bentuk terperinci (*detailed design*). Bagi meminimumkan impak kelewatan, pasukan projek melaksanakan kerja-kerja pembaikan, pengubahsuaian, dan pembinaan secara serentak (*concurrent*). Setakat ini, 10 sistem utama telah lulus Ujian Penerimaan Pelabuhan (HAT). Seterusnya, LCS 1 dijadualkan melalui Ujian Penerimaan Laut (SAT) pada April 2026, diikuti dengan sembilan ujian khas termasuk ujian mod senyap dan pengesanan profil magnetik bagi memastikan keupayaan halimunan kapal terhadap kapal selam. Secara keseluruhannya, tarikh penyerahan bagi LCS 1 disasarkan pada Disember 2026.

LCS Project Status as of 25 Dec 25



Sumber: Slide Pembentangan MINDEF dalam prosiding 4 Februari 2026

6.1.1 Justifikasi Kerja Semula Reka Bentuk Terperinci (*Detailed Design*)

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarih 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa projek LCS terpaksa menjalankan proses reka bentuk terperinci dan pembinaan secara serentak, yang menyimpang daripada norma lazim projek pembinaan kapal. Walaupun syarikat tempatan, LUNAS, telah menyiapkan reka bentuk pada Ogos 2024, pihak Naval Group dari Perancis selaku pemegang lesen telah mensyaratkan semakan semula yang menyeluruh. Maklum balas semakan tersebut yang diterima pada April 2025 telah mengarahkan kerja semula (*rework*) besar-besaran melibatkan hampir 4,000 konfigurasi paip dan kabel dan merupakan salah satu punca berlakunya kelewatan.

“Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Izinkan saya Yang Berhormat, isu design. Design sehingga Ogos 2024, usaha menyiapkan detailed design adalah usaha anak tempatan which is syarikat LUNAS. So, syarikat LUNAS berdasarkan guidelines yang mereka telah diberi oleh Naval Group, the French license holder, telah pun menyiapkan design tersebut as per the contract. Kontrak mensyaratkan untuk detailed design ini diselesaikan dan diserahkan kepada pihak TLDM.

Dalam proses-proses pembinaan yang lazim yang selalu kita lihat, design ini kena siap 100 peratus baru kita memulakan pembinaan. This is normal-lah, norm in any project. Tapi dalam kes LCS ini, disebabkan sejarah yang projek ini bawa, kita tak dapat melaksanakan proses ini sepenuhnya.

Kita terpaksa — I use the word ‘tarik tali’ lah. Tarik talinya adalah kita buat design dan juga pembinaan (construction) kapal ini secara serentak. So, design dilaksanakan oleh

one part of the shipyard, manakala pembinaan diteruskan oleh another part of the shipyard. So, aktiviti ini berlangsung dan berlangsung sehingga sekarang.

Cuma design yang selesai pada Ogos 2024, pereka kapal, Naval Group mensyaratkan untuk design itu disemak semula. So, apabila anak syarikat dah siapkan — sorry, anak tempatan dah siapkan design, mereka terpaksa hantar balik ke Naval Group untuk penyemakan. Hasil penyemakan inilah yang kita jumpa piping kena betulkan banyak ini, cabling kena buat balik banyak ini. So, itu yang memakan masa tambahan. So, inilah yang kita tunjuk dalam slaid kita ini.

Pengesahan tersebut hanya LUNAS terima balik pada 30 April 2025. Sebulan lewat daripada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi. Yang Berhormat Menteri Pertahanan masa itu bulan Mac dia dah declare, dia kata dalam sesi Parlimen, dia declare dia kata, “Okey, kapal ni boleh siap by October”. Tapi kita belum dapat lagi maklumat yang terperinci ini. So, itulah antara kepincangan dalam isu design.”

[Muka surat 17-18, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.1.2 Baki Kerja 17.16% dan Integriti Keselamatan

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa baki 17.16% kerja yang belum selesai berpunca daripada pertindihan fasa reka bentuk dan pembinaan secara serentak (*parallel work*). Impak daripada kaedah ini ialah keperluan kerja pembaikan semula (*rework*) yang ekstensif, terutamanya melibatkan pemasangan semula kabel dan paip, yang seterusnya menjejaskan jadual ujian penerimaan pelabuhan (HAT).

Di sebalik tekanan kelewatan tersebut, beliau memberikan jaminan bahawa aspek keselamatan peralatan dan personel adalah keutamaan mutlak. Tiada jalan pintas (*shortcut*) dibenarkan dalam prosedur pengujian, dan pematuhan terhadap piawaian keselamatan ini tetap dipertahankan bagi menjamin kualiti akhir kapal.

“Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: ... Yang kedua, dalam pembinaan LCS 1 ini, peratusan penyiapan dalam laporan adalah 82.84 peratus ya, berbanding dengan actual sebanyak 96.52 peratus. Jadi, boleh tak terangkan kepada PAC, pecahan 17.16 peratus yang masih lagi belum selesai dari segi aspek practicality, functionality dan juga keselamatan? Yang mana portion yang paling besar yang boleh mempengaruhi penyiapan kapal LCS 1 ini. Terima kasih.

...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Okay. Allow me Yang Berhormat, if I can go to the — tolong pergi next two slides yang ada gambar merah dengan, bar graph merah dengan hijau. Next, next, next. Bukan ini. Ha, next. Ha, ini. Okey.

Ini just — saya ulang balik slaid inilah. Slaid ini cerita dia, the longer the overlap period yang kita ada semasa fasa design dengan construction, fasa design construction yang menyumbang kepada rework, you will see smaller portion of progress. Okay.

So, contoh LCS 1, kita ada 20 bulan overlap antara construction dengan design. So, hari ini untuk tempoh ukuran lapan bulan yang lepas, kita hanya berjaya dapat dua peratus, 2.6, 2.7 percent. Compared to LCS 2, out of 11 months, kita dapat 6.2 percent. Coming back to Yang Berhormat Pengerusi punya soalan, di mana percentage paling besar? Sekarang, percentage variant untuk LCS 1 adalah roughly about 17 percent. Okay. So, what is the biggest contributor for that 17 percent?

There are two areas. One adalah the slowness in the construction. Kita nampak sekarang ini, construction dah plateau, dah come to a plateaued state of about three percent and it's been going there for the last 8 months. We foresee this plateau to continue also until March–April this year, 2026. Okay. So, construction is a challenge, kenapa? Balik kepada cerita kita awal tadilah, kita banyak buat aktiviti secara in parallel.

So, bila buat design dengan construction in parallel, inilah cabaran yang kita jumpa dan rework yang datang bersangkutan dengan aktiviti yang parallel tersebut. Alright. So, a big portion of that is construction. The other one is, due to this extensive recabling, repiping punya kerja, kita kini lambat dalam proses untuk memulakan trials.

Sekiranya ahli-ahli tengok tadi kat slaid kapal satu tadi itu, kita fasa memulakan trials tadi sepatutnya Q1 of 2026. Okay. As I mentioned, up to today, only 10 systems we have completed. So, we were expecting a lot more. But, disebabkan oleh overlap of work, kerja recabling yang kena buat semula, benda ini semua akan mengganggu ataupun melewati kita punya proses untuk buat harbour acceptance trials. So, dua elemen besar yang mengekang at the moment lah.

Cuma, I can give assurance to Ahli-ahli Yang Berhormat of PAC, kita tak kompromi on safety. There is no compromise. Whatever given or taken, at the end of the day, safety of personnel and safety of equipment is paramount. So, kalaulah kita kata ada sesetengah benda ini kita nak shortcut buat ujian simple ke apa, no. There is no such thing. And, there is too much at stake.

Saya rasa benda ini, LUNAS from their management, CEO all the way down, dah terapkan pun to the working culture. We do not want them to do shortcuts, alright. Disebabkan, if anything goes wrong — ya lah, kita boleh je kata, "Eh, never mind lah. You sambung wayar macam ni, you test je lah. Boleh je buat, McGyver punya style."

Tapi, if something happens, who is answerable? So, that is something that both team LUNAS dan juga team pengawas pasukan projek saya, we are very strict about following that. Dan benda ini, by being very strict, benda ini juga menyumbang kepada that layers of bureaucracy lah. So, you kena lepaslah benda ini dulu, baru you boleh buat ujian seterusnya.

Selagi you tak lepas, tak buktikan certain evidence, you tak boleh bawa ke the next step. Itu antara cabaran yang kita ada dalam menentukan peralatan-peralatan selamat dan juga orang selamat. I hope I answered your questions.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih."

[Muka surat 36-38, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.1.3 Status Pengesahan Kualiti Kimpalan dan Peranan Badan Klasifikasi

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan

bahawa proses verifikasi kualiti, terutamanya melibatkan isu kimpalan, dilaksanakan secara berkala dan berperingkat mengikut setiap fasa pembinaan yang ditetapkan. Beliau menegaskan bahawa setiap isu kimpalan hanya akan ditutup setelah melalui pemeriksaan rapi dan mendapat pengesahan daripada wakil badan klasifikasi pada setiap *checkpoint* pembinaan.

“Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, yang ni sebab — boleh tak respons kepada persoalan saya kenapa tidak ada laporan dihantar pada PAC? Sebab soalan yang saya nak tanya ni adalah berkaitan dengan apa yang telah pun ada dalam prosiding yang lepas ya.

Kalau kita tengok daripada ringkasan kenyataan ni pada 2024. Ini sebab nak letak dalam rekod saja berkenaan dengan isu kimpalan yang ada 80 persen — merangkumi 80 persen adalah berkaitan dengan isu kualiti. Ini yang lepas punya ya. Jadi, sekarang ni semuanya telah ditutup dan juga telah pun disahkan oleh badan klasifikasi sebab nak letak dalam rekod Hansard.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: In stages, secara berkala. Setiap kali, to clarify that statement Yang Berhormat, setiap kali ada *checkpoint* yang berlaku, pada *checkpoint*, *checkpoint* yang menjurus kepada pembinaan construction of the ship, ya ada fasa di mana wakil badan klasifikasi akan turut serta sama-sama melaksanakan pemeriksaan dan selepas sesi itu barulah kita boleh tutup isu-isu berkaitan dengan kimpalan.

Contoh yang paling dekat saya boleh beri, baru-baru ni kita nak turunkan LCS 3. Kita kata kita pun dah tunjuk gambar kapal dah berjaya turun malam apa semua tu, up to the day of the event sampailah ke 30 hari bulan, hari ahli-ahli mulia ni datang melawat di Lumut, ada pemeriksaan oleh badan klasifikasi. While we were visiting the ship on the side, badan klasifikasi was doing their job on LCS 3 doing their welding and hull inspection.

Dan, pada sesi itu there is one shot you all see kita buat finale meeting untuk LCS 3. Sesi itu dilaksanakan pada waktu malam supaya kita dapat pengesahan ship is fit to be put on water. So, ya ada tapisan-tapisan ini sentiasa dilaksanakan.”

[Muka surat 29-30, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.1.4 Justifikasi Kelewatan Pembekalan Peralatan OEM

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menegaskan bahawa kelewatan pembekalan peralatan bagi projek LCS bukan berpunca daripada kegagalan syarikat membuat pembayaran kepada pembekal (*Original Equipment Manufacturer - OEM*), sebaliknya disebabkan oleh faktor luar jangka pasca-pandemik COVID-19.

Beliau menjelaskan bahawa beberapa pembekal utama di Eropah, termasuk pembekal sistem pendaratan helikopter (*Helicopter Visual Landing Aids System*), telah gulung tikar, sekali gus memaksa LUNAS mencari vendor

alternatif. Proses penggantian ini memakan masa tambahan kerana setiap komponen baharu perlu melalui prosedur pensijilan semula (*recertification*) yang ketat bagi memenuhi piawaian ketenteraan dan keselamatan yang ditetapkan. Bagi menepis dakwaan masalah hutang, beliau turut memberikan jaminan bahawa status kewangan syarikat berada dalam keadaan stabil dengan tadbir urus yang amat ketat, di mana laporan pembayaran kepada vendor dipantau secara mingguan oleh MOF bagi memastikan integriti dan kelancaran aliran tunai projek.

“Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, sikit. Saya nak balik pada soalan tadi yang belum dijawab oleh pihak syarikat sendiri ataupun oleh kementerian. Soal statement oleh Menteri itu ya.

Punca kelewatan yang terpaksa dibuat semula jadualnya itu adalah kerana kelewatan peralatan yang dibekalkan oleh OEM. Jadi, itu disebut oleh Menteri. Alasan ini saya ingat sudah sekian lama diberikan, sejak awal prosiding LCS ini. Saya sendiri dah dua penggal Yang Berhormat Pengerusi, prosiding LCS ini. Penggal yang dulu dan sekarang. Jadi, soalan saya ini mudah. Jawab ya atau tidak. Ya lah lebih mudah sahaja.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Ya, ada impak dan ada juga...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Biar saya habiskan soalan saya dulu.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Adakah benar bahawa sekarang ini, maknanya syarikat LUNAS gagal membuat pembayaran mengikut jadual kepada pembekal OEM ini sehingga kelewatan peralatan itu?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Tidak benar, Yang Berhormat. Kita tak ada masalah untuk membuat pembayaran kepada syarikat. Tidak wujud di mana pihak syarikat tidak membayar kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh syarikat. Maklum balas ini juga kita kongsi secara telus dan secara berkala kepada pihak pasukan projek TLDM dan juga kementerian.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira, boleh...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, kelewatan itu berpunca daripada mana? Maknanya...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Okey, boleh saya bagi beberapa contoh? Salah satu contoh yang ketara berlaku adalah di mana apabila kita remob, remobilisasi projek ini pada tahun 2023 yang lepas, kita baru lepas mengalami satu fasa COVID-19 pandemic di mana selepas kita memulakan proses remobilisasi, kita dapat maklum wujud beberapa syarikat yang terlibat dalam membekalkan peralatan atau sistem kepada projek ini telah gulung tikar kerana mereka bankrap kerana pandemik COVID-19 pada tempoh tersebut. Justeru, memerlukan kami melaksanakan tinjauan pasaran untuk dapatkan alternatif lain untuk menggantikan peralatan kepada syarikat tersebut yang telah terkesan daripada pandemik COVID-19 pada masa tersebut.

Satu contohnya ialah peralatan Helicopter Visual Landing Aids System yang pembekal asal telah bankrap dan tidak dapat meneruskan aktiviti perniagaan mereka dan kami telah menggantikan peralatan yang lain. Justeru, ia nya menyebabkan perolehan dan juga pembekalan peralatan tersebut ke Malaysia telah lewat, tergendala, lewat daripada jadual asal yang telah kita pertimbangkan pada permulaannya.

Contoh yang kedua ialah di mana bukan sahaja daripada peralatan yang secara khusus yang besar, ada juga beberapa syarikat di dalam rangkaian pembekalan di Eropah yang telah — also yang telah gulung tikar dan tidak lagi beroperasi berikutan daripada pandemik COVID-19 tersebut. Komponen-komponen ini telah terpaksa diganti dengan komponen-komponen yang lain, tapi memerlukan satu lagi proses recertification dan ia melibatkan safety dan juga military standard.

Untuk keperluan tersebut, saya terpaksa tangguh pembekalan peralatan-peralatan itu secara menyeluruh untuk memastikan komponen-komponen yang digantikan itu melalui proses recertification untuk [Tidak jelas] dan juga defence standards dan juga untuk peralatan untuk melawan api dan kebakaran semua itu terpaksa melalui proses yang amat rumitlah. Proses ini tiadalah kata kompleks, tapi memakan masa. So, saya perlu tunggu balik sistem itu dan di-recertify atau bahasa Melayu dipersijilkan semula untuk memenuhi standard piawaian ketenteraan dan juga safety. Ia turut menyumbang kepada isu kelewatan pembekalan tersebut Yang Berhormat.

Jadi, perkara-perkara sebegini adalah satu keadaan yang kami nyatakan sebagai luar jangka syarikat yang seperti kita juga telah maklumkan kepada kementerian dan juga TLDM. Contoh, kita ada beberapa contoh. Juga, saya ada satu sesi slaid yang berkaitan itu dan saya akan go lebih mendalam untuk mengupas apakah yang telah menyumbang kepada isu rework dan juga delay empat bulan yang kita nyatakan Yang Berhormat.

Saya harap penjelasan saya memberikan sedikit gambaran yang jelas kepada Yang Berhormat. Juga, sukacita saya tekan dekat sini kita memang menekankan agar pembayaran kepada pihak-pihak OEM dan vendor-vendor kita dilaksanakan dalam masa yang tepat agar projek ini tidak tergendala kerana hutang yang terbengkalailah seperti kejadian yang lepas-lepas.

So, proses tatakelola dan tadbir urus ini adalah amat ketat yang diterajui oleh pihak Kementerian Kewangan. Jadi, saya memang kena majukan laporan secara mingguan kepada kementerian untuk memastikan tiada hutang yang terbengkalai yang memberi impak secara terus kepada projek. Itu sahaja. Terima kasih.”

[Muka surat 26-28, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.1.5 Status Perolehan CMS

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa isu rundingan kontrak *Combat Management System (CMS)* yang sebelum ini terbengkalai telah diselesaikan sepenuhnya. Kesemua kontrak berkaitan sistem tempur kini telah dimuktamadkan dan berada dalam fasa pembuatan serta penghantaran peralatan. Beliau turut menegaskan bahawa perolehan ini kekal dalam lingkungan harga yang dipersetujui dengan kerajaan. Laksamana Franklin menambah bahawa tindakan menamatkan penglibatan pihak ketiga (*middle person*) dalam kontrak asal berjaya mengekalkan kos keseluruhan dalam siling RM11.2 bilion tanpa sebarang penambahan kos baharu.

“Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Laksamana. Tadi, Laksamana sebut tentang combat system. Pada prosiding yang lepas, telah pun dimaklumkan bahawa CMS tersebut masih lagi dalam proses rundingan dan belum dimuktamadkan pada ketika itu. Okey?

la nya — CMS ini adalah merupakan satu-satunya daripada 10 kontrak OEM yang masih lagi dalam rundingan. Soalan saya, daripada taklimat yang lepas, kalau tak silap, dimaklumkan jumlah CMS bernilai RM4 bilion dan baki tadi kita tengok, RM2 bilion lebih.

Jadi, adakah combat system ini telah pun dibeli? Kalau dah dibeli, simpannya di mana? Satu soalan...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Okey. Syarikat LUNAS dengan ini memaklumkan kepada PAC lah. Kesemua kontrak-kontrak yang berkaitan dengan combat system telah kita muktamadkan dan meterai, tiada masalah. Dan proses-proses pembuatan dan penghantaran peralatan-peralatan combat system ini sedang berlangsunglah. Jadi, tiada isu besar wujud di situ. Dan saya sukacita memaklumkan isu kontrak yang masih dirundingkan, masih terbengkalai pada sesi yang lepas telah ditangani dan diselesaikan. Terima kasih. Dan juga peruntukan harga kontrak itu semua berada di dalam lingkung harga yang telah dipersetujui dengan kerajaan. Terima kasih.”

[Muka surat 35-36, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.1.6 Protokol Pengujian dan Integrasi LCS

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa proses pengujian LCS melibatkan 170 sistem utama dengan fungsi redundansi yang diuji melalui fasa integrasi pelabuhan dan ujian laut (SAT). Dalam fasa SAT, kapal mesti berlayar dengan kuasa sendiri untuk menjalani ujian kritikal seperti menembakan meriam bagi mengesan risiko keretakan struktur kapal. Pengujian dilakukan secara berperingkat (*staggered*), termasuk peningkatan kelajuan secara beransur-ansur untuk memastikan setiap sistem stabil sebelum beralih ke tahap seterusnya.

Selaras dengan piawaian ketenteraan yang ketat, setiap komponen termasuk sekecil-kecil injap wajib mempunyai pensijilan kalis kejutan (*shock-proof*) bagi menjamin kelangsungan operasi semasa tempur. Oleh kerana fasa ujian ini bersifat dinamik dan berisiko menemui masalah luar jangka, garis masa penyiapan kapal tidak dapat dijamin secara mutlak sehingga fasa pengujian selesai sepenuhnya.

“Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Soalan tambahan Pengerusi. Ujian tadi itu adakah yang melibatkan the combat system sekali kah ataupun hanya functionality untuk dia sailing sajakah ataupun...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Boleh saya merujuk untuk menjawab soalan Yang Berhormat, boleh saya rujuk kat slide yang ada ini. If you look at the purple box kat bawah tu, what we called as — okey untuk rekodlah, saya rasa benda ni kita boleh rekodkan juga. Untuk rekod, kita ada sejumlah 170 sistem berbeza di kapal, okey. Dan, masa taklimat saya tempoh hari pun saya ada indicate kebanyakan daripada 170 sistem ni ada redundancy. That means ada lebih daripada satu cara untuk mengoperasikan sistem tersebut. So, if we do the math, katakanlah setiap sistem ini ada

tiga cara redundancy, ada tiga redundant system, 170 kali tiga, that almost close to 540 systems. 540 ways of testing, okay.

So, kami akan lalui fasa harbour integration, buat kesemua ujian yang boleh dibuat di fasa harbour integration. Seterusnya, bukan ulang tapi benda yang kita tak boleh uji di basin di pelabuhan, kita akan buat ujian penerimaan, sea acceptance trials. So, ada sebahagian besar ujian-ujian ni yang akan diuji di laut termasuklah penembakan meriam. So, kita bukannya sahaja test kapal tu boleh bergerak kah tidak, kita juga akan buat penembakan meriam.

Antara ujian yang unik untuk penembakan meriam ini — hari tu ada salah seorang ahli YB tanya, kenapa kita nak uji macam ni? Untuk meriam, kita akan tembak meriam ni selaju yang dia boleh tembak, dia ada rate of fire ya. Kita akan tembak selaju mana meriam tu boleh ditembak dan akan analisis nak tengok ada tak kerosakan pada struktur kapal. Kadangkala when you fire at very high rate of firing, akan ada keretakan pada struktur ataupun badan kapal. So, this is one of the test yang kita akan buat. Dan, benda ni kita tak boleh buat di pelabuhan. Kita kena buat di laut di mana ada tempat yang lapanglah supaya tidak terkena kapal-kapal lain kan.

So, ujian-ujian ini adalah antara ujian yang dah termaktub di bawah tajuk sea acceptance trials. So, untuk membolehkan contohlah, saya bagi contoh kita nak menembak meriam ni, sebelum kita boleh buat sea acceptance trials, kapal mestilah boleh bergerak ke kawasan penembakan. Kapal mestilah boleh berlayar ke kawasan penembakan dengan kuasa sendiri, bukan ditunda eh. Kita kena berlayar ke sana. Kapal punya sistem kawalan persenjataan yang Ahli-ahli Yang Berhormat tengok dalam combat centre tu mesti berfungsi. Meriam mesti berfungsi. So, semua sistem ni kita kena siapkan, sediakan sebelum kita laksanakan that one test only, it's only one test.

Tapi, banyak sistem yang terbabit dalam menjayakan satu ujian tersebut. So, imagine kita ada as I mentioned, 170 sistem dan sebahagian besarnya, semua ada redundancy. Kita terpaksa uji setiap satu tersebut. Dan selesai daripada itu, kita ada integration testing.

Integration testing is to get the whole ship dengan sistem peperangan, dengan sistem platform, semuanya synchronised as one system. Itu pun akan makan masa. So, soalan Ahli Yang Berhormat, saya rasa daripada Tampin tadi yang tanya, confident ke kapal ini boleh siap ikut masa? Saya tak berani nak kata ya. Sebabnya, we don't know what we are going to face masa fasa ujian-ujian ini.

So, itu — don't misunderstand my statement. It is purely because kita belum buat lagi fasa ujian ini. Kalau kita dah melalui 50 percent of the trials, maybe three months from now, my answer could be different. All right? Dan, akhirnya we have also our special trials to complete sebelum kita serah ataupun LUNAS serahkan kapal itu kepada kerajaan.

...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sea acceptance trials itu, dia staggered, kan? So, at each stage, you accomplished certain sea acceptance trials-lah, for certain equipment and then...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yes. Betul. Contoh, berbalik kepada soalan Pengerusi pun, dalam kenyataan pembukaan tadi, kita kata first sea going hari itu berjaya seven knots. Bila kita nak capai 28 knot? So, we have to build up the test cases-lah. We have to build up the scenario, sehinggalah we get a green tickbox in all the test-lah.

Contohnya, we go for a specific speed. Katakan, kita cecah 16 knot tapi ada masalah dekat one of the systems. Then, we have to repair that system-lah, sebelum kita boleh teruskan lagi. So, proses ini akan berulang banyak kali.

...

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Why is the — apa beza apa nama ini — of course, your military standard, defence ini lagi stringent daripada equipment, equipment awam yang lainlah. Tapi kalau macam kita safety test, fault-free macam LRT3, yang baru-baru ini, itu sampai tiga, empat kali dah sangat tunda, tarikh dia. Because of the dia melibatkan apa nama ini orang awamlah. I mean, passengers. Public passengers. What's the difference dalam you punya ini, compared to dekat situ?*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *Antara ujian yang kritikal, I can even relate that to one example later. Antara ujian yang kritikal, yang benda ini ada dalam requirement. Spesifikasi yang government bangunkan, kapal ini mesti ada certain limits of shock proof.*

That means, sekiranya di lautan esok, shock, letupan; sekiranya kapal ini pergilah berperang, ditakdirkan kita tak pergi tetapi katakanlah, kapal ini terpaksa pergi berperang, kita lalui tempat yang ada periuk api, meletup. So, ada requirement kapal ini yang ada kriteria-kriteria yang dia perlu penuhi termasuklah daripada barang-barang yang kecil.

Contoh, sebagai injap (valve) . Valve yang control air tawar, air masin pergi ke tandas-tandas kita untuk kegunaan harian pun, semua injap-injap ini has to be specially shock certified. Shock and also class-certified-lah. So, shock ini ada satu requirement. Class ini satu lagi requirement. So, dua-dua ini dia perlu fulfill-lah.

One of the examples yang boleh saya relate, balik kepada kapal ketiga. Baru-baru ini kita jumpa masa kita nak turunkan LCS 3 ini, ada valve yang belah dalam itu, ada beberapa yang gagal dia punya test-lah. Test injap itu gagal. So, we said, "How? You cannot downslip without the valves being installed". So, at the end of the day, kita terpaksa tutup sementara. Had to blank off sementara LUNAS perolehi valve yang betul untuk ganti dekat tempat situ.

So, the stringiness is not so much of orang tak ada, kita tak boleh buat. It so much because of the undang-undang, peraturan yang kita dah build into the proses pembinaan kapal itu sendiri."

[Muka surat 31-33, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.1.7 Strategi Mitigasi Risiko dan Kesiapsiagaan Projek LCS

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarikh **4 Februari 2026** menjelaskan bahawa dari aspek strategi mitigasi, tumpuan utama diberikan kepada penggunaan *Shore Integration Facility* (SIF) yang kini telah mencapai 94 peratus tahap integrasi. Langkah pencegahan ini bertujuan meminimumkan risiko kegagalan teknikal dengan melaksanakan ujian sistem tempur yang kompleks di darat lebih awal, tanpa perlu menunggu fasa pelayaran di laut. Selain itu, kepakaran dalaman dan tadbir urus syarikat yang berpengalaman bertindak sebagai benteng mitigasi utama dalam mengurus kompleksiti projek tersebut.

Bagi pelan kontingensi pula, syarikat telah menyediakan stok waranti dan perolehan awal bagi peralatan kritikal yang mempunyai tempoh pesanan lama (*long lead time*), seperti radar, bagi memastikan ketersediaan

komponen sekiranya berlaku kerosakan luar jangka. SIF turut berfungsi sebagai simpanan kecemasan (*contingency stock*) di mana peralatannya boleh diambil segera untuk kegunaan kapal dalam keadaan mendesak.

Dari sudut perundangan, LUNAS berpegang teguh kepada obligasi kontraktual termasuk kesediaan menghadapi risiko denda lewat dan pengurusan bajet kontingensi yang sentiasa dikemaskini.

“Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tadi Kepten Azhar kata, *you will need any more, apa ini, kos ini tidak akan bertambah. It's going to be 11.226. Betul kan? Dia tak akan perlu tambah lagi kan? Tapi, bila Laksamana kata, you don't know what's going to happen, nak tunggu trial lagi, entah apa lagi, whatever, apa itu.*

So, itu yang buat saya, antara nak terima ke tidak, the reassurance daripada Kepten Azhar. So, my apa is, my question is, what's your contingency plan? Okay, you pre-empt, mungkin you pre-empt. Hopefully tak ada lah, ada apa-apa masalah, especially during your sea trials and all that lah kan? Tapi, just in case, you have to pre-empt kan certain things ni.

What is your contingency plans? Supaya kita tak mahu, because this is already delayed. Dengan kosnya bertambah dan sebagainya. So, especially with the MINDEF lah kan. So, untuk mengatasi, pertamanya, saya 101 percent setuju. You've got to jaga security, safety and all that.

And ini, yang kedua itu, projek kena siap. And then, kalau boleh tak boleh delay lagi, tak boleh tambah duit lagi. Tetapi, sekiranya, because you have to plan ahead. Kan? Worst scenario. What is your plan? Terima kasih.

*Because nanti kata Pengerusi tadi, kut ada lagi nak diminta, this is where we record it. That's why we're doing this PAC proceeding. Bukan saja-saja nak tahu, nak apa je. Nak torture you all. [Ketawa]
[Pembesar suara dimatikan]*

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] You answer that.*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: *Okey, daripada segi pengurusan projeklah. Syarikat LUNAS ini bukan juga satu syarikat yang baharulah ya. Dan juga, tak ada pengalaman.*

Untuk kami sampai pada tahap ini, saya rasa we deserve some benefit of the doubt-lah that we know actually one or two things on how to manage project at this complexity.

Pihak LUNAS telah menyediakan beberapa pelan kontingensi untuk menangani sebarang insiden ataupun ketidaktentuan dari segi prestasi dan juga expectation of delivery kepada kerajaan dan juga kepada TLDM. Aspek itu berbentuk insurans tambahan kita dengan pihak-pihak OEM dari segi bantuan, khidmat nasihat dan juga kontingensi dari segi peralatan-peralatan-peralatan tambahan yang kita panggil sebagai warranty stock.

Sebagai contohnya, ada peralatan-peralatan yang kita anggap kritikal, kita telah memberi pembelian tambahan untuk kita bersedia sebagai satu orang panggil stok sedia ada supaya kita tidak perlu menunggu masa untuk peralatan-peralatan tersebut disediakan atau dibuat pembuatan atau production upon order from LUNAS lah.

Contoh yang terdekat ialah kalau Yang Berhormat sedia maklum, kita mempunyai satu set tambahan peralatan-peralatan combat system di pusat, kita panggil shore integration facility. Shore integration facility ini satu, dia berfungsi sebagai pusat ujian kami supaya

ujian-ujian combat system ini dapat dilaksanakan lebih awal. Kita tak perlu tunggu kapal itu belayar di laut baru saya buat ujian. Jadi, isu risk mitigasi ini telah LUNAS ambil di mana ujian yang kompleks untuk combat system integration telah kami laksanakan lebih awal.

Dan juga sukacita saya maklumkan, kita telah sampai ke satu tahap almost 94 percent completed integration at the shore facility. Jadi, bila proses integrasi ini dilaksanakan di kapal, kita unjurkan risiko berlakunya sebarang kerosakan ataupun isu masalah integrasi itu telah berada di tahap minimum. The balance is about six or five percent bergantung kepada ujian yang akan kami laksanakanlah.

Shore integration facility ini juga kita sediakan sebagai stok tambahan untuk peralatan-peralatan yang kita rasa amat kritikal dan long lead time item-lah. Contoh yang paling besar ialah radar. Radar ni kalau nak order, paling minimum, 14 hingga 16 bulan baru boleh dapat yang barulah. Jadi, kita ada ekstra dari segi stok yang kita sediakan. Ia nya buat masa ini digunakan sebagai reference system, tapi kalau the worst case scenario untuk saya guna pakai untuk siapkan katakan kapal yang sedang dibina, ia boleh digunakan.

Ada lagi beberapa inisiatif lain, opsyen yang kita juga sediakan. Dari segi coverage in terms of I called it bajetlah, contingency budget pada projek pun ada ditetapkan dan disediakan dari segi projek ini kerana benda managing this project at this level, at this complexity, at this harga dan volume, kontingensi itu kena ada dan kena sentiasa dinamik.

Justeru, LUNAS sentiasa terikat dengan contractual obligation untuk menyiapkan kapal ini pada tempoh masa kontrak. Jikalau LUNAS gagal, LUNAS akan terbuka kepada risiko dikenakan denda lewat. Jadi, itulah satu risiko atau obligasi kontrak yang LUNAS sebagai satu syarikat telah ambil dan kami juga melaksanakan kerja ini mengambil kira risiko-risiko perniagaan, risiko-risiko financing, risiko-risiko kebolehpayaan, risiko-risiko kepakaran dalaman yang kami ada. Semua perkara ini telah kami rangkumi dan telah dibentangkan pada satu sesi tadbir urus, validasi dan juga tatakelola syarikatlah dan diputuskan oleh ahli-ahli lembaga pengarah syarikat ini satu projek yang boleh diambil dan ditangani dan juga diambil tanggungjawab obligasi kontrak ini oleh syarikat LUNAS.

So, daripada aspek itu, kita berpegang kepada contract obligation. We stand guided by the law of the contract of the designation for us to deliver in accordance to that. If we fail, then please do the necessary in accordance to the provision the contract which LUNAS also catered in terms our risk mitigation. Itu saja yang saya boleh nyatakan secara umum. Saya tak boleh katakan, "Ya, kita boleh 100 percent bagi jaminan semuanya akan..." Saya bukan berada dalam keadaan tersebut, tapi saya boleh nyatakan ia nya adalah satu obligasi kontrak oleh syarikat. Ia kekal, tidak berubah dan kita akan berpegang kepada contractual obligation. Itu sahaja Yang Berhormat secara umumnya.

Tapi aspek pendekatan, penyediaan risk mitigation projek telah kita sediakanlah. Seperti yang saya maklumkan, ada beberapa contoh tadilah yang kita actually spend a lot of money in preparing the shore integration facility. Set yang dulunya ketujuhlah. Kemudian dah reduce this set kepada lima. So, yang keenam ini, dia berfungsi sebagai satu reference system. At the same time, ia digunakan sebagai kita panggil contingency stock. Kalau kata saya perlukan secara mendadak, emergency, urgently for the equipment to be replaced, kita akan ambil daripada shore reference system untuk kegunaan kapal. So, itu salah satu contoh mitigasi yang telah dilaksanakanlah Yang Berhormat.

So, saya harap ia nya memberikan sikit comfort, keyakinanlah kepada Yang Berhormat untuk lebih yakin. But at the end of the day, kita hanya boleh merancang dan berusaha. Insya-Allah, saya doakan niat kami dipermudahkan urusan kami, insya-Allah. Terima kasih."

[Muka surat 38-41, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.1.8 Tempoh Latihan Intensif Kru TLDM

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa mengenai isu latihan, tempoh setahun ditetapkan bagi memastikan anak kapal daripada warga TLDM benar-benar mahir mengendalikan sistem teknologi tinggi yang terdapat pada kapal LCS. Laksamana menekankan bahawa walaupun kru mempunyai kompetensi asas sebagai jurutera atau pelaut, mereka memerlukan latihan khusus untuk mengoperasikan sistem kompleks seperti peperangan anti-kapal selam dan pelancaran misil secara mandiri di tengah laut. Sebagai perkembangan positif, beliau melaporkan bahawa sesi latihan kru yang pertama telah pun bermula pada awal Februari 2026 melibatkan sistem-sistem tertentu selepas proses rundingan dengan pembekal peralatan selesai.

“Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: ... Soalan kedua juga berkaitan tadi the design dan construction itu. Saya cuma nak faham, mungkin saya kurang jelas tadi disebut oleh pegawai tadi. Dari segi flow-nya itu, di ketika mana design review oleh Naval Group itu sudah diberi secara maknanya —detailed design itu. Tapi bila dilihat balik dari segi persiapan di ground itu, maknanya ada, perlu ada rework balik.

Kata tadi, 2,000, apa nama ini, piping itu tadi ya. Jadi...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: 4,000 piping itu ya. Jadi, adakah ketika dibuat awal sebelum itu, design itu tidak dilihat ataupun ada benda yang mungkin ada missed dari segi detailed design itu dengan, dengan kerja di ground itu. Itu mohon penjelasan sikit. Terima kasih ya.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: ... Yang Berhormat juga tanya pasal training. Jika kita lihat slaid ini juga, kita nampak crew training, kita letakkan tempoh yang agak lama, memakan masa hampir setahun. Many of you will ask, why one year to train the crew? Kita kena faham, yang akan bawa kapal ini semua warga TLDM. Yes, we are already qualified. Masing-masing anak-anak kapal ini ada kompetensi masing-masing. Yang nak jadi kapten kapal, yang nak jadi nombor dua kat kapal, yang nak jadi chief engineer kat kapal, masing-masing ada kompetensi dia. Tetapi mereka masih belum mahir dengan peralatan semasa yang terpasang di kapal.

Saya ambil contoh saya . Saya seorang jurutera. Yes, saya ada kemahiran dan kompetensi sebagai seorang jurutera, tapi saya masih tidak fasih dengan sistem yang terpasang di kapal LCS. Saya perlukan latihan khusus untuk belajar bagaimana sistem-sistem yang pelik-pelik ini, yang kita sembang tadi nak lawan kapal selam, nak tembak missile-lah apa semua ini, macam mana sistem ini beroperasi secara terperinci. Kerana apabila kapal ini berada kat tengah laut, there is no one else you can call for help. Kapal itu sendirilah kena usahakan macam mana nak baiki kerosakan, macam mana nak tangani kerosakan, macam mana nak tangani kebakaran. Semua itu dia orang sendiri kena buat. So, itulah tempoh latihan kita agak panjang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang mulia, saya sukacita melaporkan yang crew training yang pertama telah pun bermula sejak semalam. So, it will run for the next eight days. So, we started yesterday on one of the systems. Ini setelah LUNAS selesai berunding dengan syarikat apa semua itu. So, we have already started crew training.

Bukannya bermaksud kita tidak ada apa-apa langsung crew training. Kita telah pun bermula dan bermula sejak semalam. All right.”

[Muka surat 18-19, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.2 Garis Masa Penyerahan Aset

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 mengesahkan bahawa pindaan jadual penyerahan hanya melibatkan unit LCS 1 dan LCS 2. Manakala bagi LCS 3, LCS 4, dan LCS 5, tarikh penyerahan kekal mengikut obligasi kontrak asal tanpa sebarang perubahan, iaitu masing-masing pada Disember 2027, Ogos 2028, dan April 2029.

“Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh? Ini ada kaitan ya. Kita PAC amat memahami tentang complexity projek pembangunan LCS ini. Daripada lawatan kita pada hari itu, kita faham bukan mudah untuk nak janji dari segi time frame dan sebagainya. Dia akan ada campur dan tolak. Selalunya dia campurlah, masa itu tambah. Kami pun tak tahu bahawa panjang kabel 300 kilometer.

Kami pun tak tahu. 300 kilometer ini Kuala Kangsar–Kuala Lumpur panjang kabel. Kalau kami tak melawat dan tidak ada taklimat, Datuk KSU, Ir. Azhar dan Laksamana, kami tak tahu. Kita faham semua ni. Dan, apa yang dialami sekarang ini ialah bukan kesilapan pengurusan yang ada sekarang ini tetapi ialah discrepancies dan banyak kesilapan di pihak yang lalu.

Tapi saya juga nak dapat keabsahan tentang disebut oleh Menteri bahawa setiap kapal — ini pun dulu pihak LUNAS pun sebut juga, setiap kapal diserahkan pada selang lapan bulan daripada penyerahan kapal sebelumnya. Jadi, kalau LCS 1 penyerahan Disember 2026, betul ya kepada TLDM, maknanya lapan bulan lepas tu LCS 2 ialah Ogos 2027. LCS 3 seterusnya April 2028, lapan bulan lepas tu. LCS 4, Disember 2028 dan LCS 5 maknanya akan diserahkan kepada TLDM pada Ogos 2029. Betul tak apa ni Datuk KSU dan Ir. Azhar?

Kalau ikut lapan bulan, lapan bulan ya. Betullah disebut oleh Menteri 2029 tapi tak sebutkan bulan. Tapi kalau kita ambil berasaskan kepada penyerahan Disember 2026 LCS 1, ertinya we are committed, you are committed to deliver kepada TLDM pada Ogos 2029. Boleh beri sedikit ...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Izinkan saya YB. Jika kita perhalusi statement Yang Berhormat Menteri Pertahanan dengan teliti, yang pinda tarikh hanya dua kapal, LCS 1 dengan LCS 2. Manakala LCS 3, LCS 4, LCS 5 kekal dengan tarikh kontraktual yang sedia ada.

Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Apa dia punya tarikh kontraktual tu bila?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Contractual date untuk LCS 3 adalah Disember 2027, plus eight months LCS 4, Ogos 2028, plus eight months LCS 5, April 2029.

Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So earlier than August lah?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Earlier than August.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: So, better lah.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yes.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.”

[Muka surat 28-29, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3 Pengurusan Kewangan dan Tadbir Urus

6.3.1 Implikasi Kos Terhadap Perubahan Reka Bentuk

i. Penjelasan Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa sebarang perubahan reka bentuk yang berlaku sepanjang fasa pembinaan tidak akan melibatkan tambahan kos kepada pihak kerajaan. Hal ini kerana nilai kontrak telah ditetapkan secara tetap (*fixed price*) pada paras RM11.22 bilion. Segala implikasi kewangan yang timbul akibat pelarasan teknikal tersebut perlu ditanggung sepenuhnya oleh syarikat kontraktor, LUNAS, bagi memastikan bajet pertahanan negara tidak terjejas.

“Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Boleh, boleh saya tanya tentang design tadi. So, perubahan design tadi will that be incurring cost, extra cost ke apa ada tak?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Tidak Yang Berhormat. As far as the government is concerned, kita fixed dengan nilai RM11.2b. These changes in design and LUNAS has to take on as part of that cost.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Okay.”

[Muka surat 15, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

ii. Penjelasan KPE LUNAS

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa pihak syarikat LUNAS komited untuk menyiapkan kelima-lima buah kapal LCS dalam had kos siling RM11.22 bilion tanpa sebarang tuntutan kos tambahan kepada kerajaan. Beliau menjelaskan bahawa segala kerja semula (*rework*) reka bentuk adalah tanggungjawab sepenuhnya pihak syarikat dan tidak melibatkan sebarang Arahan Perubahan Kerja (*Variation Order* - VO) kerana ia merupakan

sebahagian daripada proses lazim pembinaan kapal. Dari segi prestasi, beliau memaklumkan bahawa pelayaran sulung (*first sea-going*) kapal pertama tidak menunjukkan sebarang petanda negatif (*red flag*) pada reka bentuk, namun syarikat menjangkakan kelewatan penyerahan selama empat bulan bagi kapal pertama dan kedua akibat proses *rework* tersebut, manakala kapal ketiga hingga kelima kekal mengikut jadual asal.

“Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, ekoran daripada itu juga, masih ikutkan slaid nombor empat ini kan. Kos, kos. Sebab saya lihat dengan apa kemajuan yang ada ini, dia punya apa yang dah dibayar ya, yang telah dibayar. Kalau ikut inilah, RM8.335 bilion. Baki RM2.871 bilion. Jadi, saya concur dengan Chairman kalau lah berapa bilion itu lagi tinggal RM2.871 bilion sedangkan banyak lagi yang belum dibuat, maka what is your plan untuk pastikan betul kah RM11.226 bilion ini mencukupi dan where are you going to be stuck? Dua itu merah lagi tadi itu. Kapal itu merah. Tiga je baru hijau kan yang baru turun.

So, where exactly are you with RM11.226 billion and what else do you need? How much do you need? How long more do you need? What are the expertise kah apa benda yang help do you need? Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Pengerusi, I juga nak tambah sikit. That was also my concern bila I tanya tadi. Bila ada perubahan... [Dicelah]

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Boleh tak kita jawab dahulu soalan pertama. Banyak sangat soalan.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Dia ada berkaitan yang itu.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Saya pun tak boleh nak follow.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Ya. Dia ada berkaitan tadi. Ada kaitan. Sebab itu, bila saya tanya tadi tentang design itu tadi kan, perubahan design. So, kita bimbang kalau misalnya tiada pertambahan kos, dia ada something yang dia compromise dekat situ. Itu yang saya — sebab tadi, kita dengar tadi kan. Maksudnya ada perubahan-perubahan bila design itu kan yang the first design itu dah ada perkara-perkara yang tak betul berlaku dan perlu diperbaiki semula dan come the second design.

So, bila ada the second design biasanyalah dia panggil VO, kan? Kalau dalam construction kan? So, VO ini biasanya dia akan tambah kos. Tetapi, bila kata tak ada itu saya bimbang ada compromise dekat situ yang menyebabkan nanti kapal itu ada masalah kemudian. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Kepten silakan.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Okey. Perlu saya menjelaskan dekat sini adalah keperluan *rework* terhadap reka bentuk yang telah dilaksanakan oleh pihak syarikat LUNAS ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat. Syarikat pun tak ada membuat sebarang tuntutan pertambahan kos kepada kerajaan.

Justeru, bagi saya tiada satu isu yang kata kita masih sangsi lagilah terhadap apa yang ingin dilaksanakan oleh pihak syarikat. Dari segi tempoh masa untuk menyiapkan kapal ini, kalau kita tengok dari segi ketelitian dari segi pemantauan pelaksanaan projek di peringkat lapangan adalah amat teliti dan juga amat-amat stringent. Di mana, dari segi projek monitoring kita boleh kira sebarang delay itu sehingga ke hari, kalau kita tengok kapal satu 96 hari, kapal dua and so on and so on.

Jadi, apabila kita menyatakan pada keadaan dan juga situasi terkini pihak syarikat mengunjurkan *physical handover* kapal ini hanya akan dapat direalisasikan pada Disember untuk kapal LCS yang pertama. Ia nya adalah bersandarkan satu unjuran dan juga satu analisis yang jelas berdasarkan fakta dan juga pengalaman dan juga berdasarkan juga validasi-validasi yang telah kita laksanakan secara menyeluruhlah.

Justeru, pada komitmen syarikat kenyataan ini adalah mesti satu kenyataan yang benar. Kita berpegang pada tersebut dan juga saya pun telah mengangkat sumpah sebelum ini untuk memberi keterangan — yang sebelum-sebelum ini pun segala kenyataan saya pun masih direkodkan dalam Hansard. Saya rasa terlibat dalam projek ini satu jangka masa yang amat panjang.

Kita berkata benar dan komitmen syarikat adalah untuk menyiapkan kelima-lima buah kapal ini dalam ketetapan kontrak yang sedia ada tanpa melibatkan keperluan kos tambahan pada kerajaanlah. Itu adalah komitmen kontrak syarikat.

Untuk memberikan penjelasan lebih lanjut, tiada wujud keperluan *variation order* atas kerja *rework* reka bentuk itu kerana ia nya adalah berdasarkan satu proses yang dari segi lazimnya dari proses pembinaan kapal ini yang perlu ditanggung dan dilaksanakan oleh pihak syarikat. Jadi, isu reka bentuk dibetulkan itu ialah satu keperluan yang jelas, bukan melibatkan satu keperluan tambahan oleh pihak pengguna atau TLDM.

It's true, tiada wujud langsung isu VO dan saya jelaskan dan tekankan sekali lagi di sini ialah keperluan rework itu adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat dan tiada isu pihak syarikat menuntut sebarang kos tambahan daripada kerajaanlah. Juga, buat masa ini berdasarkan situasi yang semasa sehingga minggu lepas bila kami keluar membuat first sea-going untuk kapal yang pertama, kapal induk, kami tidak nampak sebarang red flag-lah dari segi reka bentuk dan prestasi kapal ini.

Justeru, pihak syarikat masih lagi komited dan berpegang — berada dalam landasan contractual obligation oleh pihak syarikat, pembinaan kapal ini dengan kos yang telah dipersetujui, ditetapkan secara siling, RM11.2 billion in total. Cuma, kami telah memberikan maklum balas yang terkini iaitu untuk kapal satu akan mengalami sedikit kelewatan empat bulan dan juga kapal dua sama juga, kelewatan empat bulan. Manakala, kapal 3, 4 dan 5 akan diserahkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Itu sahaja.

So, again, I would like to stress that pihak syarikat tiada berhasrat dan tidak juga pernah menyatakan sebarang tuntutan untuk kos tambahan. Cuma, kami mohon pertimbangan menyatakan kapal 1 dan 2 akan mengalami sedikit kelewatan due to the rework and at the same time kerajaan juga mempunyai hak untuk mengenakan tindakan, mengenakan denda lewat kepada pihak syarikat berdasarkan obligasi dan the klausa, peruntukan-peruntukan di dalam kontrak kapal LCS ini, Datuk Seri Yang Berhormat. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, maksudnya yang sebagaimana yang dalam jangkaan 15 ke 20 peratus *rework* yang akan dijangkakan itu memang telah pun dimuktamadkan, memang tidak ada kos tambahan kepada pihak kerajaan?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Tak ada Datuk.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Diambil kiralah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih."

[Muka surat 23-26, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.2 Mekanisme Kawalan Pembayaran

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa sebelum Mei 2023, pembayaran dibuat mengikut fasa yang ditetapkan dalam kontrak tanpa mengambil kira imbalan kemajuan kerja sebenar. Namun kaedah ini telah dirombak susulan saranan audit untuk memastikan ketelusan antara kemajuan fizikal dan tuntutan bayaran. Melalui Kaedah Nilai Terperoleh [*Earned Value Method (EVM)*], pihak kerajaan dan LUNAS telah menggubal semula kriteria pengukuran bagi setiap aktiviti pembinaan serta ujian bagi memastikan vendor hanya menerima bayaran berdasarkan nilai kerja yang benar-benar dihasilkan.

Mekanisme kawalan kini dilaksanakan secara bulanan, di mana pasukan projek akan menyemak dan memvalidasi secara fizikal setiap tuntutan nilai kerja yang dikemukakan oleh LUNAS. Kaedah baharu ini jauh lebih ketat dan objektif; sebagai contoh, kemajuan kerja yang sebelum ini diukur secara tradisional pada kadar 68 peratus didapati hanya mencapai 60 peratus apabila dinilai semula menggunakan kriteria EVM yang lebih telus.

“Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: ...Yang pertama, tadi berbalik kepada pembentangan awal oleh Datuk Laksamana tadi. Ada perubahan dari segi mekanisme kawalan pembayaran itu. Maksudnya, sebelum ini mungkin kita pun pernah temu dalam prosiding iaitu ada pembayaran yang dibuat walaupun kemajuan kapal itu tidak mengikut jadual, hanya berdasarkan tuntutan kontrak ataupun invois.

Jadi — so okeylah. Maknanya sudah ada lihat tadi lessons learned jugalah, soal pembayaran itu dengan lebih telus. Jadi, apa mekanisme yang telah dilaksanakan yang terkini dalam kita nak memastikan bahawa proses kawalan ini betul-betul menepatilah? Maknanya, kita mengambil pengajaran yang sebelum ini ketika dengan BNS itu. Itu yang pertama.

Yang kedua, mungkin Yang Berhormat Pengerusi saya nak rujuk kepada ex officio SPRM. Kalau ada apa-apa perkembangan kes ini yang telah pun sedang berada dalam proses mahkamah itu mungkin di-update sendiri. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ada jawapan?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Okey, saya jawab yang pertamalah. Yang SPRM saya serah dekat SPRM lah ya. Okey, untuk kawalan pembayaran Yang Berhormat, kaedah sebelum remobilisation of contract, that means kaedah sebelum Mei 2023. Kaedah yang diguna pakai adalah based on milestone yang ditetapkan dalam kontrak. So, kontrak yang terdahulu dah gariskan beberapa milestone. You capai milestone ini, you layak dapat sekian banyak duit. So, kaedah itulah yang diguna pakai daripada tahun 2014 sehinggalah kontrak terhenti pada tahun 2019. All right.

Kaedah purely on achieved milestone. Apabila kontrak terhenti 2019, siasatan masuk, audit sarankan untuk kita perbaiki kaedah pemantauan dan juga progress versus

collection. So, mengambil kira semua arahan-arahan jawatankuasa tadbir urus masa itu, kita ambil satu pendekatan benda ini berat untuk dua-dua pihak. Kita ambil satu pendekatan, satu kaedah baru yang benda ini sebenarnya bukan baru, in the business world they are already doing it. Earned value method. That means whatever you want to pay, you must ensure the vendor earns that value. Tapi, untuk buat kaedah earned value method ini, dekat kontrak pembinaan kapal jadi terlalu rumit.

So, kita sebenarnya both sides LUNAS dengan pihak kerajaan spent about tiga bulan untuk menggubal semula kaedah pengukuran projek. Apa benda yang kita nak value-kan supaya kita boleh ukur. So, setiap satu aktivitilah. Dalam construction ada beberapa aktiviti yang kita perlu ukur, dalam test and trial ada beberapa aktiviti yang kita perlu ukur. Dalam test and trial ada beberapa aktiviti yang kita perlu ukur. So, setiap satu ini telah kita olah dan sama-sama, dua-dua pihak setuju untuk dijadikan as the new contract-lah.

So, apabila YB tanya macam mana kaedah kawalan dia, dalam earned value method ini, setiap bulan LUNAS akan majukan cadangan untuk disemak. Cadangan value untuk disemak. That means kerja untuk disemaklah. Pasukan projek pula akan turun melaksanakan semakan tersebut.

So, hasil daripada semakan ada tambah, ada tolak. Itulah yang menetapkan peratus keseluruhan projek pada sebilang masa. Yes, of course kita kata dalam Laporan PAC 2023 when we started, pada permulaan cara lama, matematik dia 68.—something percent. Tapi, kalau kita guna earned value method, apply to the previous work yang dah siap, dianya hanya mencapai 60 peratus. So, ada perbezaan dalam dua-dua kaedah yang kita guna. Namun, kita sekarang with this new contract berjalan menggunakan this earned value method. Itu jawapan saya, Yang Berhormat.”

[Muka surat 45-47, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.3 Tempoh Tanggungan Kecacatan (DLP) dan Waranti LCS

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa tempoh tanggungan kecacatan (DLP) yang hanya akan berkuat kuasa sejurus selepas aset diserahkan secara rasmi kepada kerajaan. Skop liabiliti ini dikelaskan mengikut jenis sistem; tempoh perlindungan selama satu (1) tahun ditetapkan bagi komponen mekanikal, manakala sistem tempur serta perisian yang lebih kompleks dilindungi selama tiga (3) tahun.

Dari aspek pengoperasian, LUNAS menggalas obligasi waranti selama 12 bulan melalui penyelarasan kontrak bersama vendor berdasarkan tahap kerumitan peralatan. Selain itu, terdapat pemisahan tanggungjawab yang nyata di mana perolehan dan ujian penembakan peluru berpandu merupakan mandat sepenuhnya pihak kerajaan. Oleh itu, ujian sistem persenjataan tersebut berada di luar skop liabiliti pihak pembina sehingga aset berkaitan dibekalkan oleh kerajaan untuk pengujian lapangan.

“Dato’ Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih, Yang Berhormat Chairman. Laksamana, saya dengar penjelasan daripada Laksamana tadi, terutamanya tentang delivery-lah. Delivery it seems that dia punya soalan itu memang tidak dapat diberikan ketentuan tentang bila sebenarnya proses delivery vesel ini.

...

Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: .. Jadi, saya just nak tanya sebenarnya. You're talking about dalam perjanjian, dalam delivery inilah, sudah tentulah adakan peruntukan untuk defect liability. Ini saya nak tahu juga, bila defect liability period ini bermula?

Ia selalunya bermula macam biasalah. Kita tengok selalu dalam prosiding itu, selepas delivery of vacant possession dan sebagainya. Tapi, dalam konteks ini, saya a bit grey-lah bab ini. Saya tengok tadi, ada subject to testing, missile testing, you know. Jadi, mungkin serba sedikitlah saya nak tahu, jika adalah maklumat tersebut dalam pengetahuan Laksamana ataupun dalam pengetahuan penasihat undang-undang dekat sinilah, bila mulanya defect liability period tersebut? Terima kasih, Laksamana. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Saya boleh jawab, Yang Berhormat. As mentioned, kita — tarikh yang diberikan Disember 2026 ini untuk LCS 1 ini adalah realistic date. However, contractually, secara kontrak, tarikh penyerahan LCS 1 oleh LUNAS kepada kerajaan masih berpegang kepada Ogos 2026. Okey?

Menjawab terus soalan Yang Berhormat, bila mulanya defect liability period? Defect liability period bermula selepas penyerahan aset kepada kerajaan. So, kalau defect — sorry. Kalau aset diserahkan kepada kerajaan pada Disember 2026, di situlah mulanya tarikh defect liability period. If it becomes a later date, for whatever reason, itulah tarikh defect liability period, dan ada tempoh-tempoh yang telah kita gariskan dalam kontrak. Contoh, untuk mechanical systems, defect liability period-nya adalah selalunya about one year. Whereas, untuk non-mechanical, sistem combat, perisian contohnya, dia lebih lama, dalam tiga tahun.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Adakah dia back-to-back dengan the suppliers, vendors?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yang itu, saya mohon Kepten Azhar jawab sebab dia deal dengan vendor.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Yang itu, kita memang buat satu perundingan secara khusus on all the vendor. Tetapi, dari segi contractual obligation, defect liability period ini akan ditanggung oleh LUNAS dalam tempoh 12 bulan, dalam tempoh kita panggil tempoh warantilah selepas PHO.

So, bagaimana LUNAS arrange that obligation itu, bergantung kepada harga peralatan tersebut dan juga, complexity of the equipment and the system-lah. Tapi, semuanya telah kita so-called provide-lah. Ada provision dalam kontrak dan juga, dari segi kos. So, insya-Allah lah, that one is tanggungjawab LUNAS lah, Yang Berhormat. Thank you.

...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Saya habiskan sikit, YB. Soalan YB ini tadi, menjawab — bertanyakan pasal missile. Missile testing ini, tidak termaktub dalam penyerahan pada Disember 2026 kerana tanggungjawab menyediakan missile adalah tanggungjawab kerajaan, bukannya Syarikat LUNAS.

So, the day government provides the missile, government kena sediakanlah. Kena beli, kena sign kontrak apa semua ini, untuk perolehi missile, missile ini semua. The day government provides the missile, barulah kita akan buat missile live firing punya trials."

[Muka surat 33-35, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.4 Obligasi Pemulihan Aset

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa isu keusangan komponen yang dikesan sebelum ini kini sedang ditangani sepenuhnya melalui proses pembaikan semula (*refurbishment*) oleh pengeluar asal (OEM). Segala kos pemulihan peralatan kritikal, seperti radar navigasi dan sistem sonar, dilaksanakan di bawah obligasi kontrak syarikat LUNAS tanpa melibatkan sebarang peruntukan tambahan daripada kerajaan. LUNAS menggunakan dana kontingensi sendiri untuk memastikan semua sistem tersebut berfungsi mengikut spesifikasi sebelum fasa pengujian bermula. Langkah ini bertujuan untuk menjamin integriti teknikal aset dan memastikan kelancaran ujian penerimaan tanpa sebarang kompromi terhadap kualiti peralatan.

“Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail: ...Datuk KSU, CEO, dan juga Laksamana; masa lawatan kita sebelum ini saya ingat 2024, kita dapati banyak komponen-komponen yang terbiar dan sebagainya. Cuma, soalan saya ialah adakah komponen-komponen ini boleh digunakan ataupun dia memang menjadi satu benda yang tidak boleh digunakan lagilah? Kalau ya, berapakah kos yang terlibat?

Lagi satu ialah ada tak kemungkinan projek ini — buat jalan sedikit pun kadang ada VO ya. Jalan kos yang rendah pun ada VO. Adakah kemungkinan projek LCS ini juga akan mengalami masalah VO?

Terakhir ialah Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, projek LCS ini dia satu proses perjalanan yang amat panjang tetapi it has come a long way. Mula-mula projek ini 2011, Boustead Naval Shipyard dengan bajet RM6.83 bilion dan telah dibelanjakan pun dan sekarang ini, kita naik sampai RM11.22 bilion, Datuk Wira Pengerusi. RM6 bilion naik RM9.18 bilion. Sekarang, RM11.22 bilion. Daripada enam kapal, kita jadi lima kapal. Bayangkanlah sekarang dah 2026. Kita mula 2011 sepatutnya kalau schedule asal itu diikuti, tahun 2023 dah siap dah kapal itu. Daripada semua inilah dan juga ada kerugian sebanyak RM890 juta. Saya nak tanya apa dilakukan sebelum ini mendaratkan kerugian sebanyak itu.

Terakhir ialah melalui proses yang panjang ini, what are lessons learned? Saya very open. Saya confident dengan the present team. Cuma, kita tak bolehlah, orang kata puji melangit. Sebab, benda ini belum siap keseluruhannya. I’m very confident with your present team.

Cumanya, saya nak dengar apa dia sebenar what are lessons learned dalam proses 2011 ini sampai 15 tahun baru kita nampak satu kapal yang masuk ke laut. What are lessons learned dan apa yang boleh kita baiki di masa-masa yang akan datang? Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. That’s my last.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yang Berhormat, izinkan saya. Saya cuba jawab the first part of your question. Ya, betul ada segelintir peralatan yang telah pun usang. Benda ini kita telah pun umumkan dan maklumkan kepada forum yang mulia ini pada mesyuarat yang lepas. However, di bawah obligasi syarikat LUNAS, mereka terpaksa dengan wang contingency yang Kepten Azhar cerita tadi itu terpaksa membaiki pulih menangani isu-isu keusangan tersebut.

Saya ada beberapa contoh dalam slaid. If we can have — okey, dalam slaid ini kalau kita lihat dekat kotak yang warna hijau bawah sekali, LUNAS has already spent money to refurbish. That means hantar balik ke premis OEM dan terima balik peralatan. Antara dia navigation radar, towed array sonar. Towed array sonar ini hari itu kita tak berpeluang nak tunjuk this equipment. Barang dia kecil tetapi dia boleh detect kapal selam dan dia boleh dibawa — is a tow lah. That means you tow it on the line. Sonar ini you boleh tow atas satu winch for distance of two kilometers.

So winching system itu winch dia agak besar as tall as a person, 1.8 meter ketinggian winch ini. Winch ini ada isu keusangan. So, we said, “No, we are not going to accept until you complete the refurbishment.” So, OEM daripada Perancis kebetulan peralatan ini daripada Perancis datang untuk perbaiki sistem tersebut. They have done all that stuff. Syarat yang ada dalam kontrak; any equipment failure, obsolescence, defect yang menjejaskan trials — trials yang kita sembang tadi itu — adalah di bawah obligasi syarikat LUNAS. So, they have to make good all this equipment so that we can then perform and clear the acceptance trials.

Sini kita ada contohlah. We’ve given sample. They are many more systems yang LUNAS terpaksa refurbish using their own cost without government giving extra money. Alright. So, inilah contoh-contoh yang kita rasa these are also factors yang menaikkan confidence level kita untuk move to the next steps. Kita hari itu tengok barang ini mula-mula sampai kata, “Eh, boleh kah benda ini tahan lagi dua tahun nak go for testing.” But once refurbishment itu dah dibuat, hose, piping dah diganti segala-galanya, kita confident to move to the next phase of the project. Alright.”

[Muka surat 42-44, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.5 Tadbir Urus Dana dan Keupayaan Operasi LUNAS

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarikh **4 Februari 2026** menjelaskan bahawa aktiviti penyelenggaraan, pembaikan, dan baik pulih (MRO) bagi aset TLDM serta APMM merupakan perniagaan teras (*bread and butter*) yang menjamin kelangsungan syarikat, memandangkan projek pembinaan kapal bersifat bermusim (*cyclical*). Beliau menegaskan bahawa LUNAS mempunyai keupayaan teknikal untuk melaksanakan pembinaan LCS dan kerja MRO secara serentak tanpa menjejaskan prestasi mana-mana pihak.

Dari aspek kewangan, beliau memberikan jaminan bahawa sejak syarikat diletakkan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), satu mekanisme tadbir urus yang sangat ketat telah dilaksanakan bagi memastikan pengasingan dana yang jelas. Aliran tunai bagi projek LCS dipantau secara teliti oleh Kementerian Kewangan dan dilarang sama sekali daripada dicampuradukkan atau digunakan untuk aktiviti MRO. Disiplin kewangan ini bersifat mandatori dan tanpa kompromi bagi mengelakkan sebarang ketirisan, sekali gus memastikan dana kerajaan digunakan khusus untuk mencapai objektif penyiapan projek LCS.

“Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Kepten. Saya ucapkan... [Dicelah]. Okey, terima kasih atas penjelasan tersebut dan kita

tahu LUNAS memang banyak pengalaman. Dalam Laporan Ketua Audit yang terkini berkenaan dengan kelemahan ya, terdapat kelemahan pengurusan pembaikan kapal APMN yang katanya dijalankan by LUNAS yang merupakan juga kontraktor kepada untuk membina LCS. Kalau kita tengok, hari itu pun memang ada kapal-kapal yang sedang dalam pembaikan, tapi saya tak pasti itu di bawah LUNAS ataupun tidak.

Nak dalam rekod, adakah kini LUNAS menjalankan aktiviti selain daripada membina kapal LCS? Adakah LUNAS mampu menjalankan kedua-dua aktiviti membina LCS dan juga buat MRO? Okey. Soalan saya yang terakhir, siapakah yang memantau supaya dana LCS daripada kerajaan ini tidak dicampuradukkan dengan aktiviti MRO sebagaimana yang berlaku di zaman sebelum LUNAS ini di bawah MKD? Terima kasih.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Syarikat LUNAS ini sebenarnya amat bergantung kepada aktiviti perniagaan MRO (maintenance, repair, and overhaul) kapal-kapal daripada TLDM dan of late ini kita ada ambil juga daripada APMN kerana itu adalah kita punya — kita kata sebagai bread and butter-lah di mana projek pembinaan kapal ini dia datang secara bermusim, only cyclical.

So, kita tak bergantung secara sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti pembinaan kapal. So, untuk kesinambungan, continuity, or survival of syarikat sebenarnya the core business of LUNAS actually MRO (maintenance, repair, and overhaul). Kita laksanakan kedua-dua aktiviti perniagaan ini secara serentak. While we are constructing LCS kita juga masa yang sama melaksanakan aktiviti-aktiviti kerja untuk MRO. Dari segi tatakelola dan tadbir urus, kami memang daripada asal bila diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), satu mekanisme yang amat jelas dan ketat di mana kawalan kewangan dan pengurusan aliran tunai syarikat ini dipantau secara teliti oleh MKD dan memang tiada langsung kebenaran dibagi untuk pengurusan kewangan atau aliran tunai projek diguna pakai untuk aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain seperti MRO atau yang sebaliknya.

So, dari segi pengurusan kewangan dan disiplin pengurusan aliran tunai syarikat, ia satu yang amat strict dan dipantau secara dekat oleh Kementerian Kewangan supaya kebolehpayaan projek ini tidak terganggu gugat dengan ketirisan wang projek diguna pakai untuk aktiviti-aktiviti yang tidak berkenaan.

So, saya boleh nyatakan ini sebagai Chief Executive Officer of the syarikatlah. Memang itu adalah satu ketetapan dasar yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan untuk saya laksanakan dari segi dasar pengurusan di mana disiplin pengurusan kewangan adalah amat-amat ketat dan tidak boleh dikompromi.

So, punca kewangan dan aliran tunai projek LCS hanya untuk LCS dan juga MRO diusahakan secara asinglah, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.”

[Muka surat 41-42, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.6 Reformasi Tadbir Urus

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menggariskan pengajaran utama (*lessons learned*) melalui keperluan terhadap sistem tatakelola yang ketat dan telus bagi perolehan berimpak tinggi. Beliau menegaskan bahawa pengurusan kewangan kini dipantau secara berkala oleh Kementerian Kewangan (MKD) bagi mengelakkan ketirisan serta memastikan kepentingan menyiapkan projek mengatasi kepentingan komersial. Selain itu, reformasi ini menekankan aspek disiplin kontrak yang tegas, di mana spesifikasi peralatan dan reka

bentuk yang telah dimuktamadkan tidak dibenarkan berubah di pertengahan jalan. Ketegasan ini kritikal bagi menghalang tercetusnya Perintah Variasi (VO) dan lonjakan kos luar kawal yang pernah menjejaskan fasa awal projek ini.

“Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: *I think some of the lessons learned ini saya pernah highlight kepada Jawatankuasa Khas Kabinet lah. Bila mereka membuat kajian kebolehpayaan ataupun any viability pada project to be continued.*

...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *Bagi saya ialah sistem tadbir urus dan tata kelola yang ketat perlu diterapkanlah, di mana projek-projek yang sensitif dan berimpak tinggi seperti LCS ini, di mana elemen sistem pertahanan dan harga kontrak yang amat tinggi ini perlu diwujudkan satu sistem tata kelola dan tadbir urus yang ketat di mana buat masa ini telah dilaksanakan melalui Kementerian Kewanganlah. Jelas apa yang telah berlaku pada kejadian sejarah projek ini ialah pelaksanaan projek dan pengurusan kewangan itu tidak telus, wujud ketirisan pengurusan kewangan dan juga penstrukturan kontrak itu lebih menjurus kepada elemen-elemen yang boleh kita sangsi tujuan asalnya.*

Lessons learned, bagi saya sebagai — saya ini bekas tentera, Yang Berhormat. Saya melihat kepada proses perolehan peralatan-peralatan ketenteraan especially yang berimpak tinggi dan bernilai tinggi ia nya wajar diberi kepada syarikat yang jelas terbukti keupayaannya dan juga syarikat tersebut perlu dirujuk kepada satu proses tadbir urus yang ketat dan berkala. Ia nya tidak boleh dibiarkan sebagai satu struktur yang lebih berlandaskan kepada kepentingan komersial kerana some of those decisions, some of those struktur, dari segi kontrak, subcontracting yang saya lihat kepada sejarah projek ini lebih menjurus kepada kepentingan komersial daripada kepentingan menyiapkan projek-projek yang berimpak tinggi seperti ini.

Perkara kedua, mungkin some the lessons learned ialah proses penetapan spesifikasi peralatan atau sistem perlu kekal dan tidak berubah-ubah semasa projek dilaksanakan kerana kejadian ini wujud semasa pelaksanaan awal projek ini di mana ada beberapa perubahan sistem dan peralatan yang turut menyumbang kepada isu Variation Order dan kelewatan...

Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Termasuk yang design yang diubah dulu di peringkat awal?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *Ya. Ya, Yang Berhormat. Justeru, saya syorkan di sini sebagai satu lessons learned ialah sebarang proses perubahan spesifikasi peralatan atau sistem yang telah diputuskan semasa kontrak ini dimuktamadkan, dikawal dengan sebaik-baiknya tidak boleh berubah. Kerana sebarang perubahan selepas kontrak ditandatangani, setelah kontrak bermula, ia akan mempunyai impak yang amat tinggi dan kos yang amat besar, yang amat merugikan kepada pihak kerajaan.*

Itulah bagi saya dua perkara lessons learned dari segi satu tata kelola, tadbir urus yang ketat. Perkara yang kedua ialah proses pemantauan pelaksanaan kontrak dan perubahan skop tidak wajar berlaku, midway through of the project. Itu Yang Berhormat.”

[Muka surat 44-45, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.7 Implikasi Kelewatan Dana Mobilisasi Terhadap Garis Masa Projek LCS

i. Penjelasan Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarih 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa kontrak projek LCS secara rasminya telah bermula semula pada Mei 2023 melalui pemeteraian kontrak tambahan (*supplemental contract*) dengan firma yang ketika itu masih dikenali sebagai Boustead Naval Shipyard (BNS). Walau bagaimanapun, beliau mendedahkan bahawa tarikh permulaan fizikal projek terpaksa dianjak kepada suku ketiga (Q3) tahun 2023 disebabkan oleh kekangan kewangan. Hal ini berlaku kerana terdapat sedikit kelewatan di pihak kerajaan dalam menyediakan dan menyalurkan dana permulaan yang diperlukan untuk menggerakkan semula aktiviti projek tersebut.

“Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, saya nak tanya Laksamana. The remobilisation yang bermula pada quarter ketiga 2023, adakah ini — okay, for the interest of some of us who didn't follow right from the beginning, adakah itu ialah bila LUNAS ambil alih dari apa — another company called what? [Dicelah] BNS. [Dicelah] Boustead, Boustead. So, is that where you put this, right? The remobilisation. That means after this scandal you know become hoo-ha in Parliament and everywhere, then you know you all pick up the pieces that — to consolidate the finances or whatever. Then you start on the third quarter of 2023.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: I will answer a part of it, I'll also get Kepten Azhar to answer the other half of it lah. The restart of the contract Yang Berhormat started in May 2023. May, bukan Q3. May 2023. That is when the restart of the contract begin. So, government pada ketika itu sign supplemental contract dengan firma pada ketika itu still Boustead Naval Shipyard in May of 2023 untuk restart this contract. Okay.

By contract — ini dah masuk cerita kewangan sikitlah. Government supposed to pay this amount of money baru kita boleh start the project and all that stuffs lah. So dalam kisah cerita ini, kerajaan ada kelewatan sedikit dalam menyediakan dana awal. So, dana awal ini datang lewat. So that is why the remark was move from May to Q3 of 2023.”

[Muka surat 19-20, Laporan Prosiding bertarih 4 Februari 2026]

ii. Penjelasan KPE LUNAS

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarih 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa dana mobilisasi semula (*remobilisation*) daripada kerajaan hanya diterima oleh syarikat pada Oktober 2023, iaitu kira-kira lima bulan selepas kontrak tambahan ditandatangani. Kelewatan penyaluran dana ini telah menjadi salah satu cabaran utama bagi

syarikat untuk memulakan kerja-kerja projek pada peringkat awal. Bagi menangani situasi tersebut, syarikat telah mengambil langkah mitigasi dengan berunding semula bersama pihak pembekal untuk merangka garis masa pelaksanaan yang baharu bagi memastikan projek ini tidak lagi dianggap sebagai projek bermasalah dan dapat diteruskan dengan sebaik mungkin.

“Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Pembayaran remob daripada kerajaan hanya diterima oleh syarikat pada bulan Oktober 2023.

Dato’ Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Five months after?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Yes. Itu juga sebenarnya turut menyumbang kepada cabaran syarikatlah untuk memulakan projek ini pada asalnya. Cuma ia nya telah di — kita cuba mitigasikanlah along the way untuk memastikan proses pembinaan kapal dan juga pelaksana kontrak ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin kerana kita tidak mahu ia nya kerap menjadi satu bahan fokuslah, lagi satu projek bermasalah. Tapi pada masa tersebut syarikat telah berusaha untuk berunding balik dengan pihak-pihak pembekal untuk membuat satu garis pelaksana yang baru dan untuk mitigasikan projek ini berdasarkan kontrak yang telah kita rundingkan. Terima kasih.”

[Muka surat 20, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.8 Status dan Justifikasi Dendaan Penalti (LAD)

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [KPE LUNAS] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 menjelaskan bahawa tiada sebarang penalti atau dendaan dikenakan terhadap syarikat BNS semasa fasa mobilisasi semula tersebut. Keputusan ini dicapai melalui proses rundingan yang panjang dan komprehensif antara semua pemegang taruh, termasuk Pejabat Peguam Negara (AGC) sebagai penasihat undang-undang kerajaan dan pihak peguam syarikat. Beliau turut menegaskan bahawa ketiadaan dendaan ini merupakan keputusan dasar kerajaan yang turut mengambil kira proses pengambilalihan syarikat secara sepenuhnya oleh MKD, di mana LUNAS kini merupakan entiti yang dimiliki sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan.

“Dato’ Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey, kita start Q3 2023. Sebelum itu, ada tak any penalty ataupun denda yang dikenakan kepada Boustead sebelum perancangan baru ini? Pertama.

Keduanya, selepas dia dijadualkan semula, kita ada beberapa perubahan masa lah untuk tempoh siap ini. So, sekarang ni kalau LCS 1 ni kalau ikut schedule dia, 96. Delay 13 percent, 96 hari. So, sebelum itu mungkin dah dibuat perubahan-perubahanlah. Itu yang the latest 96 hari. So, ada tak kerajaan akan mengenakan, (impose) LAD kepada LUNAS pula? Terima kasih.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Okey. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam PAC, on record, tiada dendaan penaltilah telah dikenakan kepada syarikat BNS pada fasa remobilisasi tersebut. Rundingan dan asas kepada keputusan ini adalah satu keputusan kerajaan dan telah melalui satu proses yang amat panjang dan

juga komprehensif melibatkan kesemua pemegang taruh termasuk pihak daripada AG's Chambers sebagai penasihat undang-undang bagi pihak kerajaan. Pihak syarikat BNS juga telah membawa sudut pandangan undang-undang daripada pihak syarikat jugalah.

Justeru, itu adalah satu keputusan yang dibuat oleh kerajaan untuk tidak mengenakan sebarang denda kepada syarikat BNS. Ia nya juga telah diambil kira sebagai satu asas untuk syarikat tersebut diambil alih sepenuhnya oleh Menteri Kewangan diperbadankan di mana LUNAS sekarang ini adalah satu syarikat yang dimiliki secara sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih."

[Muka surat 21, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.3.9 Keupayaan Peperangan Kapal LCS

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, TLDM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 memaklumkan bahawa dari sudut teknikal, kapal LCS direka dengan keupayaan tempur pelbagai dimensi, termasuk peperangan anti-kapal selam. Kapal ini akan dilengkapi dengan sistem torpedo yang diletakkan secara tersorok di bahagian sisi kapal. Reka bentuk ini bertujuan untuk mengekalkan ciri halimunan (*stealth*) kapal, di mana peralatan persenjataan tidak terdedah secara terbuka bagi meminimumkan dikesan oleh radar musuh atau sonar kapal selam semasa operasi taktikal dijalankan.

"Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya lagi about this special trial, about this apa — you said submarine ini kan? I thought it's just surface-to-surface and surface to air.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yang itu missile Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi, bawah pun ada juga? Submarine pun ada juga?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Kita juga ada. Kita untuk lawan submarine, kapal ini berupaya bawa torpedo. Kapal ini akan dilengkapi dengan torpedo. Kebetulan masa lawatan hari itu, kita tak sempat tunjuk Ahli-ahli Yang Berhormat dekat mana duduknya. Again, dalam — dekat tepi kapal itu pun dia tersorok, tak nampak. Kapal — kapal sepatutnya halimunan kan?

So, you will not see all that on the ship side lah. Tak ada, tapi kapal ini berupaya bawa torpedo untuk menangkis kapal selam."

[Muka surat 15, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.4 Status Siasatan SPRM

Tuan Chang Ching [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan), SPRM] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 memaklumkan bahawa pihak SPRM telah membuka kertas siasatan berkaitan kes LCS yang sehingga kini masih lagi berjalan secara aktif. Selain siasatan jenayah, siasatan dari aspek tatakelola

telah pun selesai dilaksanakan oleh pihak suruhanjaya. Sebagai tindakan susulan daripada penemuan siasatan tatakelola tersebut, SPRM telah memberikan sesi khidmat nasihat kepada MINDEF pada Ogos 2023 bagi tujuan penambahbaikan prosedur dan pengurusan projek.

“Tuan Chang Ching [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]: Selamat petang Yang Berhormat Pengerusi. Saya daripada SPRM. So, untuk yang — memang kita ada buka kertas siasatan untuk kes ini. So, kertas siasatan itu masih ongoing dan kita juga ada buka kertas penyiasatan tatakelola. Tapi, yang tatakelola punya kita sudah selesai dan kita telah membuatkan sesi khidmat nasihat kepada MINDEF pada tahun 2023, Ogos. Dah selesai. Cuma, yang siasatan itu kita masih ongoing-lah. Itu sahaja. Terima kasih.”

[Muka surat 47-49, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

6.5 Struktur Pengawasan dan Kestabilan Bajet

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Udara dan Maritim), Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC), MOF] dalam prosiding bertarikh 4 Februari 2026 mengesahkan bahawa LUNAS merupakan syarikat yang dimiliki sepenuhnya (100 peratus) oleh MKD, sekali gus meletakkannya di bawah pemantauan langsung MOF. Bagi memastikan pengawasan yang efektif, struktur Lembaga Pengarah LUNAS kini merangkumi dua orang wakil daripada MOF serta barisan ahli lembaga pengarah bebas yang mempunyai kepakaran khusus dalam bidang perkapalan, perundangan, dan kewangan. Beliau turut menegaskan bahawa setakat ini tiada sebarang keperluan untuk penambahan kos luar jangka, di mana bajet projek kekal dalam lingkungan siling RM11 bilion yang telah ditetapkan.

“Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya, dah nak habis, 3.30 dah. Struktur syarikat pemegang saham LUNAS di MOF sekarang ini. Pihak manakah yang menjalankan pemantauan ke atas LUNAS sekarang? Dan adakah pemantauan yang efektif telah dijalankan di pihak MOF? Kalau boleh kita bagilah kepada PAC, pengarah-pengarah syarikat pemegang saham LUNAS sekarang ni. Terima kasih.

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC) Hubungan, Kementerian Kewangan]: Assalamualaikum YB. Dari segi pemantauan syarikat LUNAS, memang dari segi syarikat memang dipantau oleh Menteri Kewangan — Kementerian Kewangan lah. So, pegangan saham adalah Menteri Kewangan Diperbadankan, maknanya 100 percent dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan yang mana kuasa Menteri Kewangan diperbadankan adalah Menteri Kewangan lah. Dan, kami ambil maklum jugalah berkenaan cadangan YB tentang pelantikan ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Ada dalam apa tu kan, LUNAS ni?

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [MOF]: Dalam LUNAS kita ada wakil Kementerian Kewangan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] Satu je?

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [MOF]: Kita ada dua orang wakil daripada Kementerian Kewangan dan kita juga ada ahli lembaga pengarah independent lah yang ada kepakaran dalam bidang perkapalan, perundangan dan juga kewangan untuk membantu Kementerian Kewangan memantau LUNAS lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, maknanya tadi kalau tengoklah tadi kita punya progress dan sebagainya tu, adakah MOF merasa you need to put aside something, some amount untuk pastikan lima kapal tu akan disiapkan seperti yang dicadangkan? Without additional cost or ada kena stand by?

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [MOF]: Buat masa sekarang, tidak ada apa-apa pertambahan kos lah berdasarkan kepada kos yang RM11 bilion tu. Tak ada tambahan lainlah.”

[Muka surat 48-49, Laporan Prosiding bertarikh 4 Februari 2026]

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG
NEGARA (PAC) PARLIMEN**



7. RUMUSAN PAC PARLIMEN

Secara keseluruhan PAC Parlimen merumuskan perkara-perkara berikut:

- 7.1 Setakat Disember 2025, kemajuan fizikal keseluruhan projek adalah 75.73%, manakala kapal pertama (LCS 1) telah mencapai 82.90%.
- 7.2 LCS 1 telah berjaya menjalani ujian laut (*first sea-going*) pada 28 Januari 2026 dengan kelajuan 7 knot.
- 7.3 Tarikh penyerahan LCS 1 dipinda kepada Disember 2026 (lewat 4 bulan), manakala LCS 2 pada Ogos 2027. Walau bagaimanapun, tarikh serahan LCS 3 hingga LCS 5 kekal mengikut kontrak asal sehingga April 2029.
- 7.4 Kelewatan berpunca daripada tuntutan audit teknikal oleh Naval Group (Perancis) yang mewajibkan kerja semula (*rework*) ke atas hampir 4,000 item, termasuk penambahan 50 kilometer kabel bagi LCS 1.
- 7.5 Kos keseluruhan kontrak kekal pada harga tetap (*fixed price*) RM11.22 bilion. Segala implikasi kos akibat kerja semula atau pembaikan komponen usang ditanggung sepenuhnya oleh syarikat LUNAS tanpa tambahan dana kerajaan.
- 7.6 Kerajaan kini menggunakan Kaedah Nilai Terperoleh (EVM) di mana bayaran hanya dibuat berdasarkan nilai kerja fizikal yang telah disahkan, menggantikan sistem *milestone* lama yang terdedah kepada risiko terlebih bayar.
- 7.7 Sebanyak 170 sistem utama dalam kapal LCS perlu diuji, termasuk ujian penembakan meriam dan pensijilan kalis kejutan (*shock-proof*).
- 7.8 Isu keusangan peralatan sedang ditangani melalui proses pembaikan semula (*refurbishment*) oleh OEM di bawah tanggungan kontraktor sepenuhnya.
- 7.9 Sejak diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), dana projek dipantau secara mingguan dan diasingkan sepenuhnya daripada aktiviti perniagaan syarikat yang lain (seperti MRO).
- 7.10 Pandemik COVID-19 menyebabkan beberapa pembekal peralatan asal (OEM) di Eropah bankrap, memaksa kontraktor mencari vendor alternatif dan melakukan pensijilan semula yang memakan masa.

- 7.11 Tempoh latihan intensif selama 12 bulan ditetapkan bagi memastikan kru TLDM mahir mengendalikan teknologi kompleks kapal ini, termasuk sistem peperangan anti-kapal selam dan ciri halimunan (*stealth*).
- 7.12 SPRM mengesahkan siasatan jenayah masih berjalan secara aktif, manakala siasatan tatakelola telah selesai dengan khidmat nasihat diberikan kepada MINDEF pada Ogos 2023.
- 7.12 Kerajaan Malaysia telah pun melunaskan 95% daripada dana awam bagi keseluruhan nilai kontrak Perolehan *Naval Strike Missile* (NSM) Sebagai *Surface-To-Surface Missile* (SSM) Bagi Projek Pembangunan Kapal Peronda Generasi Kedua – *Littoral Combat Ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia.
- 7.13 Tindakan Kerajaan Norway menarik balik dan membatalkan lesen eksport peluru berpandu *Naval Strike Missile* (NSM) bagi Projek LCS mampu menjejaskan keupayaan tempur kapal LCS, di mana kapal berisiko diserahkan tanpa sistem persenjataan utama yang lengkap.

8. SYOR PAC PARLIMEN

Bagi tujuan penambahbaikan, PAC Parlimen mengesyorkan kepada Kerajaan perkara-perkara berikut:

- 8.1 MINDEF/TLDM diwajibkan mengemukakan laporan kemajuan bertulis kepada PAC setiap tiga (3) bulan bermula Mei 2026 tanpa gagal bagi memastikan setiap kelewatan atau isu baharu dikesan dan ditangani lebih awal termasuk status ujian integrasi sistem tempur memandangkan fasa pengujian April 2026 adalah kritikal.
- 8.2 MINDEF dan MOF hendaklah mengekalkan disiplin kewangan yang ketat bagi memastikan kos keseluruhan kontrak projek LCS kekal di bawah siling RM11.22 bilion sepertimana yang telah dimuktamadkan.
- 8.3 MINDEF hendaklah memastikan projek ini berjaya direalisasikan sehingga lima buah kapal diserahkan kepada TLDM mengikut garis masa dan kos yang telah ditetapkan.

- 8.4 Kontraktor (LUNAS) perlu memastikan stok waranti (*contingency stock*) bagi peralatan kritikal seperti radar sentiasa mencukupi bagi mengelakkan kelewatan berulang akibat kegagalan vendor antarabangsa.
- 8.5 Kerajaan hendaklah memperkukuh segala langkah mitigasi dan diplomasi bagi menjamin penyelesaian yang adil serta memastikan kedaulatan fiskal negara terus terpelihara.
- 8.6 Kerajaan juga hendaklah memanfaatkan sepenuhnya ruang rundingan damai atau prosiding perundangan bagi menuntut ganti rugi yang setimpal mengikut terma-terma kontrak yang telah dipersetujui.

JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC) PARLIMEN



GAMBAR PROSIDING













LAPORAN PROSIDING (HANSARD)





MALAYSIA

LAPORAN PROSIDING (HANSARD)

Rabu, 4 Februari 2026

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

**Prosiding Laporan Tindakan Susulan:
Kemajuan Projek Pembinaan Kapal Peronda Generasi Kedua –
LCS bagi Tentera Laut Diraja Malaysia
di Bawah Kementerian Pertahanan Malaysia
terhadap Syor-Syor Laporan PAC Parlimen
(DR.6/2023) dan (DR.13/2023)**

(i) Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)

YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali
Ketua Setiausaha

YBrs. Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph
[Ketua Pasukan Projek LCS, Tentera Laut Diraja
Malaysia (TLDM)]

(ii) Lumut Naval Shipyard Sdn. Bhd. (LUNAS)

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat
Ketua Pegawai Eksekutif

**PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KELIMA BELAS**

**MESYUARAT JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL. 1 TAHUN 2026**

**BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR**

RABU, 4 FEBRUARI 2026

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

YB. Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah] — *Pengerusi*
YB. Puan Teresa Kok Suh Sim [Seputeh] — *Naib Pengerusi*
YB. Tuan Syahredzan bin Johan [Bangi]
YB. Dato Dr. Richard Rapu @ Aman anak Begri [Betong]
YB. Dr. Hajah Halimah Ali [Kapar]
YB. Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Kuala Pilah]
YB. Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Kubang Pasu]
YB. Tuan Haji Azli bin Yusof [Shah Alam]
YB. Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]
YB. Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Sekijang]
YB. Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Sik]
YB. Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Tampin]
YB. Tuan Ir. Ts. Zahir bin Hasan [Wangsa Maju]

Tidak Hadir (*Dengan Maaf*)

YB. Datuk Ali anak Biju [Saratok]

URUS SETIA

Puan Aidahanie binti Baharuddin [Ketua Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Muzzamil bin Khairul Anuar [Penolong Setiausaha Kanan (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Puan Siti Noor Akmar binti Zulkafli [Juruaudit (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Cik Farah binti Mohamed Rafiee (Penolong Setiausaha (Pejabat Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara) Parlimen Malaysia]
Encik Mohamad Tarmizi bin Ahmad [Penasihat Undang-undang I (Pejabat Penasihat Undang-undang) Parlimen Malaysia]

HADIR BERSAMA

Dewan Negeri Perak (DUN Perak)

YB. Dato' Zainol Fadzi bin Hj Paharudin [Ahli Dewan Negeri (ADUN) Sungai Manik merangkap Pengerusi PAC Dewan Negeri Perak]

Ex Officio

Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA)

Encik Muhammad Fikri bin Kamarjaman [Ketua Penolong Pengarah (Perkhidmatan)]

Kementerian Kewangan Malaysia (MOF)

Puan Nadeema binti Kamaruddin [Ketua Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Nurul Allbiirr bin Nordin [Penolong Setiausaha Kanan (Bahagian Kawalan Kewangan Strategik dan Korporat)]

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [Ketua Penolong Setiausaha (Unit Udara dan Maritim), Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC) Hubungan]

Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)

Encik Encik Gunalan A/L Perumal [Pegawai Siasatan (Bahagian Penyiasatan Tatakelola)]

KPKPj Tuan Chang Ching [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan)]

Encik Arman bin Alies [Ketua Penolong Kanan Penguasa (Bahagian Siasatan)]

Jabatan Audit Negara (JAN)

Encik Halimuiddin bin Chongge [Pengarah Audit Kewangan IV (Bahagian IV, Sektor Audit Kewangan)]

Puan Aida binti Md Rashid [Timbalan Pengarah Audit Kewangan IV (Bahagian IV, Sektor Audit Kewangan)]

Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM)

Encik Mohd Nazi Bin Mat Yusoff [Timbalan Pengarah ((Bahagian Perkhidmatan Operasi Pusat dan Agensi (BPOPA))]

SAKSI-SAKSI**Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)**

YBhg. Datuk Lokman Hakim bin Ali [Ketua Setiausaha]

YBrs. Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)]

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Ketua Pegawai Eksekutif, Lumut Naval Shipyard Sdn. Bhd. (LUNAS)]

Lt. Kdr. Norizam binti Jusoh [Pasukan Projek LCS, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)]

Puan Hazlin Binti Selamat [Timbalan Setiausaha Bahagian B (Bahagian Perolehan), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)]

Puan Kogila Devi A/P Radakrishnan [Ketua Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)]

Encik Syahizwan Bin Osman [Penolong Setiausaha (Bahagian Perolehan), Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)]

LAPORAN PROSIDING

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA BIL. 1 TAHUN 2026

BILIK JAWATANKUASA 1, BLOK UTAMA
PARLIMEN MALAYSIA, KUALA LUMPUR

RABU, 4 FEBRUARI 2026

Mesyuarat dimulakan pada pukul 12.08 tengah hari

*[Yang Berhormat Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin
mempengerusikan Mesyuarat]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*
Waalaikumussalam.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Selamat datang saya ucapkan pada Yang Berhormat Puan Teresa Kok Suh Sim, Naib Pengerusi PAC Parlimen; Ahli-ahli Yang Berhormat Ahli PAC Parlimen Kelima Belas dan semua ahli ex officio.

Terima kasih kerana hadir dalam mesyuarat kita pada hari ini ya. Sebelum saya bercakap dengan lebih lanjut, bagi seluruh pihak PAC, dengan sukacitanya saya ingin merakamkan ucapan tahniah dan juga mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa, Ahli Parlimen Sekijang sebagai ahli PAC yang baharu. *[Tepuk]* Pelantikan Yang Berhormat adalah satu pengiktirafan kepada kredibiliti dan juga boleh kongsi pengalaman Yang Berhormat bagi melancarkan lagi peranan yang telah pun dijalankan oleh PAC.

Dan pada masa yang sama juga, saya ingin mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato' Zainol Fadzi bin Hj. Paharudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Negeri Perak sebagai pemerhati sesi kita pada kali ini dan ini adalah selaras dengan komitmen PAC Parlimen untuk meneruskan kerjasama erat dengan PAC negeri dalam kita memastikan akauntabiliti tertinggi di peringkat Persekutuan dan juga negeri.

Yang Berhormat ahli mesyuarat sekalian, semua sedia maklum bahawa kita pada 30 Januari yang lepas, telah pun -- Jawatankuasa PAC telah pun mengadakan lawatan kerja ke Limbungan Lumut Naval Shipyard (LUNAS), Perak.

■1210

Jadi, lawatan kerja ini diadakan bertujuan untuk kita melihat perkembangan terkini berhubung dengan projek pembangunan kapal peronda generasi kedua *littoral combat ship* (LCS) Tentera Laut Diraja Malaysia dan ini adalah merupakan lawatan susulan PAC yang ketiga bagi memantau projek tersebut sebagai susulan kepada prosiding-prosiding yang telah pun PAC jalankan terdahulu mengenai projek ini.

Jadi, hari ini kita akan mendengar laporan kemajuan LCS di bawah Kementerian Pertahanan. Hadir di hadapan kita pada hari ini adalah Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha MINDEF. Terima kasih Datuk sebab hari itu pun Datuk ada ya sewaktu lawatan kerja PAC ke sana. Terima kasih. Kami sangat hargai. Yang keduanya Yang Berusaha Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph, Ketua Pasukan Projek LCS. Hari ni dia lain sikit sebab dia pakai baju kot, dia *handsome* ya, pakai dengan *tie* ya. *[Ketawa]* Sukar nak dikenali. YB Teresa Kok kata, *you* dengan Kepten Azhar sukar nak dikenali sebab pakai *tie* semua kan. Yang Berusaha Kepten (B) Ir. Azhar Jumaat, Ketua Pegawai Eksekutif, Lumut Naval Shipyard Sdn. Bhd.

Sebelum jawatankuasa memulakan prosiding ini, bagi memastikan segala keterangan yang diberikan adalah benar dan juga sahih, saya ingin memaklumkan bahawa bermula Mesyuarat Pertama pada tahun ini, semua saksi yang hadir untuk memberikan keterangan di hadapan Jawatankuasa Pilihan Parlimen termasuk PAC adalah diwajibkan untuk mengangkat sumpah. Jadi, arahan ini adalah selaras dengan peruntukan di bawah seksyen 18 Akta Majlis Parlimen 1952 yang menyatakan bahawa saksi boleh diperiksa atas sumpah yang dikendalikan oleh pengerusi jawatankuasa.

Jadi sehubungan dengan itu, mohon saksi untuk berdiri dan mengangkat sumpah yang akan diketuai oleh Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim bin Ali. Jadi, dimaklumkan juga bahawa selepas ini sekiranya terdapat pegawai yang perlu memberi keterangan, pegawai tersebut juga perlu mengangkat sumpah sebelum keterangan diberikan. Ada tak pegawai yang hadir di sini yang akan membantu memberikan keterangan kepada PAC? Ada tak?

Seorang Ahli: Ada.

Seorang Ahli: Mungkin adalah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Kalau sekiranya ada pegawai yang hadir dan juga membantu memberi keterangan, sebelum dia bagi keterangan, dia kena angkat sumpahnya, okey. Jadi, dipersilakan Datuk.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)]:

Bismillahirrahmanirrahim. Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi.

“Bahawanya saya...”

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)]: *“Bahawanya saya...”*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Lumut Naval Shipyard Sdn. Bhd. (LUNAS)]:
“Bahawanya saya...”

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: *“...Lokman Hakim bin Ali ...”*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: *“...Franklin Jeyasekhar Joseph...”*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *“...Azhar bin Jumaat...”*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: *“... dengan sesungguhnya...”*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: *“... dengan sesungguhnya...”*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *“... dengan sesungguhnya...”*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: *“... bersumpah bahawa segala keterangan...”*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: *“... bersumpah bahawa segala keterangan...”*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *“... bersumpah bahawa segala keterangan...”*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: *“... yang saya berikan...”*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: *“... yang saya berikan...”*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *“... yang saya berikan...”*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: *“... di hadapan jawatankuasa ini adalah benar...”*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: *“... di hadapan jawatankuasa ini adalah benar...”*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *“... di hadapan jawatankuasa ini adalah benar...”*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: *“...Tiada yang tidak benar...”*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: *“...Tiada yang tidak benar...”*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *“...Tiada yang tidak benar...”*

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: “...melainkan benar belaka”.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: “...melainkan benar belaka”.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: “...melainkan benar belaka”.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih kepada Yang Berbahagia Datuk Lokman ya. Oleh itu — jadi ini adalah merupakan sejarah kitalah ya, sejarah yang pertama, saksi yang pertama dan juga *unfortunately is the LCS*. Kita prosiding yang pertama pada tahun ini sebab kita dalam bulan Januari hari itu kita agak sibuk. Pelbagai program yang dilakukan oleh PAC dan ini adalah kali pertama. Saya ucapkan tahniah jugalah, angkat sumpah kan. Bukan senang. *[Ketawa]*

Oleh itu, tanpa membuang masa saya dengan ini menjemput Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim untuk memulakan pembentangan. Dipersilakan Datuk.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara (PAC), Timbalan Pengerusi dan juga ahli-ahli jawatankuasa yang kami muliakan. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*.

Sekali lagi bagi pihak MINDEF dan juga ATM, tentera laut serta LUNAS mengucapkan terima kasih kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara atas jemputan ke mesyuarat prosiding PAC Parlimen Kelima Belas Bil.1 tahun 2026. Saya rasa ia satu penghormatan juga kepada kami daripada MINDEF, TLDM dan LUNAS untuk memulakan tahun ini sebagai prosiding yang pertama dan juga sebagai kumpulan yang pertama melalui angkat sumpah bagi saksi. *It is always good to have a try out. I hope that actually works perfectly for you all. [Ketawa]*

Mesyuarat ini, seperti semua sedia maklum adalah selaras dengan syor PAC yang mana MINDEF perlu membentangkan laporan kemajuan projek LCS setiap tiga bulan kepada PAC sehinggalah projek LCS ini disempurnakan. Saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang sudi melawat kami di Lumut pada minggu lepas. *It was truly an honour for us to have you there* untuk melihat sendiri kapal LCS 1 di limbungan LUNAS yang sedang dalam proses pembinaan serta meninjau LCS 2 dan LCS 3 yang sedang dalam pembinaan dari bahagian luar.

Saya percaya dengan kehadiran Yang Berhormat semua dan saya rasa hampir majoritinya pernah hadir sebelum ini ke limbungan dapat melihat perkembangan

pelaksanaan kerja-kerja fizikal luar dan dalaman kapal dan ia juga memberi peluang untuk kami di MINDEF dan LUNAS untuk menunjukkan, mempamerkan komitmen-komitmen dalam menjayakan projek ini.

Juga ingin saya sentuh bahawa tajuk mengenai LCS ini sangat diambil perhatian oleh rakyat dan juga Yang Berhormat-Yang Berhormat di Dewan Rakyat. Oleh itu Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah mengambil kesempatan untuk menjawab beberapa soalan mengenai dengan LCS pada minggu lepas di Dewan Rakyat yang mulia dan berkongsi berkenaan dengan perkembangan terkini LCS 1 dan juga telus dalam memaklumkan kelewatan *delivery* daripada Ogos ke Disember 2026 ini dengan memberi hujah dan justifikasi mengenai dengan kelewatan berkenaan.

Juga di pihak Jabatan Audit Negara, pada 15 Januari yang lepas telah dilaksanakan pembukaan — sesi pembukaan bagi pengauditan *key audit area* terhadap projek perolehan LCS ini yang mana di sesi tersebut, pihak MINDEF dan juga *team* projek dari TLDM telah berkongsi mengenai beberapa perkara yang penting untuk pengetahuan dan pemakluman pihak Jabatan Audit Negara sebelum mereka ke limbungan dan melihat sendiri perkembangan. Pertamanya mengenai *milestone* dan garis masa. Keduanya, mengenai kaedah perolehan dan spesifikasi bagi LCS dan juga struktur kontrak LCS sebelum dan selepas tahun 2018–2019.

Untuk makluman Yang Berhormat, seperti yang telah juga dikongsikan sewaktu taklimat di Lumut pada 30 Januari yang lepas, sehingga 25 Disember, kementerian telah dimaklumkan oleh LUNAS kemajuan keseluruhan projek LCS mencapai 75.75 peratus berbanding dengan 81.57 peratus yang dirancang. Khusus bagi kapal LCS 1, kemajuan semasa adalah 82.90 peratus berbanding dengan 96.52 peratus yang dirancang dan kemajuan ini meliputi pembinaan struktur kapal, pemasangan peralatan utama dan integrasi sistem kapal.

Walaupun terdapat kelewatan berbanding jadual asal, kementerian telah dimaklumkan oleh pihak LUNAS bahawa kapal LCS 1 telah berjaya diluncurkan ke air dan kini berada dalam fasa pemasangan serta integrasi sistem utama. Fasa ujian laut bagi kapal LCS 1 oleh limbungan telah bermula sejak 20 Januari 2026 manakala *first sea-going* telah diadakan pada 28 Januari 2026 iaitu dua hari sebelum lawatan rasmi daripada Ahli-ahli YB PAC.

■1220

Dan pada tempoh tersebut tujuan pengujian adalah berkaitan dengan sistem jentera, janakuasa, sistem penghawa dingin dan *propulsion system*. Ini adalah proses permulaan bagi memastikan kapal LCS 1 berkeupayaan untuk berlayar di laut. Dan

MINDEF telah juga dimaklumkan bahawa pada *first sea-going process* pada 28 Januari hasilnya sangat memberangsangkan, sangat menggalakkan. Malah, LCS 1 telah didapati berlayar dengan kelajuan tujuh knot di mana ia didapati bahawa pada peringkat tersebut merupakan satu hasil yang sangat menggalakkan dan positif.

Persediaan platform dan peralatan juga sedang giat dilaksanakan untuk membolehkan *sea trial* penuh untuk dimulakan pada awal April 2026. Dan berdasarkan pada maklum balas oleh pihak LUNAS yang telah dikemukakan kepada pasukan projek, jadual pentauliahkan kapal LCS 1 dipinda ke Disember 2026 manakala bagi kapal LCS 2 pula dipinda ke Ogos 2027 dan bagi kapal-kapal berikutnya pentauliahkan pada masa ini kekal iaitu LCS 3 pada Disember 2027, LCS 4 pada Ogos 2028 dan LCS 5 pada April 2029.

Juga, telah dikongsikan sedikit semasa lawatan Yang Berhormat ke Lumut pada 30 Januari dan juga susulan daripada penjelasan yang telah dibuat oleh Yang Berhormat MENHAN kepada — di Dewan Rakyat minggu lepas. Antara justifikasi ia adalah beberapa perkara yang telah diaudit oleh Naval Group yang mana laporan tersebut mengambil lebih kurang enam bulan untuk dikemukakan kepada LUNAS dan di dalam audit oleh Naval Group tersebut yang diterima pada April tahun 2025 telah menyenaraikan lebih kurang 4,000 *line items* untuk di-rework atau disemak semula tugas. Dan susulan daripada senarai itu yang telah dikemukakan kepada LUNAS, ia mengambil masa juga dalam dua bulan untuk kami menyemak semula senarai-senarai tersebut. Jadi, itu adalah antara perkara-perkara yang telah dikongsikan bersama. Hari ini, secara terperinci akan dinyatakan atau dikemukakan oleh pihak MINDEF, pasukan projek dan juga LUNAS.

Untuk makluman semua, majlis penamaan kapal LCS3 akan diadakan pada 10 Februari 2025 oleh Tuan Yang Terutama Negeri Sarawak, Tun Pehin Sri Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar sebelum ia menjalani ujian. Dari segi kos pula, nilai keseluruhan kontrak projek LCS ini adalah sebanyak RM11.2 bilion dengan perbelanjaan semasa berjumlah RM8.3 bilion. Bagi mengelakkan sebarang isu terlebih bayar dan kelewatan pembayaran yang boleh menjejaskan kemajuan kerja, kerajaan memastikan bahawa setiap perbelanjaan dibuat secara berdisiplin mengikut proses verifikasi yang ketat dan ini adalah rentetan daripada penambahbaikan kontrak yang telah dibuat selepas setahun 2018 berkenaan untuk memastikan bahawa urus tadbir dan integriti kontrak yang tinggi dan memberi nilai penuh kepada kerajaan.

Perkara ini juga merupakan penambahbaikan daripada keputusan Jemaah Menteri pada 19 April 2023 di mana MINDEF telah mengubah pembayaran daripada

milestone kepada bayaran kemajuan bagi memastikan pembayaran tidak melebihi kemajuan semasa sebagaimana yang dapatan oleh Jabatan Audit Negara yang lepas. Selain itu, MINDEF dan TLDM sentiasa memberikan komitmen penuh dalam menentukan kelancaran perolehan kapal ini melalui pendekatan-pendekatan yang proaktif. Pelbagai platform pemantauan dan semakan berterusan diwujudkan bagi memastikan kemajuan projek dipantau secara sistematik dan berterusan.

Dan seperti yang dinyatakan tadi beberapa perkara yang hasil daripada dapatan audit Naval Group dan perkara-perkara mengenai dengan *rework* dan juga pemasangan kabel. Perkara-perkara itu yang telah dilaksanakan oleh pihak LUNAS juga disemak semula oleh pasukan projek. Tetapi, pasukan projek berdasarkan daripada penambahbaikan-penambahbaikan yang telah diterapkan di dalam kontrak memastikan bahawa pengesahan hanya dilakukan setelah kerja sempurna dilaksanakan.

Jadi, seperti Yang Berhormat Datuk Wira dengan Yang Berhormat-Yang Berhormat hadir pada tempoh hari bila kita masuk kapal berkenaan dan melihat kepada kabel-kabel yang banyak, hanya kabel yang sempurna yang telah diletak atas *tray clip* semuanya yang disahkan sahaja. Walaupun ada banyak lain-lain kabel yang ukurannya lebih 250 kilometer. Sebelum audit itu adalah 200 kilometer. Selepas pengauditan penambahan kepada *cabling* itu adalah sebanyak 50 kilometer. Jadi, banyak perkara yang disahkan, yang telah pun dilaksanakan tetapi banyak perkara yang disemak, yang telah dipastikan untuk dilaksanakan dengan sempurna agar ia dapat disahkan dengan nilai yang terbaik kepada kerajaan.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, pada 25 November yang lepas saya juga telah mempengerusikan Mesyuarat Projek *Monitoring Committee* bersama Ketua Setiausaha Perbendaharaan bagi menilai kemajuan keseluruhan projek LCS yang mana mesyuarat ini turut memberi ruang kepada pasukan projek yang diketuai oleh Laksamana Muda Ir. Ts. Franklin serta pihak LUNAS untuk membentangkan status perkembangan terkini, cabaran pelaksanaan, langkah pembetulan yang sedang diambil. Dan melalui platform ini, beberapa tindakan strategik telah dikenal pasti:

- (i) menyelaraskan semula hala tuju pelaksanaan bagi memastikan pematuhan kepada jadual dan spesifikasi yang ditetapkan;
- (ii) memperkukuh mekanisme pemantauan risiko projek dengan lebih berkesan;
- (iii) meningkatkan penyelarasan antara pihak berkepentingan utama agar keputusan taktikal dapat dilaksanakan dengan cepat dan tepat; dan

- (iv) menambah baik lagi tadbir urus pelaporan bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti dalam semua aspek projek.

Saya juga ingin mengambil kesempatan untuk menyatakan bahawa seperti yang telah dikongsikan juga kepada YB, Yang Berhormat-Yang Berhormat semasa lawatan tersebut bahawa kita lihat kemajuan di dalam Projek LCS 1 ini ada kelewatan tetapi ia *progress* yang lebih baik pada LCS 2, seterusnya pada LCS 3, LCS 4 dan LCS 5. Ini sudah tentu kerana LCS 1 merupakan projek yang pertama yang dilaksanakan di Malaysia yang sudah tentu banyak syarikat tempatan yang terlibat mengambil proses ini sebagai *lesson learned*. Dan saya fikir itu adalah antara cabaran untuk meningkatkan pengetahuan, meningkatkan kemahiran khususnya dalam pembinaan kapal berbentuk *navy* yang mempunyai sistem yang pelbagai bentuk seperti yang YB-YB sendiri dapat lihat.

Tetapi bagi syarikat-syarikat ini, ini merupakan satu pengalaman dan kapasiti *within our* pembangunan keupayaan yang sangat berharga kerana dengan LCS 1 *template* yang sebegitu dapat diulang untuk LCS 2, LCS 3, LCS4 dan LCS 5 dan sudah tentu kita lihat daripada segi data yang telah dibentangkan tempoh hari kemajuan LCS 2 lebih baik, LCS 3 lebih baik, LCS 4 dan LCS 5 itu sangat baik kerana *naturally because of* kemahiran dan pengalaman yang telah ditimba.

Dan kalau saya dapat berkongsi sedikit semasa kita laksana berbanding dengan kita laksana pembangunan LCS di China untuk *first batch of LCS. Is it LMS?* LMS di China tersebut. Dahulu *project team* kita pun tidak dapat masuk melihat *design work* pun. Hanya pada *construction* sahaja, pada fizikal sahaja. So dengan adanya projek yang baik, yang besar seperti ini memang memberi kelebihan kepada syarikat-syarikat kita untuk menimba keupayaan dalam industri perkapalan khususnya di peringkat ketenteraan.

■1230

Ini sangat juga baik seperti yang dinyatakan di dalam peluncuran Dasar Industri Pertahanan Negara oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 15 Mac yang lepas yang mana — *sorry?*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] 15 Januari.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: 15 Januari 2026 yang lepas yang mana kita ingin sentiasa melihat kepada; satu, mengurangkan kebergantungan kita

kepada syarikat-syarikat luar khususnya dalam membina dan menghasilkan aset-aset utama ketenteraan negara.

Yang keduanya ialah membina keupayaan syarikat-syarikat tempatan kita dalam sistem dan juga dalam pembangunan aset negara ini. Jadi, kemandirian itu pastinya adalah sangat penting untuk kita melihat kepada keselamatan dan kedaulatan negara kita.

Seterusnya, yang ketiga adalah memastikan lokalisasi ataupun *local content* yang tinggi di dalam segala pembangunan aset-aset ketenteraan kita dan ini memberi penjimatan dan nilai yang terbaik kepada negara.

Tapi, ini bukanlah datang dengan mudah. *We have to go through a process, a journey*, dan saya rasa ini adalah antara satu proses dan *journey* yang sangat penting di dalam polisi dan dasar pembangunan industri pertahanan negara. Selepas ini, kita mempunyai dua lagi projek besar di bawah Kementerian Pertahanan, iaitu memperolehi MRSS atau *multi-role support ship*.

Yang keduanya melihat kepada pembangunan *littoral mission ship* yang *batch* ketiga. Kemungkinan lagi tiga *batch* dan di mana Menteri Pertahanan telah menyatakan kedua-dua projek besar ini perlu dilaksanakan dalam negara. Saya pasti pengalaman yang kita lalui untuk pembinaan LCS ini adalah sangat berharga terhadap objektif dan sasaran dalam membangunkan dua projek besar perkapalan pertahanan kita yang akan datang ini.

Dengan itu, dengan izin Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, saya ingin menjemput Laksamana Ir. Ts. Franklin Joseph, Ketua Pasukan Projek LCS TLDM dan Ketua Pegawai Eksekutif LUNAS, Ir. Azhar Jumaat untuk memberikan taklimat ringkas berkaitan dengan perolehan ini, saya mohon izin Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi juga. Sebelum itu Yang Berhormat Datuk Wira, saya mohon izin sekiranya kami dapat paparkan video yang terkini mengenai dengan pembangunan LCS.

[Tayangan video dimainkan]

■1240

[Tayangan video sedang dimainkan]

[Pembesar suara dimatikan]

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi. Sekiranya tiada halangan, saya minta izin untuk serahkan kepada Ir. Franklin untuk meneruskan taklimat. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Silakan.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [Ketua Pasukan Projek LCS, Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM)]: *Thank you* Yang Berhormat. Salam hormat, selamat tengah hari Ahli-ahli Yang Berhormat terutamanya Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, Yang Berhormat Naib Pengerusi dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain.

Saya akan membentangkan taklimat yang sama seperti mana yang kita taklimatkan pada 30 hari bulan untuk *benefit of the other PAC members* yang *who were not there*. So, and then selepas itu, Kapten Azhar akan *run through issues* yang berbangkit *on the project itself*. So, izinkan saya untuk *run through the presentation*. Kenapa macam separuh? [Merujuk pegawai] Dia tak — *slide* dia tak penuh. Okey, *next*. *Next*.

Izinkan saya teruskan Yang Berhormat. Ini adalah *slide* yang kita taklimatkan selalu, yang kita guna untuk melaporkan status ataupun *health state of the project* dalam satu muka surat. Saya mula dengan kotak yang bernombor satu. Seperti mana yang kita dapat lihat, *progress* semasa adalah ke belakang, terkebelakang, negatif 5.84 peratus *behind schedule*. Perkara ini diterjemahkan kepada bilangan-bilangan hari yang tersenarai di situ. 96 hari terkebelakang untuk LCS 1, 81 hari terkebelakang untuk LCS 2, 66 hari LCS 3 dan 21 hari terkebelakang untuk LCS 4.

Nilai seterusnya *progress* yang kita *remark as 0.44* tu adalah *progress* bulan ke bulan, *month-to-month* punya *achievement*. Berbanding dengan bulan November, pelaporan berakhir 25 Disember ini ada peningkatan sebanyak 0.44 peratus. *Progress* keseluruhan sekarang berdiri ataupun kekal pada 75.73 peratus, *progress* kerja berbanding dengan jumlah pembayaran ataupun kutipan yang syarikat LUNAS telah buat. Pembayaran *by government* setakat ini adalah 74.42 peratus. Ini sejajar dengan kenyataan audit tadbir urus yang memerlukan pembayaran sentiasa di bawah kemajuan kerja. So, *we are complying to this requirement at each payment*.

Kotak nombor dua menggariskan *the trajectory* pergerakan projek ini daripada beberapa bulan yang lepas. Dapat kita lihat *progress* semasa garis biru berbanding garis merah itu ada — garis merah makin mengembang dan ini adalah rentetan cabaran-cabaran yang kita akan huraikan dengan lebih lanjut dalam slaid seterusnya. *Work progress* saya dah sentuh, *total 75.73 percent with a variance of 5.84*. *In terms of cost*, kotak nombor empat *total contract value as mentioned by* Datuk KSU RM11.22 bilion berbanding kutipan hari ini — tuntutan dan kutipan adalah sama *because* pada bulan Disember tiada pencapaian pembayaran yang kita laksanakan. So, *it is the same at* RM8.33 bilion. Okay.

Next checkpoint seperti mana kita beritahu kontrak ini di — *I would say, I would use the word 'guided' ya, guided by checkpoints* dalam proses pembinaan dia. So, *checkpoint* yang pertama seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat baca di situ, *down slip* kapal kedua. Walaupun *down slip* kapal kedua seperti mana video yang kita semua dapat lihat tadi berlangsung pada Julai 2025, hanya pada Disember LUNAS dapat *fulfill* semua dokumentasi yang diperlukan untuk memenuhi *checkpoint* tersebut. So, kita hanya tutup dan bayar *checkpoint* tersebut apabila semua bukti disediakan kepada pihak pasukan projek.

And we also have next three checkpoints seperti mana kita dapat lihat. Kita ada *checkpoint* yang akan berlangsung pada setiap bulan; penghujung Januari, penghujung Februari dan juga penghujung Mac pada tahun 2026. *Alright.*

Untuk *major milestones*, seperti mana kita lihat dalam video yang ditayangkan tadi, LCS 1 — *positive news for LCS 1*, LCS 1 telah pun berjaya *debasing trial* dan juga *the first sea-sailing* pada 28 Januari tempoh hari.

■1250

Yes, we admit, it wasn't — tak semua peralatan *but* kita perlu ingat yang kapal ini ke laut selepas ia nya dibina dalam tempoh lapan tahun. *After eight years of construction*, kita berjaya, LUNAS berjaya keluarkan kapal ini dan bawa ke laut. *So, it is something of an achievement that we should be proud of. Okay. So, that has happened. And then, of course*, sekarang kita tengah *push* LUNAS untuk menyiapkan pembinaan yang selebihnya dan seterusnya untuk buat persediaan untuk ujian ke laut.

Item nombor tiga, LCS 3 *technical downslip*. Sepertimana rombongan Ahli-ahli Yang Berhormat ke Lumut tempoh hari, kita telah nyatakan kapal nombor tiga ini akan turun pada malam 30. *Actually*, kita berjaya turunkan kapal itu pada 31 hari bulan, jam 3.00 pagi ya. *3.00 o'clock in the morning, in the midst of a heavy rain.*

So, kapal berjaya turun dan *it is floating upright. So, that is again a proof and testament that whatever LUNAS has been designing and building is correct*-lah. So, tak adalah kapal itu senget ke kiri kah, ke kanan kah. *That was our worry. So*, sekarang dia dah terbukti *can float upright. So*, yang itu kita panggil ataupun *we coin it as technical downslip*-lah.

So, then, kita akan buat persiapan seterusnya untuk acara ataupun upacara pelancaran pada 10 hari bulan kelak. So, 10 hari bulan kelak itu, kapal itu kita akan naikkan balik *back to high and dry* supaya TYT Toh Puan — TYT Sarawak dan isteri beliau, Toh Puan Fauziah dapat melancarkan kapal tersebut pada 10 Februari ini. *Just six more days from now. Okay.*

Next slide. Ini paparan yang lebih mudah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat tafsir di mana projek kita sekarang ini. *So, go back.* Okey. Sepertimana kita dapat lihat, kita ada *three complete hull forms* ya. *Three complete ships* dan hari ini, ketiga-tiga *hull form* ini ataupun kapal ini sedang berapung di limbungan LUNAS. *All three are on water. It is also a good sight to see, on water and floating. All right.*

So, kapal pertama sudah pun ke laut. Semuanya siap sepenuhnya. Kapal kedua pun sedang giat dibuat kerja-kerja pemasangan peralatan, *cabling, piping* dan seterusnya. Pada kapal kedua — *sorry*, kapal ketiga dan kapal keempat, kita nyatakan *the latest development* di situ. Okey. So, ada beberapa *block*. Sepertimana kita lihat dekat video tadi pun, jarang orang luar dapat peluang melihat *mast* dipasang.

So, dalam *mast* itu, ramai Ahli-ahli Yang Berhormat tanya apa benda duduk dalam itu? Nampak macam corong aiskrim sahaja. Tetapi, *actually the main radar sits inside there* lah. *So, we manage to show one snapshot.* Kalau Ahli-ahli Yang Berhormat perasan tadi, ada satu gambar, radar dipasang dahulu, *main surveillance radar* dan di atas itu ditutup pula oleh *main mast* itulah. *So, that was something that was also done* dalam tempoh dua minggu yang lepaslah. Okey.

Then, of course, proses pembinaan LCS 4. LCS 4 belum ada rupa kapal lagi. Dia masih dalam bentuk blok. *Lego blocks, I called it. So, we can see some of the big blocks that were finished and put together* pada bulan November dan juga bulan Disember baru-baru ini.

Untuk LCS 5, masih dalam fasa *where it was*. LCS 5, ikut jadual pelaksanaan (*implementation schedule*) bermula pada Januari tahun ini. *So, LUNAS has also started some of the activities* untuk memulakan pembinaan bagi kapal yang kelima.

Perkembangan semasa LCS 1. Saya pasti Ahli-ahli Yang Berhormat sudah pun dengar kenyataan Yang Berhormat Menteri Pertahanan tempoh hari berkaitan dengan kemajuan kerja bagi LCS 1 dan LCS 2 khususnya. Apa yang kita ingin *register* di sini, perkara ini telah pun kita bincang dan telah pun ditaklimatkan kepada *both* pucuk pimpinan TLDM sehinggalah ke pucuk pimpinan MINDEF. *So, Minister is also aware of this. This is not something that Kepten Azhar and pasukan projek coined ourselves* ya. So, benda ini telah pun ditaklimatkan kepada semua. Ideanya adalah untuk pergiatkan kerja tanpa mengganggu *safety and security of — safety of personnel, security of the equipment.*

So, kita perlukan sedikit masa. Kita akan *explain* dalam slaid seterusnya kenapa masa itu diperlukan, atas sebab apa. *But looking at the time table today,* kita menjangkakan *delivery* kapal pertama, *PHO by December of 2026.*

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *May I know what is remob? R-E-M-O-B.*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *Remob* adalah *remobilisation*, Yang Berhormat. *Too long to write the whole thing, so we shortened the thing. [Ketawa] Sorry.*

So, the key deadlines that you — we want to stress on this slide is satu dalam fasa design and construction. Detailed design, sepertimana kita telah melaporkan kepada jawatankuasa yang mulia ini, detailed design telah pun diterima oleh pihak kerajaan pada Ogos 2024. Done.

Setelah *detailed design* tersebut diterima, pihak pengeluar ataupun *design authority, which is* Syarikat Naval Group, Perancis, mereka telah pun melaksanakan *audit design review*. *Design review* ini memakan masa hampir lima ke enam bulan. *Was only submitted back —* LUNAS terima balik komen daripada *design review* itu hanya pada April 2025. *If we do the math, it's roughly about eight months-lah. Okey.*

Setelah *design review* ini dikembalikan, antara perkara yang *I would say* kritikal yang diarah untuk diubahsuai, Syarikat Naval Group mensyaratkan LUNAS untuk mengubahsuai hampir 4,000 konfigurasi *piping* di semua tempatlah, pelbagai tempat di kapal ya. *So, hampir 4,000 dan benda itu kalau LUNAS setuju 100 percent, akan mengakibatkan rework dan juga kelewatan kerja yang lebih lama.*

So, this is something that kita sama-sama berbincang. *People on the ground, team* LUNAS di lapangan dan juga *team* projek. Fasa semak semula perubahan-perubahan yang disyaratkan oleh Naval Group ini dibuat secara *concurrent*, mengambil masa hampir dua bulan untuk kami selesai. Dalam masa yang sama ini, pembinaan kapal, pengubahsuaian kepada *piping, cabling* pun berjalanlah. *Okey.*

So, sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat dapat lihat di skrin, construction kapal pertama, LCS pertama ini masih sedang berjalan. Dia belum berakhir lagi ya. *Those of you* yang berkesempatan *come on the ground, do the visit* pun boleh lihat sendiri. *There still a lot of work that is being done. So, kita sehingga ke hari ini masih meneruskan pendekatan kerja pembaikan, repairs, reworks* dilaksanakan sekali gus dengan kerja-kerja pembinaan ataupun *construction. All right.*

[Merujuk kepada slaid pembentangan] Kita jangkakan kotak yang berwarna ungu itu, kita akan *start* pada — kita dah *start* dah pun. Untuk rekod, setakat sehingga hari ini, kita ada 10 peralatan yang kita dah *complete*, selesaikan *harbour acceptance trials*. 10, okey. *Of course, dia behind what we expected but it is also a positive stand that 10 of these major systems are successful. All right.*

Seterusnya, *once harbour acceptance is done*, kita akan menuju ke arah *sea acceptance trials*, dijangka bermula seawal April 2026 dan seterusnya penyerahan kapal pada Disember.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara] December this year?*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yes, Yang Berhormat. *December 2026, for LCS 1.*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *What's that special trial* yang bulan Ogos sampai Disember?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *Special trial* kita Yang Berhormat — *special trial* kita sebenarnya ada sembilan ujian. *I can't remember all nine of the tops of my head.* Tetapi *some of the trials* yang kita panggil *special trial* ini, contoh, *how to run the ship in silent mode*. Kapal ini di-design untuk berperang dengan kapal selam. Okey. So, kita tak naklah kapal ini boleh di-detect oleh kapal selam.

■1300

So, there is a special mode how you set the ship. Daripada segi bunyi, *propulsion and also noise generated by the vessel* untuk tidak dapat dikesan oleh kapal selam. So, itu antara *special trial* yang kita ada. Satu lagi ujian *special trial* adalah untuk dapatkan *magnetic signature of the vessel*. Itu ada *special equipment* apa semua yang perlu kita bawa, LUNAS kena sediakan untuk kita laksanakan *special trial* tersebut.

So, ini antara dua contoh Yang Berhormat.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Boleh, boleh saya tanya tentang *design* tadi. So, perubahan *design* tadi *will that be incurring cost, extra cost* ke apa ada tak?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Tidak Yang Berhormat. *As far as the government is concerned*, kita *fixed* dengan nilai RM11.2b. *These changes in design and LUNAS has to take on as part of that cost.*

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Okay.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Nak tanya lagi *about this special trial*, *about this* apa — *you said submarine* ini kan? *I thought it's just surface-to-surface and surface to air.*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yang itu *missile* Yang Berhormat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tapi, bawah pun ada juga? *Submarine* pun ada juga?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Kita juga ada. Kita untuk lawan *submarine*, kapal ini berupaya bawa torpedo. Kapal ini akan dilengkapi dengan torpedo. Kebetulan masa lawatan hari itu, kita tak sempat tunjuk Ahli-ahli Yang Berhormat dekat mana duduknya. *Again*, dalam — dekat tepi kapal itu pun dia tersorok, tak nampak. Kapal — kapal sepatutnya halimunan kan?

So, you will not see all that on the ship side lah. Tak ada, tapi kapal ini berupaya bawa torpedo untuk menangkis kapal selam.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh tanya sikit? Pada Mac 2025, Yang Berhormat Menteri Pertahanan telah menyatakan bahawa LCS 1 akan diserahkan kepada TLDM pada Ogos 2026. Tapi disebutkan tadi, kita akan hanya dapat serahkan pada Disember 2026. Menteri beritahu lain dekat Parlimen tapi kita punya pencapaian berbeza. Boleh berikan penjelasan?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [Kementerian Pertahanan Malaysia (MINDEF)]: Boleh, kalau boleh Yang Berhormat izinkan saya untuk beri penjelasan tentang maklumat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan pada Mac 2025. Pada Mac 2025, kalau kita perhatikan tadi, kenyataan. Kita masih lagi belum dapat maklum balas daripada Naval Group berkaitan keperluan pembaikan kepada reka bentuk yang telah dibuat sesi audit oleh mereka. Maklum balas yang dimajukan oleh pihak Naval Group hanya diberi kepada kami pada April, sebulan selepas kenyataan Yang Berhormat Menteri Pertahananlah. So, dengan demikian menjelaskan status terkini maklumat yang diperolehi oleh pihak Menteri Pertahanan pada masa tersebutlah, Yang Berhormat. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Jadi, Menteri tak dapat maklumat keseluruhan bila dia buat pengumuman sedemikian? Sebab...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Pada masa tersebut, kita...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Kasihan Menteri, dia kena jawab kalau orang tanya. *[Ketawa]* Terima kasih.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Betul, Menteri dapat maklumat keseluruhan Yang Berhormat. Cuma, masa itu bukan yang terkini kerana pada bulan Mac bila Menteri Pertahanan buat kenyataan itu, belum dapat lagi maklum balas daripada Naval Group. Naval Group hanya bagi maklumat balas pada bulan April, sebulan kemudian.

Justeru, kenyataan yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tersebut bukanlah segi untuk memberi satu kenyataan yang tidak tepat. Cuma, ya lah, unjuran kejadian dan maklumat balas itu tidak terkini pada masa tersebut.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Ya. Boleh saya tambah.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Boleh saya tambah sedikit? Yang Berhormat Datuk Wira dan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang saya muliakan, dalam setiap penjelasan yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri ke Dewan, biasanya ada berlaku tiga sesi *precounsel* bersama dengan bahagian dasar, bersama dengan *project team* dan juga bersama dengan LUNAS.

Dan setiap kali apa ini, situasi ataupun *progress* kemajuan terkini dan juga *delivery date*, semua maklumat-maklumat yang penting itu dikongsikan dengan telus kepada Yang Berhormat Menteri. Dan maksudnya pada ketika setiap masa yang disampaikan atau dikongsikan dengan Dewan-dewan yang mulia adalah maklumat yang terkini pada masa itu, yang telah diterima oleh Yang Berhormat MENHAN daripada keseluruhan *team* sama ada di bahagian dasar, di bahagian projek, apai ini projek *team* dan juga oleh LUNAS jugalah.

Jadi kebetulan pada Mac tempoh hari, itulah maklumat yang terkini dan maklumat yang telus, yang telah diterima dan disampaikan, dikongsikan terus kepada Dewan yang mulia. Cuma selepas itu, berlaku perubahan seperti yang telah dinyatakan oleh ketua eksekutif tadi. Perubahan daripada segi pelaporan yang juga memberi kesan kepada *delivery date*.

Maka kesempatan yang telah dinyatakan awal tadi pada minggu lepas, yang dia telah dikongsikan oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan itu adalah maklumat yang telah pun diberi apa orang kata, pengemaskinian. Dan perkongsian pada minggu lepas juga adalah perkongsian yang terkini dan tepat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Tuan Pengerusi, sikit saja. Saya nak — ini bersangkutan-paut juga dengan pengumuman Menteri ya. Julai 2025, Menteri Pertahanan memberitahu Parlimen bahawa LCS 1 sedang melalui *fasa setting to work* sejak Mei 2025 dan dijangka menjalani *first sea-sailing* pada Disember 2025. Tapi, okeylah kita *achieve* pada 28 Januari 2026, *one-month difference*.

Tapi tarikh-tarikh ini dia mengganggu sebab kita letak Menteri kata tarikh ini, tapi apa yang terjadi adalah sebaliknya. Itu sahaja, Datuk Wira Pengerusi. Terima kasih.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Yang Berhormat, saya teruskan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, mungkin sedikit soalan berkaitan.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Oh, soalan. Okey.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Sik, Sik mohon sikit ya. Dalam pengumuman Yang Berhormat Menteri, dua perkara penting diberitahu kenapa kelewatan itu terpaksa berlaku iaitu yang pertama disebut ialah perolehan *equipment* daripada OEM itu yang ada sedikit masalah, yang saya fahamlah. Dan yang kedua, disebut soal latihan kepada maknanya pegawai-pegawai kitalah yang belum lagi *complete*.

Jadi — dan soal OEM itu adakah maknanya itu, kebertanggungjawaban itu di pihak LUNAS sendiri yang mungkin ada masalah dalam soal perolehan apa nama, *equipment* itu, ataupun pembayaran dan sebagainya. Yang kedua itu, ada soal yang tadi, yang kata apa ini latihan itu belum, masih belum sempurna. Jadi, itu juga mungkin dilihat persiapan itu — padahal kita dah, dah panjang masa kan? Jadi, kenapa itu juga menjadi alasan dalam kelewatan itu?

Soalan kedua juga berkaitan tadi *the design* dan *construction* itu. Saya cuma nak faham, mungkin saya kurang jelas tadi disebut oleh pegawai tadi. Dari segi *flow*-nya itu, di ketika mana *design review* oleh Naval Group itu sudah diberi secara maknanya — *detailed design* itu. Tapi bila dilihat balik dari segi persiapan di *ground* itu, maknanya ada, perlu ada *rework* balik.

Kata tadi, 2,000, apa nama ini, *piping* itu tadi ya. Jadi...

Seorang Ahli: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: 4,000 *piping* itu ya. Jadi, adakah ketika dibuat awal sebelum itu, *design* itu tidak dilihat ataupun ada benda yang mungkin ada *missed* dari segi *detailed design* itu dengan, dengan kerja di *ground* itu. Itu mohon penjelasan sikit. Terima kasih ya.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Izinkan saya Yang Berhormat, isu *design*. *Design* sehingga Ogos 2024, usaha menyiapkan *detailed design* adalah usaha anak tempatan which is syarikat LUNAS. So, syarikat LUNAS berdasarkan *guidelines* yang mereka telah diberi oleh Naval Group, *the French license holder*, telah pun menyiapkan *design* tersebut *as per the contract*. Kontrak mensyaratkan untuk *detailed design* ini diselesaikan dan diserahkan kepada pihak TLDM.

Dalam proses-proses pembinaan yang lazim yang selalu kita lihat, *design* ini kena siap 100 peratus baru kita memulakan pembinaan. *This is normal*-lah, *norm in any project*. Tapi dalam kes LCS ini, disebabkan sejarah yang projek ini bawa, kita tak dapat melaksanakan proses ini sepenuhnya.

Kita terpaksa — *I use the word 'tarik tali' lah. Tarik talinya adalah kita buat design dan juga pembinaan (construction) kapal ini secara serentak. So, design dilaksanakan oleh one part of the shipyard, manakala pembinaan diteruskan oleh another part of the shipyard. So, aktiviti ini berlangsung dan berlangsung sehingga sekarang.*

Cuma *design* yang selesai pada Ogos 2024, pereka kapal, Naval Group mensyaratkan untuk *design* itu disemak semula. So, apabila anak syarikat dah siapkan — *sorry*, anak tempatan dah siapkan *design*, mereka terpaksa hantar balik ke Naval Group untuk penyemakan. Hasil penyemakan inilah yang kita jumpa *piping* kena betulkan banyak ini, *cabling* kena buat balik banyak ini. So, itu yang memakan masa tambahan. So, inilah yang kita tunjuk dalam slaid kita ini.

Pengesahan tersebut hanya LUNAS terima balik pada 30 April 2025. Sebulan lewat daripada pengumuman yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri Pertahanan tadi. Yang Berhormat Menteri Pertahanan masa itu bulan Mac dia dah *declare*, dia kata dalam sesi Parlimen, dia *declare* dia kata, "*Okey, kapal ni boleh siap by October*". Tapi kita belum dapat lagi maklumat yang terperinci ini. So, itulah antara kepincangan dalam isu *design*.

Yang Berhormat juga tanya pasal *training*. Jika kita lihat slaid ini juga, kita nampak *crew training*, kita letakkan tempoh yang agak lama, memakan masa hampir setahun. *Many of you will ask, why one year to train the crew?* Kita kena faham, yang akan bawa kapal ini semua warga TLDM. *Yes, we are already qualified.* Masing-masing anak-anak kapal ini ada kompetensi masing-masing. Yang nak jadi kapten kapal, yang nak jadi nombor dua kat kapal, yang nak jadi *chief engineer* kat kapal, masing-masing ada kompetensi dia. Tetapi mereka masih belum mahir dengan peralatan semasa yang terpasang di kapal.

Saya ambil contoh saya . Saya seorang jurutera. *Yes*, saya ada kemahiran dan kompetensi sebagai seorang jurutera, tapi saya masih tidak fasih dengan sistem yang terpasang di kapal LCS. Saya perlukan latihan khusus untuk belajar bagaimana sistem-sistem yang pelik-pelik ini, yang kita sembang tadi nak lawan kapal selam, nak tembak *missile*-lah apa semua ini, macam mana sistem ini beroperasi secara terperinci. Kerana apabila kapal ini berada kat tengah laut, *there is no one else you can call for help*. Kapal itu sendirilah kena usahakan macam mana nak baiki kerosakan, macam mana nak tangani kerosakan, macam mana nak tangani kebakaran. Semua itu dia orang sendiri kena buat. So, itulah tempoh latihan kita agak panjang.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat yang mulia, saya sukacita melaporkan yang *crew training* yang pertama telah pun bermula sejak semalam. So, *it*

will run for the next eight days. So, we started yesterday on one of the systems. Ini setelah LUNAS selesai berunding dengan syarikat apa semua itu. So, we have already started crew training. Bukannya bermaksud kita tidak ada apa-apa langsung crew training Kita telah pun bermula dan bermula sejak semalam. All right.

Puan Teresa Kok Suh Sim [Naib Pengerusi PAC]: Pengerusi, saya nak tanya Laksamana. *The remobilisation* yang bermula pada *quarter* ketiga 2023, adakah ini — okey, *for the interest of some of us who didn't follow right from the beginning*, adakah itu ialah bila LUNAS ambil alih dari apa — *another company called what? [Dicelah] BNS . [Dicelah] Boustead, Boustead. So, is that where you put this, right? The remobilisation. That means after this scandal you know become hoo-ha in Parliament and everywhere, then you know you all pick up the pieces that — to consolidate the finances or whatever. Then you start on the third quarter of 2023.*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: *I will answer a part of it, I'll also get Kepten Azhar to answer the other half of it lah. The restart of the contract Yang Berhormat started in May 2023. May, bukan Q3. May 2023. That is when the restart of the contract begin. So, government pada ketika itu sign supplemental contract dengan firma pada ketika itu still Boustead Naval Shipyard in May of 2023 untuk restart this contract. Okey.*

By contract — ini dah masuk cerita kewangan sikitlah. Government supposed to pay this amount of money baru kita boleh start the project and all that stuffs lah. So dalam kisah cerita ini, kerajaan ada kelewatan sedikit dalam menyediakan dana awal. So, dana awal ini datang lewat. So that is why the remark was move from May to Q3 of 2023.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: *Chairman*, sikit. Kita nak ubah kepada...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Minta maaf. Bila kerajaan mula bagi duit awal itu? Bulan berapa?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [TLDM]: Duit *remob* terima bila itu? Duit *remob*? *[Merujuk pegawai]*

[Pembesar suara dimatikan]

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Pembayaran *remob* daripada kerajaan hanya diterima oleh syarikat pada bulan Oktober 2023.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *Five months after?*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Yes. Itu juga sebenarnya turut menyumbang kepada cabaran syarikatlah untuk memulakan projek ini pada asalnya.

Cuma ia nya telah di — kita cuba mitigasikanlah *along the way* untuk memastikan proses pembinaan kapal dan juga pelaksana kontrak ini dapat dilaksanakan sebaik mungkin kerana kita tidak mahu ia nya kerap menjadi satu bahan fokuslah, lagi satu projek bermasalah. Tapi pada masa tersebut syarikat telah berusaha untuk berunding balik dengan pihak-pihak pembekal untuk membuat satu garis pelaksana yang baru dan untuk mitigasikan projek ini berdasarkan kontrak yang telah kita rundingkan. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Tampin.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Okey, kita *start Q3 2023*. Sebelum itu, ada tak *any penalty* ataupun denda yang dikenakan kepada Boustead sebelum perancangan baru ini? Pertama.

Keduanya, selepas dia dijadualkan semula, kita ada beberapa perubahan masa lah untuk tempoh siap ini. So, sekarang ni kalau LCS 1 ni kalau ikut *schedule* dia, 96. *Delay 13 percent*, 96 hari. So, sebelum itu mungkin dah dibuat perubahan-perubahanlah. Itu yang *the latest* 96 hari. So, ada tak kerajaan akan mengenakan, (*impose*) LAD kepada LUNAS pula? Terima kasih.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Okey. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat dalam PAC, *on record*, tiada dendaan penaltilah telah dikenakan kepada syarikat BNS pada fasa remobilisasi tersebut. Rundingan dan asas kepada keputusan ini adalah satu keputusan kerajaan dan telah melalui satu proses yang amat panjang dan juga komprehensif melibatkan kesemua pemegang taruhlah termasuk pihak daripada AG's Chambers sebagai penasihat undang-undang bagi pihak kerajaan. Pihak syarikat BNS juga telah membawa sudut pandangan undang-undang daripada pihak syarikat jugalah.

Justeru, itu adalah satu keputusan yang dibuat oleh kerajaan untuk tidak mengenakan sebarang denda kepada syarikat BNS. Ia nya juga telah diambil kira sebagai satu asas untuk syarikat tersebut diambil alih sepenuhnya oleh Menteri Kewangan diperbadankan di mana LUNAS sekarang ini adalah satu syarikat yang dimiliki secara sepenuhnya oleh Kementerian Kewangan. Terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, sekejap.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, sekejap.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Pengerusi, sebentar. Tadi soalan saya belum dijawab lagi, Tuan Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Soalan yang mana?

Kapten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Soalan yang kedua... *[Dicelah]*

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: OEM tadi. Kelewatan.

Kapten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Tak. Yang denda kepada LUNAS ini. Kita masih lagi tertakluk kepada *contract law* lah. Di mana dalam erti kata yang sekarang ini, kelewatan ini perlu ditanggung dari segi penalti oleh pihak syarikat lah. Justeru, kita akan melihat keadaan ini apabila sampai kepada tarikh Ogos tahun ini dan bila sampai pada tarikh tersebut kerajaan mempunyai hak lah untuk mengenakan denda kepada syarikat. Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Mohd Isam bin Mohd Isa [Ahli PAC]: Adakah pihak kerajaan ataupun pihak TLDM yakin bahawa apabila dipinda daripada Ogos kepada Disember 2026 ini, ia benar-benar akan berlaku dan tak ada lagi penambahan masa? Kalau ikutkan apa yang berlaku pada hari ini. Kemajuan yang ada hari ini.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Tak boleh dan tak berani gerenti kenyataan tersebut, Yang Berhormat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Sepatutnya memang akan ada boleh berlaku penambahan kos.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Betul. Sebab kita baru nak mula masuk fasa yang terakhir *which is test and trials*. So, *test and trials* ini adalah satu fasa yang terbuka di mana kita akan uji segala peralatan kita. So, *what happen if we suddenly find something that is broken?*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Saya pergi hari tu dan telah pun ditunjuk bagaimana saluran paip itu bengkok. Lepas itu, nak kena betulkan dan pada prosiding yang lepas, telah pun dinyatakan ada ahli PAC yang membangkitkan tentang isu apabila *detailed design* tak *settled* lagi tetapi telah pun dibuat *construction* tersebut.

True enough, terpaksa membuat lebih kurang 4,000 dan kita tengok sendirilah. Itu bukan kecil anak *because* pada yang sesi lepas, ia menyatakan hanya perbezaan minor sahaja, okey, tetapi itu adalah satu kerja yang sangat rumit dan mengambil masa yang panjang. Kita juga melihat — soalan saya pun sama sebenarnya dengan Tampin bahawa apabila dalam prosiding juga acap kali dinyatakan bahawa tak akan ada berlaku pertambahan kos. Tetapi, tiba-tiba hari ini tak boleh nak jamin. Tak boleh nak jamin,

saya khuatir bila kerajaan tak boleh nak bagi daripada lima jadi tinggal empat. Hari itu enam, jadi lima. Dari lima, tinggal empat.

Jadi, saya nak tahu apakah — dengan *delay, delay* yang berlaku, apakah ia akan mempengaruhi keseluruhan projek ini sekiranya kerajaan maklumkan *no more. Even* tak silap mana saya ada dengar. *Even*, MOF pun kata memang tak akan bagi dah. Inilah duitnya. Yang kat belakang. Inilah duitnya. Kan?

Jadi, boleh tak jelaskan pada PAC sebab saya nak rekodkan di sini dalam syor yang dibuat oleh PAC menyatakan bahawa pihak kontraktor kenalah bagi laporan kepada PAC setiap tiga bulan. Tetapi, malang sekali *last* prosiding pada 2024. Minta maaf Datuk KSU, Datuk KSU pun tak ada lagi dalam MINDEF, okey, pada ketika itu. So, saya tak nak nyatakan ini pada Dato' Sri KSU dan laporan dalam tempoh PAC tidak memanggil prosiding, kami tak terima satu pun laporan. Betul sekretariat? Kita tak terima. PAC tidak terima apa pun laporan daripada pihak tuan.

Sebab itu, prosiding ini sangat penting dengan persoalan yang dibangkitkan di dalam Dewan juga untuk memberi penjelasan kepada pertanyaan-pertanyaan yang dilontarkan kepada PAC oleh rakyat di luar. Jadi, saya minta kalau kata perlu duit, cukup perlu duit.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Daripada awal lah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Daripada awal. Tak payah *ding dong, ding dong*. “*Oh, kami tak ini*” — ha, tak boleh.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Aha. Sebab, *you all* boleh *foresee you need that money*. Tak boleh nak main drama, “*Oh, tak boleh nak ini*” — *no. Of course, you all* tahu keperluan dan tengok *training*, tengok harapan muka-muka krew pertama, kita bergambar dengan mereka dan ini adalah maruah kita. Saya nak rekodkan di sini. Saya juga bangga apabila kita melahirkan sebuah kapal — ya lah melahirkan lah itu. Sebuah kapal. *[Ketawa]* Yang mana krewnya anak tempatan dan saya cakap ini pun meremang bulu roma. *It's not easy for us*.

Saya tahu *you all struggle*. *But*, tetapi kena nyatakan dengan jelas di sini, kan. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Pengerusi...

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, ekoran daripada itu juga, masih ikutkan slaid nombor empat ini kan. Kos, kos. Sebab saya lihat dengan apa kemajuan yang ada ini, dia punya apa yang dah dibayar ya, yang telah dibayar. Kalau ikut inilah,

RM8.335 bilion. Baki RM2.871 bilion. Jadi, saya *concur* dengan *Chairman* kalau lah berapa bilion itu lagi tinggal RM2.871 bilion sedangkan banyak lagi yang belum dibuat, maka *what is your plan* untuk pastikan betul kah RM11.226 bilion ini mencukupi dan *where are you going to be stuck?* Dua itu merah lagi tadi itu. Kapal itu merah. Tiga je baru hijau kan yang baru turun.

So, where exactly are you with RM11.226 billion and what else do you need? How much do you need? How long more do you need? What are the expertise kah apa benda yang *help do you need?* Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Pengerusi, I juga nak tambah sikit. *That was also my concern* bila I tanya tadi. Bila ada perubahan... *[Dicelah]*

Kapten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Boleh tak kita jawab dahulu soalan pertama. Banyak sangat soalan.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Dia ada berkaitan yang itu.

Kapten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Saya pun tak boleh nak *follow*.

Datuk Seri Dr. Zaliha binti Mustafa [Ahli PAC]: Ya. Dia ada berkaitan tadi. Ada kaitan. Sebab itu, bila saya tanya tadi tentang *design* itu tadi kan, perubahan *design*. *So*, kita bimbang kalau misalnya tiada pertambahan kos, dia ada *something* yang dia *compromise* dekat situ. Itu yang saya — sebab tadi, kita dengar tadi kan. Maksudnya ada perubahan-perubahan bila *design* itu kan yang *the first design* itu dah ada perkara-perkara yang tak betul berlaku dan perlu diperbaiki semula dan *come the second design*.

So, bila ada *the second design* biasanya dia panggil VO, kan? Kalau dalam *construction* kan? *So*, VO ini biasanya dia akan tambah kos. Tetapi, bila kata tak ada itu saya bimbang ada *compromise* dekat situ yang menyebabkan nanti kapal itu ada masalah kemudian. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Kapten silakan.

Kapten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Okey. Perlu saya menjelaskan dekat sini adalah keperluan *rework* terhadap reka bentuk yang telah dilaksanakan oleh pihak syarikat LUNAS ini adalah ditanggung sepenuhnya oleh syarikat. Syarikat pun tak ada membuat sebarang tuntutan pertambahan kos kepada kerajaan.

Justeru, bagi saya tidak satu isu yang kata kita masih sangsi lagilah terhadap apa yang ingin dilaksanakan oleh pihak syarikat. Dari segi tempoh masa untuk menyiapkan kapal ini, kalau kita tengok dari segi ketelitian dari segi pemantauan pelaksanaan projek di peringkat lapangan adalah amat teliti dan juga amat-amat

stringent. Di mana, dari segi projek *monitoring* kita boleh kira sebarang *delay* itu sehingga ke hari, kalau kita tengok kapal satu 96 hari, kapal dua *and so on and so on*.

Jadi, apabila kita menyatakan pada keadaan dan juga situasi terkini pihak syarikat mengunjurkan *physical handover* kapal ini hanya akan dapat direalisasikan pada Disember untuk kapal LCS yang pertama. Ia nya adalah bersandarkan satu unjuran dan juga satu analisis yang jelas berdasarkan fakta dan juga pengalaman dan juga berdasarkan juga validasi-validasi yang telah kita laksanakan secara menyeluruhlah.

Justeru, pada komitmen syarikat kenyataan ini adalah mesti satu kenyataan yang benar. Kita berpegang pada tersebut dan juga saya pun telah mengangkat sumpah sebelum ini untuk memberi keterangan — yang sebelum-sebelum ini pun segala kenyataan saya pun masih direkodkan dalam *Hansard*. Saya rasa terlibat dalam projek ini satu jangka masa yang amat panjang.

Kita berkata benar dan komitmen syarikat adalah untuk menyiapkan kelima-lima buah kapal ini dalam ketetapan kontrak yang sedia ada tanpa melibatkan keperluan kos tambahan pada kerajaanlah. Itu adalah komitmen kontrak syarikat.

■1330

Untuk memberikan penjelasan lebih lanjut, tiada wujud keperluan *variation order* atas kerja *rework* reka bentuk itu kerana ia nya adalah berdasarkan satu proses yang dari segi lazimnya dari proses pembinaan kapal ini yang perlu ditanggung dan dilaksanakan oleh pihak syarikat. Jadi, isu reka bentuk dibetulkan itu ialah satu keperluan yang jelas, bukan melibatkan satu keperluan tambahan oleh pihak pengguna atau TLDM.

It's true, tiada wujud langsung isu VO dan saya jelaskan dan tekankan sekali lagi di sini ialah keperluan *rework* itu adalah ditanggung sepenuhnya oleh pihak syarikat dan tiada isu pihak syarikat menuntut sebarang kos tambahan daripada kerajaanlah. Juga, buat masa ini berdasarkan situasi yang semasa sehingga minggu lepas bila kami keluar membuat *first sea-going* untuk kapal yang pertama, kapal induk, kami tidak nampak sebarang *red flag*-lah dari segi reka bentuk dan prestasi kapal ini.

Justeru, pihak syarikat masih lagi komited dan berpegang — berada dalam landasan *contractual obligation* oleh pihak syarikat, pembinaan kapal ini dengan kos yang telah dipersetujui, ditetapkan secara siling, *RM11.2 billion in total*. Cuma, kami telah memberikan maklum balas yang terkini iaitu untuk kapal satu akan mengalami sedikit kelewatan empat bulan dan juga kapal dua sama juga, kelewatan empat bulan.

Manakala, kapal 3, 4 dan 5 akan diserahkan mengikut tempoh masa yang telah ditetapkan. Itu sahaja.

So, again, I would like to stress that pihak syarikat tiada berhasrat dan tidak juga pernah menyatakan sebarang tuntutan untuk kos tambahan. Cuma, kami mohon pertimbangan menyatakan kapal 1 dan 2 akan mengalami sedikit kelewatan *due to the rework and at the same time* kerajaan juga mempunyai hak untuk mengenakan tindakan, mengenakan denda lewat kepada pihak syarikat berdasarkan obligasi dan *the* klausa, peruntukan-peruntukan di dalam kontrak kapal LCS ini, Datuk Seri Yang Berhormat. Terima kasih .

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, maksudnya yang sebagaimana yang dalam jangkaan 15 ke 20 peratus *rework* yang akan dijangkakan itu memang telah pun dimuktamadkan, memang tidak ada kos tambahan kepada pihak kerajaan?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Tak ada Datuk.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Diambil kiralah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, terima kasih.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, sikit. Saya nak balik pada soalan tadi yang belum dijawab oleh pihak syarikat sendiri ataupun oleh kementerian. Soal *statement* oleh Menteri itu ya.

Punca kelewatan yang terpaksa dibuat semula jadualnya itu adalah kerana kelewatan peralatan yang dibekalkan oleh OEM. Jadi, itu disebut oleh Menteri. Alasan ini saya ingat sudah sekian lama diberikan, sejak awal prosiding LCS ini. Saya sendiri dah dua penggal Yang Berhormat Pengerusi, prosiding LCS ini. Penggal yang dulu dan sekarang. Jadi, soalan saya ini mudah. Jawab ya atau tidak. Ya lah lebih mudah sahaja.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Ya, ada impak dan ada juga...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Biar saya habiskan soalan saya dulu.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Baik, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Adakah benar bahawa sekarang ini, maknanya syarikat LUNAS gagal membuat pembayaran mengikut jadual kepada pembekal OEM ini sehingga kelewatan peralatan itu?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Tidak benar, Yang Berhormat. Kita tak ada masalah untuk membuat pembayaran kepada syarikat. Tidak wujud di mana pihak syarikat tidak membayar kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh syarikat.

Maklum balas ini juga kita kongsi secara telus dan secara berkala kepada pihak pasukan projek TLDM dan juga kementerian.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira, boleh...

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Jadi, kelewatan itu berpunca daripada mana? Maknanya...

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Okey, boleh saya bagi beberapa contoh? Salah satu contoh yang ketara berlaku adalah di mana apabila kita *remob*, remobilisasi projek ini pada tahun 2023 yang lepas, kita baru lepas mengalami satu fasa *COVID-19 pandemic* di mana selepas kita memulakan proses remobilisasi, kita dapat maklum wujud beberapa syarikat yang terlibat dalam membekalkan peralatan atau sistem kepada projek ini telah gulung tikar kerana mereka bankrap kerana pandemik COVID-19 pada tempoh tersebut. Justeru, memerlukan kami melaksanakan tinjauan pasaran untuk dapatkan alternatif lain untuk menggantikan peralatan kepada syarikat tersebut yang telah terkesan daripada pandemik COVID-19 pada masa tersebut.

Satu contohnya ialah peralatan *Helicopter Visual Landing Aid System* yang pembekal asal telah bankrap dan tidak dapat meneruskan aktiviti perniagaan mereka dan kami telah menggantikan peralatan yang lain. Justeru, ia nya menyebabkan perolehan dan juga pembekalan peralatan tersebut ke Malaysia telah lewat, tergendala, lewat daripada jadual asal yang telah kita pertimbangkan pada permulaannya.

Contoh yang kedua ialah di mana bukan sahaja daripada peralatan yang secara khusus yang besar, ada juga beberapa syarikat di dalam rangkaian pembekalan di Eropah yang telah — *also* yang telah gulung tikar dan tidak lagi beroperasi berikutan daripada pandemik COVID-19 tersebut. Komponen-komponen ini telah terpaksa diganti dengan komponen-komponen yang lain, tapi memerlukan satu lagi proses *recertification* dan ia melibatkan *safety* dan juga *military standard*.

Untuk keperluan tersebut, saya terpaksa tangguh pembekalan peralatan-peralatan itu secara menyeluruh untuk memastikan komponen-komponen yang digantikan itu melalui proses *recertification* untuk [*Tidak jelas*] dan juga *defence standards* dan juga untuk peralatan untuk melawan api dan kebakaran semua itu terpaksa melalui proses yang amat rumitlah. Proses ini tiadalah kata kompleks, tapi memakan masa. So, saya perlu tunggu balik sistem itu dan di-*recertify* atau bahasa Melayu dipersijilkan semula untuk memenuhi standard piawaian ketenteraan dan juga *safety*. Ia turut menyumbang kepada isu kelewatan pembekalan tersebut Yang Berhormat.

Jadi, perkara-perkara sebegini adalah satu keadaan yang kami nyatakan sebagai luar jangka syarikat yang seperti kita juga telah maklumkan kepada kementerian dan juga TLDM. Contoh, kita ada beberapa contoh. Juga, saya ada satu sesi slaid yang berkaitan itu dan saya akan *go* lebih mendalam untuk mengupas apakah yang telah menyumbang kepada isu *rework* dan juga *delay* empat bulan yang kita nyatakan Yang Berhormat.

Saya harap penjelasan saya memberikan sedikit gambaran yang jelas kepada Yang Berhormat. Juga, sukacita saya tekan dekat sini kita memang menekankan agar pembayaran kepada pihak-pihak OEM dan vendor-vendor kita dilaksanakan dalam masa yang tepat agar projek ini tidak tergendala kerana hutang yang terbengkalailah seperti kejadian yang lepas-lepas.

So, proses tatakelola dan tadbir urus ini adalah amat ketat yang diterajui oleh pihak Kementerian Kewangan. Jadi, saya memang kena majukan laporan secara mingguan kepada kementerian untuk memastikan tiada hutang yang terbengkalai yang memberi impak secara terus kepada projek. Itu sahaja. Terima kasih.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Datuk Wira Pengerusi, boleh? Ini ada kaitan ya. Kita PAC amat memahami tentang *complexity* projek pembangunan LCS ini. Daripada lawatan kita pada hari itu, kita faham bukan mudah untuk nak janji dari segi *time frame* dan sebagainya. Dia akan ada campur dan tolak. Selalunya dia campurlah, masa itu tambah. Kami pun tak tahu bahawa panjang kabel 300 kilometer.

■1340

Kami pun tak tahu. 300 kilometer ini Kuala Kangsar–Kuala Lumpur panjang kabel. Kalau kami tak melawat dan tidak ada taklimat, Datuk KSU, Ir. Azhar dan Laksamana, kami tak tahu. Kita faham semua ni. Dan, apa yang dialami sekarang ini ialah bukan kesilapan pengurusan yang ada sekarang ini tetapi ialah *discrepancies* dan banyak kesilapan di pihak yang lalu.

Tapi saya juga nak dapat keabsahan tentang disebut oleh Menteri bahawa setiap kapal — ini pun dulu pihak LUNAS pun sebut juga, setiap kapal diserahkan pada selang lapan bulan daripada penyerahan kapal sebelumnya. Jadi, kalau LCS 1 penyerahan Disember 2026, betul ya kepada TLDM, maknanya lapan bulan lepas tu LCS 2 ialah Ogos 2027. LCS 3 seterusnya April 2028, lapan bulan lepas tu. LCS 4, Disember 2028 dan LCS 5 maknanya akan diserahkan kepada TLDM pada Ogos 2029. Betul tak apa ni Datuk KSU dan Ir. Azhar?

Kalau ikut lapan bulan, lapan bulan ya. Betullah disebut oleh Menteri 2029 tapi tak sebutkan bulan. Tapi kalau kita ambil berasaskan kepada penyerahan Disember 2026 LCS 1, ertinya *we are committed, you are committed to deliver* kepada TLDM pada Ogos 2029. Boleh beri sedikit ...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Izinkan saya YB. Jika kita perhalusi *statement* Yang Berhormat Menteri Pertahanan dengan teliti, yang pinda tarikh hanya dua kapal, LCS 1 dengan LCS 2. Manakala LCS 3, LCS 4, LCS 5 kekal dengan tarikh kontraktual yang sedia ada.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Apa dia punya tarikh kontraktual tu bila?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *Contractual date* untuk LCS 3 adalah Disember 2027, *plus eight months* LCS 4, Ogos 2028, *plus eight months* LCS 5, April 2029.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So earlier than August* lah?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *Earlier than August.*

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: *So, better* lah.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yes.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, yang ni sebab — boleh tak respons kepada persoalan saya kenapa tidak ada laporan dihantar pada PAC? Sebab soalan yang saya nak tanya ni adalah berkaitan dengan apa yang telah pun ada dalam prosiding yang lepas ya.

Kalau kita tengok daripada ringkasan kenyataan ni pada 2024. Ini sebab nak letak dalam rekod saja berkenaan dengan isu kimpalan yang ada 80 persen — merangkumi 80 persen adalah berkaitan dengan isu kualiti. Ini yang lepas punya ya. Jadi, sekarang ni semuanya telah ditutup dan juga telah pun disahkan oleh badan klasifikasi sebab nak letak dalam rekod Hansard.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *In stages*, secara berkala. Setiap kali, *to clarify that statement* Yang Berhormat, setiap kali ada *checkpoint* yang berlaku, pada *checkpoint*, *checkpoint* yang menjurus kepada pembinaan *construction of the ship*, ya ada fasa di mana wakil badan klasifikasi akan turut serta sama-sama melaksanakan pemeriksaan dan selepas sesi itu barulah kita boleh tutup isu-isu berkaitan dengan kimpalan.

Contoh yang paling dekat saya boleh beri, baru-baru ni kita nak turunkan LCS 3. Kita kata kita pun dah tunjuk gambar kapal dah berjaya turun malam apa semua tu, *up to the day of the event* sampailah ke 30 hari bulan, hari ahli-ahli mulia ni datang melawat di Lumut, ada pemeriksaan oleh badan klasifikasi. *While we were visiting the ship on the side*, badan klasifikasi *was doing their job on LCS 3 doing their welding and hull inspection*.

Dan, pada sesi itu *there is one shot you all see* kita buat *finale meeting* untuk LCS 3. Sesi itu dilaksanakan pada waktu malam supaya kita dapat pengesahan *ship is fit to be put on water*. So, ya ada tapisan-tapisan ini sentiasa dilaksanakan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih. Terima kasih laksamana. Dan, adakah kesemua 18 sistem kritikal yang bawah air itu telah berfungsi dengan baik dan juga sempurna sejak tempoh kapal berada di atas air sejak peluncuran dibuat?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Untuk LCS 2 *if I am not mistaken* ya. LCS 1 yang *statement* tu.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Untuk LCS 1 ya, kita dah pun *get all the system up and running*. *In fact*, sebahagian daripada sistem-sistem tersebut telah pun kami uji semula semasa *first sea-going* tempoh hari.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, bagaimanakah kita melihat? Sebab yang ni kita nak pergi pada LCS 1 kan dan saya dimaklumkan pada lawatan hari tersebut akan uji selaju 28 knot. Jadi, adakah ujian kelajuan 28 knot itu telah dibuat?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Belum lagi Yang Berhormat. Seperti mana KSU *mentioned in his opening statement*, fasa kita nak mula *sea trial* ni, *I'll put it this other way*; kita hanya boleh uji 28 knot *once we get everything onboard working*. So, segala sistem kat kapal tu kena berfungsi, mesti selesai diuji barulah kita boleh mulakan ujian kelajuan. Dan, ujian kelajuan kapal ni lazimnya adalah antara ujian terakhir yang kita akan buat.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Soalan tambahan Pengerusi. Ujian tadi itu adakah yang melibatkan *the combat system* sekali kah ataupun hanya *functionality* untuk dia *sailing* sajakah ataupun...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Boleh saya merujuk untuk menjawab soalan Yang Berhormat, boleh saya rujuk kat *slide* yang ada

ini. *If you look at the purple box* kat bawah tu, *what we called as* — okey untuk rekodlah, saya rasa benda ni kita boleh rekodkan juga. Untuk rekod, kita ada sejumlah 170 sistem berbeza di kapal, okey. Dan, masa taklimat saya tempoh hari pun saya ada *indicate* kebanyakan daripada 170 sistem ni ada *redundancy*. *That means* ada lebih daripada satu cara untuk mengoperasikan sistem tersebut. *So, if we do the math*, katakanlah setiap sistem ini ada tiga cara *redundancy*, ada tiga *redundant system*, 170 kali tiga, *that almost close to 540 systems. 540 ways of testing, okay.*

So, kami akan lalui fasa *harbour integration*, buat kesemua ujian yang boleh dibuat di fasa *harbour integration*. Seterusnya, bukan ulang tapi benda yang kita tak boleh uji di *basin* di pelabuhan, kita akan buat ujian penerimaan, *sea acceptance trials*. So, ada sebahagian besar ujian-ujian ni yang akan diuji di laut termasuklah penembakan meriam. So, kita bukannya sahaja *test* kapal tu boleh bergerak kah tidak, kita juga akan buat penembakan meriam.

Antara ujian yang unik untuk penembakan meriam ini — hari tu ada salah seorang ahli YB tanya, kenapa kita nak uji macam ni? Untuk meriam, kita akan tembak meriam ni selaju yang dia boleh tembak, dia ada *rate of fire* ya. Kita akan tembak selaju mana meriam tu boleh ditembak dan akan analisis nak tengok ada tak kerosakan pada struktur kapal. Kadangkala *when you fire at very high rate of firing*, akan ada keretakan pada struktur ataupun badan kapal. *So, this is one of the test* yang kita akan buat. Dan, benda ni kita tak boleh buat di pelabuhan. Kita kena buat di laut di mana ada tempat yang lapanglah supaya tidak terkena kapal-kapal lain kan.

So, ujian-ujian ini adalah antara ujian yang dah termaktub di bawah tajuk *sea acceptance trials*. So, untuk membolehkan contohlah, saya bagi contoh kita nak menembak meriam ni, sebelum kita boleh buat *sea acceptance trials*, kapal mestilah boleh bergerak ke kawasan penembakan. Kapal mestilah boleh berlayar ke kawasan penembakan dengan kuasa sendiri, bukan ditunda eh. Kita kena berlayar ke sana. Kapal punya sistem kawalan persenjataan yang Ahli-ahli Yang Berhormat tengok dalam *combat centre* tu mesti berfungsi. Meriam mesti berfungsi. So, semua sistem ni kita kena siapkan, sediakan sebelum kita laksanakan *that one test only, it's only one test.*

■1350

Tapi, banyak sistem yang terbabit dalam menjayakan satu ujian tersebut. *So, imagine* kita ada *as I mentioned*, 170 sistem dan sebahagian besarnya, semua ada *redundancy*. Kita terpaksa uji setiap satu tersebut. Dan selesai daripada itu, kita ada *integration testing*.

Integration testing is to get the whole ship dengan sistem peperangan, dengan sistem platform, semuanya synchronised as one system. Itu pun akan makan masa. So, soalan Ahli Yang Berhormat, saya rasa daripada Tampin tadi yang tanya, confident ke kapal ini boleh siap ikut masa? Saya tak berani nak kata ya. Sebabnya, we don't know what we are going to face masa fasa ujian-ujian ini.

So, itu — don't misunderstand my statement. It is purely because kita belum buat lagi fasa ujian ini. Kalau kita dah melalui 50 percent of the trials, maybe three months from now, my answer could be different. All right? Dan, akhirnya we have also our special trials to complete sebelum kita serah ataupun LUNAS serahkan kapal itu kepada kerajaan.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kuala Pilah.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Sekejap, tuan. Nak tambah sikit, sebelum Kuala Pilah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, okey.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Sea acceptance trials* itu, dia *staggered*, kan? *So, at each stage, you accomplished certain sea acceptance trials-lah, for certain equipment and then...*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yes. Betul. Contoh, berbalik kepada soalan Pengerusi pun, dalam kenyataan pembukaan tadi, kita kata *first sea going* hari itu berjaya *seven knots*. Bila kita nak capai 28 knot? *So, we have to build up the test cases-lah. We have to build up the scenario, sehinggalah we get a green tickbox in all the test-lah.*

Contohnya, *we go for a specific speed*. Katakan, kita cecah 16 knot tapi ada masalah dekat *one of the systems*. *Then, we have to repair that system-lah*, sebelum kita boleh teruskan lagi. So, proses ini akan berulang banyak kali.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Tuan, tuan. Sikit lagi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: *Why is the — apa beza apa nama ini — of course, your military standard, defence ini lagi stringent daripada equipment, equipment awam yang lainlah. Tapi kalau macam kita safety test, fault-free macam LRT3, yang baru-baru ini, itu sampai tiga, empat kali dah sangat tunda, tarikh dia. Because of the dia melibatkan apa nama ini orang awamlah. I mean, passengers. Public passengers. What's the difference dalam you punya ini, compared to dekat situ?*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Antara ujian yang kritikal, *I can even relate that to one example later*. Antara ujian yang kritikal, yang benda ini ada dalam *requirement*. Spesifikasi yang *government* bangunkan, kapal ini mesti ada *certain limits of shock proof*.

That means, sekiranya di lautan esok, *shock*, letupan; sekiranya kapal ini pergilah berperang, ditakdirkan kita tak pergi tetapi katakanlah, kapal ini terpaksa pergi berperang, kita lalui tempat yang ada periuk api, meletup. *So*, ada *requirement* kapal ini yang ada kriteria-kriteria yang dia perlu penuhi termasuklah daripada barang-barang yang kecil.

Contoh, sebagai injap (*valve*) . *Valve* yang *control* air tawar, air masin pergi ke tandas-tandas kita untuk kegunaan harian pun, semua injap-injap ini *has to be specially shock certified*. *Shock and also class-certified*-lah. *So*, *shock* ini ada satu *requirement*. *Class* ini satu lagi *requirement*. *So*, dua-dua ini dia perlu *fulfill*-lah.

One of the examples yang boleh saya *relate*, balik kepada kapal ketiga. Baru-baru ini kita jumpa masa kita nak turunkan LCS 3 ini, ada *valve* yang belah dalam itu, ada beberapa yang gagal dia punya *test*-lah. *Test* injap itu gagal. *So*, *we said*, “*How? You cannot downslip without the valves being installed*”. *So*, *at the end of the day*, kita terpaksa tutup sementara. *Had to blank off* sementara LUNAS perolehi *valve* yang betul untuk ganti dekat tempat situ.

So, *the stringiness is not so much of* orang tak ada, kita tak boleh buat. *It so much because of the* undang-undang, peraturan yang kita dah *build into the* proses pembinaan kapal itu sendiri.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Kuala Pilah. Lepas itu, saya nak tanya soalan.

Dato’ Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Terima kasih, Yang Berhormat *Chairman*. Laksamana, saya dengar penjelasan daripada Laksamana tadi, terutamanya tentang *delivery*-lah. *Delivery it seems that* dia punya soalan itu memang tidak dapat diberikan ketentuan tentang bila sebenarnya proses *delivery* vesel ini.

Jadi, soalan saya — *I don’t know whether* penasihat undang-undang kementerian ada dekat sini? Ada?

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Saya rasa, tak ada.

Dato’ Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [Ahli PAC]: Tak ada? Penasihat undang-undang tak ada? *Because*, saya tengok tadi, *uncertainty* kan. Jadi, saya *just* nak tanya sebenarnya. *You’re talking about* dalam perjanjian, dalam *delivery* inilah, sudah

tentulah adakan peruntukan untuk *defect liability*. Ini saya nak tahu juga, bila *defect liability period* ini bermula?

Ia selalunya bermula macam biasalah. Kita tengok selalu dalam prosiding itu, selepas *delivery of vacant possession* dan sebagainya. Tapi, dalam konteks ini, saya a *bit grey*-lah bab ini. Saya tengok tadi, ada *subject to testing, missile testing, you know*. Jadi, mungkin serba sedikitlah saya nak tahu, jika adalah maklumat tersebut dalam pengetahuan Laksamana ataupun dalam pengetahuan penasihat undang-undang dekat sinilah, bila mulanya *defect liability period* tersebut? Terima kasih, Laksamana. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Saya boleh jawab, Yang Berhormat. As *mentioned*, kita — tarikh yang diberikan Disember 2026 ini untuk LCS 1 ini adalah *realistic date*. However, *contractually*, secara kontrak, tarikh penyerahan LCS 1 oleh LUNAS kepada kerajaan masih berpegang kepada Ogos 2026. Okey?

Menjawab terus soalan Yang Berhormat, bila mulanya *defect liability period*? *Defect liability period* bermula selepas penyerahan aset kepada kerajaan. So, kalau *defect* — *sorry*. Kalau aset diserahkan kepada kerajaan pada Disember 2026, di situlah mulanya tarikh *defect liability period*. If it becomes a later date, for whatever reason, itulah tarikh *defect liability period*, dan ada tempoh-tempoh yang telah kita gariskan dalam kontrak. Contoh, untuk *mechanical systems*, *defect liability period*-nya adalah selalunya *about one year*. Whereas, untuk *non-mechanical*, sistem *combat*, perisian contohnya, dia lebih lama, dalam tiga tahun.

Tuan Haji Azli bin Yusof [Ahli PAC]: Adakah dia *back-to-back* dengan the *suppliers, vendors*?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yang itu, saya mohon Kepten Azhar jawab sebab dia *deal* dengan vendor.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Yang itu, kita memang buat satu perundingan secara khusus *on all the vendor*. Tetapi, dari segi *contractual obligation*, *defect liability period* ini akan ditanggung oleh LUNAS dalam tempoh 12 bulan, dalam tempoh kita panggil tempoh warantilah selepas PHO.

So, bagaimana LUNAS *arrange that obligation* itu, bergantung kepada harga peralatan tersebut dan juga, *complexity of the equipment and the system*-lah. Tapi, semuanya telah kita *so-called provide*-lah. Ada *provision* dalam kontrak dan juga, dari segi kos. So, *insya-Allah* lah, *that one is* tanggungjawab LUNAS lah, Yang Berhormat. *Thank you*.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, sekejap.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Saya habiskan sikit, YB. Soalan YB ini tadi, menjawab — bertanyakan pasal *missile*. *Missile testing* ini, tidak termaktub dalam penyerahan pada Disember 2026 kerana tanggungjawab menyediakan *missile* adalah tanggungjawab kerajaan, bukannya Syarikat LUNAS.

So, the day government provides the missile, government kena sediakanlah. Kena beli, kena *sign* kontrak apa semua ini, untuk perolehi *missile*, *missile* ini semua. *The day government provides the missile*, barulah kita akan buat *missile live firing* punya *trials*.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, Laksamana. Tadi, Laksamana sebut tentang *combat system*. Pada prosiding yang lepas, telah pun dimaklumkan bahawa CMS tersebut masih lagi dalam proses rundingan dan belum dimuktamadkan pada ketika itu. Okey?

Ia nya — CMS ini adalah merupakan satu-satunya daripada 10 kontrak OEM yang masih lagi dalam rundingan. Soalan saya, daripada taklimat yang lepas, kalau tak silap, dimaklumkan jumlah CMS bernilai RM4 bilion dan baki tadi kita tengok, RM2 bilion lebih.

■1400

Jadi, adakah *combat system* ini telah pun dibeli? Kalau dah dibeli, simpannya di mana? Satu soalan. Yang kedua, dalam pembinaan LCS 1 ini, peratusan penyiapan dalam laporan adalah 82.84 peratus ya, berbanding dengan *actual* sebanyak 96.52 peratus. Jadi, boleh tak terangkan kepada PAC, pecahan 17.16 peratus yang masih lagi belum selesai dari segi aspek *practicality*, *functionality* dan juga keselamatan? Yang mana *portion* yang paling besar yang boleh mempengaruhi penyiapan kapal LCS 1 ini. Terima kasih.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yang Berhormat, soalan yang pertama tadi itu, saya mohon Kepten Azhar untuk *take on*. Dia berkaitan dengan *termination of contract* dengan Syarikat Contraves sebelum ini.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Okey. Syarikat LUNAS dengan ini memaklumkan kepada PAC lah. Kesemua kontrak-kontrak yang berkaitan dengan *combat system* telah kita muktamadkan dan meterai, tiada masalah. Dan proses-proses pembuatan dan penghantaran peralatan-peralatan *combat system* ini sedang berlangsunglah. Jadi, tiada isu besar wujud di situ. Dan saya sukacita memaklumkan isu

kontrak yang masih dirundingkan, masih terbengkalai pada sesi yang lepas telah ditangani dan diselesaikan. Terima kasih. Dan juga peruntukan harga kontrak itu semua berada di dalam lingkung harga yang telah dipersetujui dengan kerajaan. Terima kasih.

Seorang Ahli: *Chair...*

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Saya tambah sedikit Yang Berhormat. Untuk isu CMS, perolehan CMS, setakat ini dan kita tak nampak in *the near future* pun, tiada aspek penambahan kos. So, transaksi di mana LUNAS terpaksa *terminate the middle person* dalam kontrak yang lepas dan *take this on on their own now, is still within cost* yang 11.2 itulah. *Alright*.

Menjawab kepada soalan yang kedua, *which was* — tak ingat. Cakap banyak sangat dah lupa dah.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Pecahan baki.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Sebab saya nak tahu, *portion* yang paling besar daripada 17.16 peratus itu...

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *Okay, alright.*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey. Yang mana yang boleh mempengaruhi penyiapan kapal LCS 1 ini? Dari segi aspek *practicality, functionality* dan juga keselamatan ini. Terima kasih.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: *Okay. Allow me* Yang Berhormat, *if I can go to the* — tolong pergi *next two slides* yang ada gambar merah dengan, *bar graph* merah dengan hijau. *Next, next, next.* Bukan ini. Ha, *next.* Ha, ini. Okey.

Ini *just* — saya *ulang balik slaid* inilah. Slaid ini cerita dia, *the longer the overlap period* yang kita ada semasa fasa *design* dengan *construction*, fasa *design construction* yang menyumbang kepada *rework, you will see smaller portion of progress.* *Okay.*

So, contoh LCS 1, kita ada 20 bulan *overlap* antara *construction* dengan *design*. So, hari ini untuk tempoh ukuran lapan bulan yang lepas, kita hanya berjaya dapat dua peratus, 2.6, 2.7 percent. *Compared to LCS 2, out of 11 months*, kita dapat 6.2 percent. *Coming back to* Yang Berhormat Pengerusi punya soalan, di mana *percentage* paling besar? Sekarang, *percentage variant* untuk LCS 1 adalah *roughly about 17 percent.* *Okay. So, what is the biggest contributor for that 17 percent?*

There are two areas. One adalah *the slowness in the construction.* Kita nampak sekarang ini, *construction dah plateau, dah come to a plateaud state of about three percent and it's been going there for the last 8 months. We foresee this plateau to*

continue also until March–April this year, 2026. Okay. So, construction is a challenge, kenapa? Balik kepada cerita kita awal tadilah, kita banyak buat aktiviti secara in parallel.

So, bila buat design dengan construction in parallel, inilah cabaran yang kita jumpa dan rework yang datang bersangkutan dengan aktiviti yang parallel tersebut. Alright. So, a big portion of that is construction. The other one is, due to this extensive recabling, repiping punya kerja, kita kini lambat dalam proses untuk memulakan trials.

Sekiranya ahli-ahli tengok tadi kat slaid kapal satu tadi itu, kita fasa memulakan trials tadi sepatutnya Q1 of 2026. Okay. As I mentioned, up to today, only 10 systems we have completed. So, we were expecting a lot more. But, disebabkan oleh overlap of work, kerja recabling yang kena buat semula, benda ini semua akan mengganggu ataupun melewati kita punya proses untuk buat harbour acceptance trials. So, dua elemen besar yang mengekang at the moment lah.

Cuma, I can give assurance to Ahli-ahli Yang Berhormat of PAC, kita tak kompromi on safety. There is no compromise. Whatever given or taken, at the end of the day, safety of personnel and safety of equipment is paramount. So, kalaulah kita kata ada sesetengah benda ini kita nak shortcut buat ujian simple ke apa, no. There is no such thing. And, there is too much at stake.

Saya rasa benda ini, LUNAS from their management, CEO all the way down, dah terapkan pun to the working culture. We do not want them to do shortcuts, alright. Disebabkan, if anything goes wrong — ya lah, kita boleh je kata, “Eh, never mind lah. You sambung wayar macam ni, you test je lah. Boleh je buat, McGyver punya style.”

Tapi, if something happens, who is answerable? So, that is something that both team LUNAS dan juga team pengawas pasukan projek saya, we are very strict about following that. Dan benda ini, by being very strict, benda ini juga menyumbang kepada that layers of bureaucracy lah. So, you kena lepaskan benda ini dulu, baru you boleh buat ujian seterusnya.

Selagi you tak lepas, tak buktikan certain evidence, you tak boleh bawa ke the next step. Itu antara cabaran yang kita ada dalam menentukan peralatan-peralatan selamat dan juga orang selamat. I hope I answered your questions.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Pengerusi, saya masih, *not* — belum diyakinkan lagi.

Seorang Ahli: *[Ketawa]*

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Tadi Kepten Azhar kata, *you will need any more*, apa ini, kos ini tidak akan bertambah. *It's going to be 11.226*. Betul kan? Dia tak akan perlu tambah lagi kan? Tapi, bila Laksamana kata, *you don't know what's going to happen*, nak tunggu *trial* lagi, entah apa lagi, *whatever*, apa itu.

So, itu yang buat saya, antara nak terima ke tidak, *the reassurance* daripada Kepten Azhar. *So, my apa is, my question is, what's your contingency plan? Okay, you pre-empt, mungkin you pre-empt. Hopefully* tak ada lah, ada apa-apa masalah, *especially during your sea trials and all that* lah kan? Tapi, *just in case, you have to pre-empt* kan *certain things* ni.

What is your contingency plans? Supaya kita tak mahu, *because this is already delayed*. Dengan kosnya bertambah dan sebagainya. *So, especially with the MINDEF* lah kan. So, untuk mengatasi, pertamanya, saya *101 percent* setuju. *You've got to jaga security, safety and all that*.

And ini, yang kedua itu, projek kena siap. *And then*, kalau boleh tak boleh *delay* lagi, tak boleh tambah duit lagi. Tetapi, sekiranya, *because you have to plan ahead*. Kan? *Worst scenario. What is your plan?* Terima kasih.

Because nanti kata Pengerusi tadi, kut ada lagi nak diminta, *this is where we record it. That's why we're doing this PAC proceeding*. Bukan saja-saja nak tahu, nak apa je. *Nak torture you all. [Ketawa]*

[Pembesar suara dimatikan]

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* *You answer that*.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: Okey, daripada segi pengurusan projeklah. Syarikat LUNAS ini bukan juga satu syarikat yang baharulah ya. Dan juga, tak ada pengalaman.

■1410

Untuk kami sampai pada tahap ini, saya rasa *we deserve some benefit on the doubt-lah that we know actually one or two things on how to manage project at this complexity*.

Pihak LUNAS telah menyediakan beberapa pelan kontingensi untuk menangani sebarang insiden ataupun ketidaktentuan dari segi prestasi dan juga *expectation of delivery* kepada kerajaan dan juga kepada TLDM. Aspek itu berbentuk insurans tambahan kita dengan pihak-pihak OEM dari segi bantuan, khidmat nasihat dan juga kontingensi dari segi peralatan-peralatan-peralatan tambahan yang kita panggil sebagai *warranty stock*.

Sebagai contohnya, ada peralatan-peralatan yang kita anggap kritikal, kita telah memberi pembelian tambahan untuk kita bersedia sebagai satu orang panggil stok sedia ada supaya kita tidak perlu menunggu masa untuk peralatan-peralatan tersebut disediakan atau dibuat pembuatan atau *production upon order from LUNAS* lah.

Contoh yang terdekat ialah kalau Yang Berhormat sedia maklum, kita mempunyai satu set tambahan peralatan-peralatan *combat system* di pusat, kita panggil *shore integration facility*. *Shore integration facility* ini satu, dia berfungsi sebagai pusat ujian kami supaya ujian-ujian *combat system* ini dapat dilaksanakan lebih awal. Kita tak perlu tunggu kapal itu belayar di laut baru saya buat ujian. Jadi, isu *risk* mitigasi ini telah LUNAS ambil di mana ujian yang kompleks untuk *combat system integration* telah kami laksanakan lebih awal.

Dan juga sukacita saya maklumkan, kita telah sampai ke satu tahap *almost 94 percent completed integration at the shore facility*. Jadi, bila proses integrasi ini dilaksanakan di kapal, kita unjurkan risiko berlakunya sebarang kerosakan ataupun isu masalah integrasi itu telah berada di tahap minimum. *The balance is about six or five percent* bergantung kepada ujian yang akan kami laksanakanlah.

Shore integration facility ini juga kita sediakan sebagai stok tambahan untuk peralatan-peralatan yang kita rasa amat kritikal dan *long lead time item*-lah. Contoh yang paling besar ialah radar. Radar ni kalau nak *order*, paling minimum, 14 hingga 16 bulan baru boleh dapat yang barulah. Jadi, kita ada ekstra dari segi stok yang kita sediakan. Ia nya buat masa ini digunakan sebagai *reference system*, tapi kalau *the worst case scenario* untuk saya guna pakai untuk siapkan katakan kapal yang sedang dibina, ia boleh digunakan.

Ada lagi beberapa inisiatif lain, opsyen yang kita juga sediakan. Dari segi *coverage in terms of I called it* bajetlah, *contingency budget* pada projek pun ada ditetapkan dan disediakan dari segi projek ini kerana benda *managing this project at this level, at this complexity, at this* harga dan *volume*, kontingensi itu kena ada dan kena sentiasa dinamik.

Justeru, LUNAS sentiasa terikat dengan *contractual obligation* untuk menyiapkan kapal ini pada tempoh masa kontrak. Jikalau LUNAS gagal, LUNAS akan terbuka kepada risiko dikenakan denda lewat. Jadi, itulah satu risiko atau obligasi kontrak yang LUNAS sebagai satu syarikat telah ambil dan kami juga melaksanakan kerja ini mengambil kira risiko-risiko perniagaan, risiko-risiko *financing*, risiko-risiko kebolehpayaan, risiko-risiko kepakaran dalaman yang kami ada. Semua perkara ini telah kami rangkumi dan telah dibentangkan pada satu sesi tadbir urus, validasi dan juga

tatakelola syarikatlah dan diputuskan oleh ahli-ahli lembaga pengarah syarikat ini satu projek yang boleh diambil dan ditangani dan juga diambil tanggungjawab obligasi kontrak ini oleh syarikat LUNAS.

So, daripada aspek itu, kita berpegang kepada *contract obligation*. *We stand guided by the law of the contract of the designation for us to deliver in accordance to that. If we fail, then please do the necessary in accordance to the provision the contract which LUNAS also catered in terms our risk mitigation*. Itu saja yang saya boleh nyatakan secara umum. Saya tak boleh katakan, “Ya, kita boleh 100 percent bagi jaminan semuanya akan...” Saya bukan berada dalam keadaan tersebut, tapi saya boleh nyatakan ia nya adalah satu obligasi kontrak oleh syarikat. Ia kekal, tidak berubah dan kita akan berpegang kepada *contractual obligation*. Itu sahaja Yang Berhormat secara umumnya.

Tapi aspek pendekatan, penyediaan *risk mitigation* projek telah kita sediakanlah. Seperti yang saya maklumkan, ada beberapa contoh tadilah yang kita *actually spend a lot of money in preparing the shore integration facility*. Set yang dulunya ketujuhlah. Kemudian dah *reduce this set* kepada lima. So, yang keenam ini, dia berfungsi sebagai satu *reference system*. *At the same time*, ia digunakan sebagai kita panggil *contingency stock*. Kalau kata saya perlukan secara mendadak, *emergency, urgently for the equipment to be replaced*, kita akan ambil daripada *shore reference system* untuk kegunaan kapal. So, itu salah satu contoh mitigasi yang telah dilaksanakanlah Yang Berhormat.

So, saya harap ia nya memberikan sikit *comfort*, keyakinanlah kepada Yang Berhormat untuk lebih yakin. *But at the end of the day*, kita hanya boleh merancang dan berusaha. *Insyah-Allah*, saya doakan niat kami dipermudahkan urusan kami, *insyiah-Allah*. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Kepten. Saya ucapkan... *[Dicelah]*. Okey, terima kasih atas penjelasan tersebut dan kita tahu LUNAS memang banyak pengalaman. Dalam Laporan Ketua Audit yang terkini berkenaan dengan kelemahan ya, terdapat kelemahan pengurusan pembaikan kapal APMM yang katanya dijalankan *by* LUNAS yang merupakan juga kontraktor kepada untuk membina LCS. Kalau kita tengok, hari itu pun memang ada kapal-kapal yang sedang dalam pembaikan, tapi saya tak pasti itu di bawah LUNAS ataupun tidak.

Nak dalam rekod, adakah kini LUNAS menjalankan aktiviti selain daripada membina kapal LCS? Adakah LUNAS mampu menjalankan kedua-dua aktiviti membina LCS dan juga buat MRO? Okey. Soalan saya yang terakhir, siapakah yang memantau

supaya dana LCS daripada kerajaan ini tidak dicampuradukkan dengan aktiviti MRO sebagaimana yang berlaku di zaman sebelum LUNAS ini di bawah MKD? Terima kasih.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Terima kasih Yang Berhormat Pengerusi. Syarikat LUNAS ini sebenarnya amat bergantung kepada aktiviti perniagaan MRO (*maintenance, repair, and overhaul*) kapal-kapal daripada TLDM dan *of late* ini kita ada ambil juga daripada APMM kerana itu adalah kita punya — kita kata sebagai *bread and butter*-lah di mana projek pembinaan kapal ini dia datang secara bermusim, *only cyclical*.

■1420

So, kita tak bergantung secara sepenuhnya kepada aktiviti-aktiviti pembinaan kapal. So, untuk kesinambungan, *continuity, or survival of* syarikat sebenarnya *the core business of* LUNAS *actually* MRO (*maintenance, repair, and overhaul*). Kita laksanakan kedua-dua aktiviti perniagaan ini secara serentak. *While we are constructing* LCS kita juga masa yang sama melaksanakan aktiviti-aktiviti kerja untuk MRO. Dari segi tatakelola dan tadbir urus, kami memang daripada asal bila diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD), satu mekanisme yang amat jelas dan ketat di mana kawalan kewangan dan pengurusan aliran tunai syarikat ini dipantau secara teliti oleh MKD dan memang tiada langsung kebenaran dibagi untuk pengurusan kewangan atau aliran tunai projek diguna pakai untuk aktiviti-aktiviti perniagaan yang lain seperti MRO atau yang sebaliknya.

So, dari segi pengurusan kewangan dan disiplin pengurusan aliran tunai syarikat, ia satu yang amat *strict* dan dipantau secara dekat oleh Kementerian Kewangan supaya kebolehpayaan projek ini tidak terganggu gugat dengan ketirisan wang projek diguna pakai untuk aktiviti-aktiviti yang tidak berkenaan.

So, saya boleh nyatakan ini sebagai *Chief Executive Officer of the* syarikatlah. Memang itu adalah satu ketetapan dasar yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan untuk saya laksanakan dari segi dasar pengurusan di mana disiplin pengurusan kewangan adalah amat-amat ketat dan tidak boleh dikompromi.

So, punca kewangan dan aliran tunai projek LCS hanya untuk LCS dan juga MRO diusahakan secara asinglah, Yang Berhormat Pengerusi. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih Kepten. Okey, kita akan habiskan kita punya prosiding jam 2.30 ya. Jadi, saya bagi pada ini. Saya minta kalau ada soalan. Dato' Ku, YB Sik. Lepas itu, okey.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail: Sikit sahaja, Datuk Wira Pengerusi.

Datuk KSU, CEO, dan juga Laksamana; masa lawatan kita sebelum ini saya ingat 2024, kita dapati banyak komponen-komponen yang terbiar dan sebagainya. Cuma, soalan saya ialah adakah komponen-komponen ini boleh digunakan ataupun dia memang menjadi satu benda yang tidak boleh digunakan lagilah? Kalau ya, berapakah kos yang terlibat?

Lagi satu ialah ada tak kemungkinan projek ini — buat jalan sedikit pun kadang ada VO ya. Jalan kos yang rendah pun ada VO. Adakah kemungkinan projek LCS ini juga akan mengalami masalah VO?

Terakhir ialah Yang Berhormat Datuk Wira Pengerusi, projek LCS ini dia satu proses perjalanan yang amat panjang tetapi *it has come a long way*. Mula-mula projek ini 2011, *Boustead Naval Shipyard* dengan bajet RM6.83 bilion dan telah dibelanjakan pun dan sekarang ini, kita naik sampai RM11.22 bilion, Datuk Wira Pengerusi. RM6 bilion naik RM9.18 bilion. Sekarang, RM11.22 bilion. Daripada enam kapal, kita jadi lima kapal. Bayangkanlah sekarang dah 2026. Kita mula 2011 sepatutnya kalau *schedule* asal itu diikuti, tahun 2023 dah siap dah kapal itu. Daripada semua inilah dan juga ada kerugian sebanyak RM890 juta. Saya nak tanya apa dilakukan sebelum ini mendatangkan kerugian sebanyak itu.

Terakhir ialah melalui proses yang panjang ini, *what are lessons learned?* Saya *very open*. Saya *confident* dengan *the present team*. Cuma, kita tak bolehlah, orang kata puji melangit. Sebab, benda ini belum siap keseluruhannya. *I'm very confident with your present team*.

Cumanya, saya nak dengar apa dia sebenar *what are lessons learned* dalam proses 2011 ini sampai 15 tahun baru kita nampak satu kapal yang masuk ke laut. *What are lessons learned* dan apa yang boleh kita baiki di masa-masa yang akan datang? Terima kasih Datuk Wira Pengerusi. *That's my last*.

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Yang Berhormat, izinkan saya. Saya cuba jawab *the first part of your question*. Ya, betul ada segelintir peralatan yang telah pun usang. Benda ini kita telah pun umumkan dan maklumkan kepada forum yang mulia ini pada mesyuarat yang lepas. *However*, di bawah obligasi syarikat LUNAS, mereka terpaksa dengan wang *contingency* yang Kepten Azhar cerita tadi itu terpaksa membaik pulih menangani isu-isu keusangan tersebut.

Saya ada beberapa contoh dalam slaid. *If we can have* — okey, dalam slaid ini kalau kita lihat dekat kotak yang warna hijau bawah sekali, LUNAS *has already spent money to refurbish*. *That means* hantar balik ke premis OEM dan terima balik peralatan. Antara dia *navigation radar*, *towed array sonar*. *Towed array sonar* ini hari itu kita tak

berpeluang nak tunjuk *this equipment*. Barang dia kecil tetapi dia boleh *detect* kapal selam dan dia boleh dibawa — *is a tow* lah. *That means you tow it on the line*. Sonar ini *you* boleh *tow* atas satu *winch* for distance of two kilometers.

So *winching system* itu *winch* dia agak besar *as tall as a person*, 1.8 meter ketinggian *winch* ini. *Winch* ini ada isu keusangan. So, we said, “No, we are not going to *accept until you complete the refurbishment*.” So, OEM daripada Perancis kebetulan peralatan ini daripada Perancis datang untuk perbaiki sistem tersebut. *They have done all that stuff*. Syarat yang ada dalam kontrak; *any equipment failure, obsolescence, defect* yang menjejaskan *trials* — *trials* yang kita sembang tadi itu — adalah di bawah obligasi syarikat LUNAS. So, *they have to make good all this equipment so that we can then perform and clear the acceptance trials*.

Sini kita ada contohlah. *We’ve given sample. They are many more systems* yang LUNAS terpaksa *refurbish using their own cost without government giving extra money*. Alright. So, inilah contoh-contoh yang kita rasa *these are also factors* yang menaikkan *confidence level* kita untuk *move to the next steps*. Kita hari itu tengok barang ini mula-mula sampai kata, “*Eh, boleh kah benda ini tahan lagi dua tahun nak go for testing*.” But once *refurbishment* itu dah dibuat, *hose, piping* dah diganti segala-galanya, kita *confident to move to the next phase of the project*. Alright.

Untuk soalan seterusnya, saya rasa wajar Kepten Azhar yang jawablah. *Lessons learned*.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [MINDEF]: *I think some of the lessons learned* ini saya pernah *highlight* kepada Jawatankuasa Khas Kabinet lah. Bila mereka membuat kajian kebolehpayaan ataupun *any viability* pada *project to be continued*.

[Loceng Dewan dibunyikan]

■1430

Dia tak bagi saya *share the lessons learned*, Yang Berhormat. *[Merujuk kepada bunyi loceng]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Tak apa. Teruskan, teruskan.

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: *[Ketawa]*

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *[Ketawa]*

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Bagi saya ialah sistem tadbir urus dan tata kelola yang ketat perlu diterapkanlah, di mana projek-projek yang sensitif dan berimpak tinggi seperti LCS ini, di mana elemen sistem pertahanan dan harga kontrak

yang amat tinggi ini perlu diwujudkan satu sistem tata kelola dan tadbir urus yang ketat di mana buat masa ini telah dilaksanakan melalui Kementerian Kewanganlah. Jelas apa yang telah berlaku pada kejadian sejarah projek ini ialah pelaksanaan projek dan pengurusan kewangan itu tidak telus, wujud ketirisan pengurusan kewangan dan juga penstrukturan kontrak itu lebih menjurus kepada elemen-elemen yang boleh kita sangsi tujuan asalnya.

Lessons learned, bagi saya sebagai — saya ini bekas tentera, Yang Berhormat. Saya melihat kepada proses perolehan peralatan-peralatan ketenteraan *especially* yang berimpak tinggi dan bernilai tinggi ia nya wajar diberi kepada syarikat yang jelas terbukti keupayaannya dan juga syarikat tersebut perlu dirujuk kepada satu proses tadbir urus yang ketat dan berkala. Ia nya tidak boleh dibiarkan sebagai satu struktur yang lebih berlandaskan kepada kepentingan komersial kerana *some of those decisions, some of those* struktur, dari segi kontrak, *subcontracting* yang saya lihat kepada sejarah projek ini lebih menjurus kepada kepentingan komersial daripada kepentingan menyiapkan projek-projek yang berimpak tinggi seperti ini.

Perkara kedua, mungkin *some the lessons learned* ialah proses ketetapan spesifikasi peralatan atau sistem perlu kekal dan tidak berubah-ubah semasa projek dilaksanakan kerana kejadian ini wujud semasa pelaksanaan awal projek ini di mana ada beberapa perubahan sistem dan peralatan yang turut menyumbang kepada isu *Variation Order* dan kelewatan...

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Termasuk yang *design* yang diubah dulu di peringkat awal?

Kepten (B) Ir. Azhar bin Jumaat [LUNAS]: Ya. Ya, Yang Berhormat. Justeru, saya syorkan di sini sebagai satu *lessons learned* ialah sebarang proses perubahan spesifikasi peralatan atau sistem yang telah diputuskan semasa kontrak ini dimuktamadkan, dikawal dengan sebaik-baiknya tidak boleh berubah. Kerana sebarang perubahan selepas kontrak ditandatangani, setelah kontrak bermula, ia akan mempunyai impak yang amat tinggi dan kos yang amat besar, yang amat merugikan kepada pihak kerajaan.

Itulah bagi saya dua perkara *lessons learned* dari segi satu tata kelola, tadbir urus yang ketat. Perkara yang kedua ialah proses pemantauan pelaksanaan kontrak dan perubahan skop tidak wajar berlaku, *midway through of the project*. Itu Yang Berhormat.

Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [Ahli PAC]: Okey, terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: YB Sik.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Ya. Saya ringkas je Yang Berhormat Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Spesifikkan soalan dan jawapan pun spesifikkan jawapan.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: Yang pertama — okey, okey, baik. 2.30 ya.

Yang pertama, tadi berbalik kepada pembentangan awal oleh Datuk Laksamana tadi. Ada perubahan dari segi mekanisme kawalan pembayaran itu. Maksudnya, sebelum ini mungkin kita pun pernah temu dalam prosiding iaitu ada pembayaran yang dibuat walaupun kemajuan kapal itu tidak mengikut jadual, hanya berdasarkan tuntutan kontrak ataupun invoice.

Jadi — so okeylah. Maknanya sudah ada lihat tadi *lessons learned* jugalah, soal pembayaran itu dengan lebih telus. Jadi, apa mekanisme yang telah dilaksanakan yang terkini dalam kita nak memastikan bahawa proses kawalan ini betul-betul menepatilah? Maknanya, kita mengambil pengajaran yang sebelum ini ketika dengan BNS itu. Itu yang pertama.

Yang kedua, mungkin Yang Berhormat Pengerusi saya nak rujuk kepada ex officio SPRM. Kalau ada apa-apa perkembangan kes ini yang telah pun sedang berada dalam proses mahkamah itu mungkin di-update sendiri. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ada jawapan?

Laksamana Ir. Ts. Franklin Jeyasekhar Joseph [MINDEF]: Okey, saya jawab yang pertamalah. Yang SPRM saya serah dekat SPRM lah ya. Okey, untuk kawalan pembayaran Yang Berhormat, kaedah sebelum *remobilisation of contract, that means* kaedah sebelum Mei 2023. Kaedah yang diguna pakai adalah *based on milestone* yang ditetapkan dalam kontrak. So, kontrak yang terdahulu dah gariskan beberapa *milestone*. *You* capai *milestone* ini, *you* layak dapat sekian banyak duit. So, kaedah itulah yang diguna pakai daripada tahun 2014 sehinggalah kontrak terhenti pada tahun 2019. *All right*.

Kaedah *purely on achieved milestone*. Apabila kontrak terhenti 2019, siasatan masuk, audit sarankan untuk kita perbaiki kaedah pemantauan dan juga *progress versus collection*. So, mengambil kira semua arahan-arahan jawatankuasa tadbir urus masa itu, kita ambil satu pendekatan benda ini berat untuk dua-dua pihak. Kita ambil satu pendekatan, satu kaedah baru yang benda ini sebenarnya bukan baru, *in the business world they are already doing it. Earned value method. That means whatever you want to*

pay, you must ensure the vendor earns that value. Tapi, untuk buat kaedah *earned value method* ini, dekat kontrak pembinaan kapal jadi terlalu rumit.

So, kita sebenarnya *both sides* LUNAS dengan pihak kerajaan *spent about* tiga bulan untuk menggubal semula kaedah pengukuran projek. Apa benda yang kita nak *value*-kan supaya kita boleh ukur. So, setiap satu aktiviti lah. Dalam *construction* ada beberapa aktiviti yang kita perlu ukur, dalam *test and trial* ada beberapa aktiviti yang kita perlu ukur. Dalam *test and trial* ada beberapa aktiviti yang kita perlu ukur. So, setiap satu ini telah kita olah dan sama-sama, dua-dua pihak setuju untuk dijadikan *as the new contract*-lah.

So, apabila YB tanya macam mana kaedah kawalan dia, dalam *earned value method* ini, setiap bulan LUNAS akan majukan cadangan untuk disemak. Cadangan *value* untuk disemak. *That means* kerja untuk disemaklah. Pasukan projek pula akan turun melaksanakan semakan tersebut.

So, hasil daripada semakan ada tambah, ada tolak. Itulah yang menetapkan peratus keseluruhan projek pada sebilang masa. Yes, *of course* kita kata dalam Laporan PAC 2003 *when we started*, pada permulaan cara lama, matematik dia 68.—*something percent*. Tapi, kalau kita guna *earned value method, apply to the previous work* yang dah siap, dianya hanya mencapai 60 peratus. So, ada perbezaan dalam dua-dua kaedah yang kita guna. Namun, kita sekarang *with this new contract* berjalan menggunakan *this earned value method*. Itu jawapan saya, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih. Ada soalan lagi? Mana?

Tuan Ahmad Tarmizi bin Sulaiman [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* SPRM. SPRM tak jawab lagi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Oh, SPRM. Ya, SPRM. Respons.

KPKPj Tuan Chang Ching [Ketua Penolong Kanan Pesuruhjaya (Bahagian Siasatan), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)]: Selamat petang Yang Berhormat Pengerusi. Saya daripada SPRM. So, untuk yang — memang kita ada buka kertas siasatan untuk kes ini. So, kertas siasatan itu masih *ongoing* dan kita juga ada buka kertas penyiasatan tatakelola. Tapi, yang tatakelola punya kita sudah selesai dan kita telah membuatkan sesi khidmat nasihat kepada MINDEF pada tahun 2023,

Ogos. Dah selesai. Cuma, yang siasatan itu kita masih *ongoing*-lah. Itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Terima kasih. Okey, ada soalan lain?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *Last*-lah ya Pengerusi.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Last question* ya?

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: Ya, dah nak habis, 3.30 dah. Struktur syarikat pemegang saham LUNAS di MOF sekarang ini. Pihak manakah yang menjalankan pemantauan ke atas LUNAS sekarang? Dan adakah pemantauan yang efektif telah dijalankan di pihak MOF?

■1440

Kalau boleh kita bagilah kepada PAC, pengarah-pengarah syarikat pemegang saham LUNAS sekarang ni. Terima kasih.

[Pembesar suara dimatikan]

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [Bahagian Syarikat Pelaburan Kerajaan (GIC) Hubungan, Kementerian Kewangan]: *Assalamualaikum* YB. Dari segi pemantauan syarikat LUNAS, memang dari segi syarikat memang dipantau oleh Menteri Kewangan — Kementerian Kewangan lah. So, pegangan saham adalah Menteri Kewangan Diperbadankan, maknanya *100 percent* dimiliki oleh Menteri Kewangan Diperbadankan yang mana kuasa Menteri Kewangan diperbadankan adalah Menteri Kewangan lah. Dan, kami ambil maklum jugalah berkenaan cadangan YB tentang pelantikan ahli lembaga pengarah dalam syarikat-syarikat.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Ada dalam apa tu kan, LUNAS ni?

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [MOF]: Dalam LUNAS kita ada wakil Kementerian Kewangan.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]* Satu je?

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [MOF]: Kita ada dua orang wakil daripada Kementerian Kewangan dan kita juga ada ahli lembaga pengarah *independent* lah yang ada kepakaran dalam bidang perkapalan, perundangan dan juga kewangan untuk membantu Kementerian Kewangan memantau LUNAS lah.

Dr. Hajah Halimah Ali [Ahli PAC]: So, maknanya tadi kalau tengoklah tadi kita punya *progress* dan sebagainya tu, adakah MOF merasa *you need to put aside*

something, some amount untuk pastikan lima kapal tu akan disiapkan seperti yang dicadangkan? *Without additional cost or* ada kena *stand by*?

Encik Azrai Yusni bin Kamarul Zaman [MOF]: Buat masa sekarang, tidak ada apa-apa pertambahan kos lah berdasarkan kepada kos yang RM11 bilion tu. Tak ada tambahan lainlah.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: *Okay, alright.* Terima kasih atas soalan — jawapan yang terakhir. Datuk KSU dan tuan-tuan sekalian, bilik ini akan digunakan oleh JKPK yang lain. Jadi, semua telah selesai soalan dan kita tak perlu *further explanation because* laporan itu kita akan masukkan dalam laporan kita, sebahagian daripada kita punya laporan. *So that* yang itu memang boleh — ya, Datuk KSU ada pertambahan?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Ya, cuma nak dapat *clarification* apa yang pertamanya Datuk Wira Pengerusi, bagi pihak MINDEF dan *team* semua, kami mohon maaf kerana terlepas pandang daripada syor PAC untuk menyampaikan laporan kemajuan setiap tiga bulan tersebut. *Somehow or rather we all missed that part, maybe some of the things*, kefahaman kita akan lapor di sewaktu PAC prosiding, tapi jelas PAC punya syor ialah untuk mengemukakan laporan kemajuan. *So, we will start to do that from now on.* Cumanya, *do we start immediately after this because* kita akan hanya tiga bulan selepas sesi prosiding ini ataupun...

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Ya, tiga bulan selepas prosiding ini.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Prosiding ini. Okey.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Datuk, sebab yang syor tu tiga bulan tetapi ada dalam satu prosiding itu, memang kita nyatakan kita minta untuk enam bulan. Tapi *I think now*, sebab kita nak pastikan LCS 1 tu boleh tak tiga bulan tu terpakai?

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Okey. Baik. Terima kasih.

Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Pengerusi PAC]: Okey, ya. Jadi saya ucapkan terima kasih sekali lagi kepada Yang Berbahagia Datuk Lokman Hakim bin Ali, Ketua Setiausaha MINDEF; Yang Berusaha Laksamana Franklin, Ketua Pasukan Projek LCS; dan juga Yang Berusaha Kapten Ir. Azhar Jumaat, Ketua Pegawai Eksekutif LUNAS dan semua yang terlibat dalam prosiding pada hari ini.

Kita mendoakan semoga berjalan dengan lancar dan kita nak tengok ia nya siap. Jadi, apa pun yang berlaku dalam ini adalah untuk memastikan ia nya dapat berjalan pada waktu yang ditetapkan dan kami memberikan sokongan yang penuh untuk semua

itu dapat dilaksanakan dengan baik. Jadi, untuk itu saya tangguhkan pada jam 2.44 petang. Terima kasih semua.

Datuk Lokman Hakim bin Ali [MINDEF]: Terima kasih.

Beberapa Ahli: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 2.45 petang]



JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA (PAC)
Parlimen Malaysia, Jalan Parlimen, 50680 Kuala Lumpur
Tel: 03-2601 7263 / 2968 6852 (DL)
E-mel: pacparlimen@parlimen.my

www.parlimen.gov.my/pac